Ashraf ditugaskan untuk membangunkan sebuah aplikasi yang dapat mengira isipadu silinder. Aplikasi tersebut boleh menerima nilai jejari dan tinggi bagi sebuah silinder. (Formula isipadu silinder = $\pi j^2$ x tinggi)

Berdasarkan maklumat di atas;

a) Semasa membangunkan aplikasi tersebut, Ashraf akan melalui fasa pengujian dan nyah ralat. Nyatakan tujuan fasa pengujian dan nyah ralat dalam Kitaran Hayat Pembangunan Sistem.

Berikan dua jenis ralat di dalam Kitaran Hayat Pembangunan Sistem.

[3 markah]

b) Lengkapkan Jadual Input Proses Output (IPO) di bawah untuk menunjukkan analisa penyelesaian masalah Ashraf di atas.

| | |
|---|---|
| Input | |
| Proses | |
| Output | Isipadu Silinder |

[2 markah]

c) Berdasarkan Jadual IPO di atas, bina aturcara untuk mengira isipadu silinder.

[7 markah]

d) Lakarkan cadangan paparan dan reka bentuk skrin berdasarkan kod aturcara di atas.

[3 markah]

4. **Rajah 13** di bawah menunjukkan antaramuka aplikasi web e-Ticket KTMB.




**Rajah 13**

a) Senaraikan DUA aktiviti interaksi yang boleh dilakukan oleh pengguna terhadap laman web tersebut.

- [2 markah]

b) Anda dikehendaki membuat penilaian dari segi 3 prinsip reka bentuk interaksi. Gunakan jadual di bawah sebagai panduan.

| Bil | Prinsip | Penjelasan pemerhatian yang dibuat pada aplikasi ETS Online |
|---|---|---|
| i. | Konsisten | |
| ii. | Boleh dipelajari | |
| iii. | Kebolehan membuat pemerhatian | |

[3 markah]

c) Merujuk kepada paparan skrin aplikasi e-Ticket KTMB,

i. Anda dikehendaki membuat penilaian Reka Bentuk Skrin dan Interakviti Pengguna

| Bil | Kriteria | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1. | Reka bentuk skrin mudah dan ringkas | | |
| 2. | Pemilihan ikon bersesuaian dan menarik | | |
| 3. | Sistem navigasi yang disediakan mudah dikenalpasti dan mesra pengguna. | | |
| 4. | Saiz paparan adalah sesuai. | | |
| 5. | Penggunaan bahasa yang tepat dan ejaan yang betul. | | |
| 6. | Tidak menyebabkan pengguna sesat dalam penerokaan aplikasi tersebut. | | |
| 7. | Pengguna boleh mengawal butang navigasi. | | |
| 8. | Kedudukan menu memudahkan pengguna untuk berinteraksi. | | |
| 9. | Saiz teks sesuai dan tidak mengelirukan pengguna. | | |

[3 markah]

ii. Berdasarkan kepada penilaian di soalan 4 (i) berikan DUA cadangan penambahbaikan terhadap aplikasi tersebut.

[2 markah]

***~KERTAS SOALAN TAMAT~***

# KELANTAN 2018

# MODUL G-CAKNA SPM
## SAINS KOMPUTER
### TINGKATAN 5

### TAHUN 2018

**3 jam** **Tiga jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Modul ini mengandungi **24** soalan.*
2. *Modul ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B***
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan.*
4. *Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

**Bahagian A**
**(50 markah)**

Jawab semua soalan. Jawab diruang yang disediakan.

1 a) Berikan definisi penyelesaian masalah.

_____

_____

[*1 markah*]

b) Terangkan tiga ciri penyelesaian masalah berkesan.

i) _____
ii) _____
iii) _____ [*3 markah*]

2 a) Algoritma pada Rajah 1 mengandungi ralat kegagalan input dipamerkan dalam output. Algoritma ini meminta input nama daripada pengguna untuk mempamerkan "SELAMAT DATANG" diikuti nama input sebagai output. Betulkan algoritma ini dalam ruangan yang disediakan.

```
1.Mula
2.INPUT NAMA
3.PAPAR "SELAMAT DATANG"
4.Tamat
```

*Rajah 1*

_____ [*1 markah*]

b) Jadual 1 menunjukkan dua aturcara dari satu bahasa pengaturcaraan. Nyatakan jenis data yang sesuai bagi pembolehubah yang terdapat dalam aturcara A dan aturcara B dari Jadual 1 dibawah.

| | |
|---|---|
| A | <?php<br>$nilai ='Nilai 10';<br>(int)$nilai;<br>Echo $nilai;<br>?> |
| B | <?php<br>$angka=12345;<br>Echo substr(12345,3);<br>?> |

*Jadual 1*

A) _____
B) _____ [2 *markah*]

3) Satu aturcara dari bahasa pengaturcaraan diberikan pada Rajah 2. Kesan dua pembolehubah bagi aturcara yang diberikan.

```
<? php

$nama_cikgu =”Aminah”;

$kelas=”2 Matahari”;

echo”Nama cikgu saya Cikgu “.$nama_cikgu.” .

Saya belajar dikelas” .$kelas.”.”;

?>
```

*Rajah 2*

i) _____

ii) _____

[2 *markah*]

4) Aturcara pada rajah 3 adalah dari satu bahasa pengaturcaraan. Aturcara pada Rajah 3 sepatutnya menunjukkan sifir 5 yang berulang sebanyak 12 kali, tetapi output yang keluar adalah tidak seperti yang dijangka. Betulkan aturcara ini supaya bebas ralat.

```
<? php

Echo “sifir 5”

For ($i=1;$i<12;$i++)

{

$jawapan=$i*5;

Echo:$i x 5 =$jawapan”;

}?>
```

*Rajah 3*

_____

[*1 markah*]

5. Jadual 2 menunjukkan ciri-ciri data yang disimpan dalam pangkalan data.

| | | |
|---|---|---|
| Pertindihan data yang berpunca daripada salinan data yang berulang tetapi di lokasi yang berlainan. | Konsistensi atau pun keseragaman data yang akan mempengaruhi kebolepercayaan data. | Bermaksud kesempurnaan, ketepatan dan keesahan data serta merujuk ketepatan data yang sah melalui keseluruhan kitaran hayat data. |
| **C** | **Ketekalan** | **D** |

*Jadual 2*

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan:

i) **C** : _____

ii) **D** : _____ [2 *markah*]

6. Rajah 4 menunjukkan salah satu dari Model Pangkalan Data.

| **MURID** | | |
|---|---|---|
| Kelas | Nama | ID_Murid |
| 5A | AHMAD B SALAM | A1234 |
| 5B | IZZATI BT NORDIN | A1235 |

| **PENDAFTARAN** | |
|---|---|
| ID_Murid | KodSubjek |
| A1234 | SAS |
| A1235 | KIM |

| **SUBJEK** | | |
|---|---|---|
| KodSubjek | Subjek | Aliran |
| SAS | Sastera | Sastera |
| KIM | Kimia | Sains Tulen |

*Rajah 4*

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan Model Pangkalan Data tersebut.

_____ [*1 markah*]

7. Rajah 5 menunjukkan Gambar Rajah Perhubungan Entiti (ERD)




*Rajah 5*

Berdasarkan rajah 5:

a) Nyatakan entiti yang digunakan.

i) _____

ii) _____ [2 *markah*]

b) Nyatakan kunci primer pada entiti soalan 7(a).

i) _____

ii) _____ [2 *markah*]

8. Jadual 3 menunjukkan jenis-jenis kebergantungan fungsi kepada atribut kunci primer.

| | |
|---|---|
| **E** | Berlaku apabila atribut-atribut bergantung kepada atribut biasa yang lain dalam jadual |
| **F** | Berlaku apabila atribut-atribut bergantung kepada salah satu daripada atribut kunci dalam jadual. |
| **G** | Berlaku apabila atribut-atribut bergantung sepenuhnya kepada kesemua atribut kunci dalam jadual. |

*Jadual 3*

Berdasarkan jadual 3, namakan fungsi:

i) E : _____

ii) F : _____

iii) G : _____ [3 *markah*]

9.




*Rajah 6*

*Rajah 6* menunujukkan aliran proses reka bentuk interaksi yang membenarkan pengguna untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan aplikasi secara berkesan.

Namakan

(i) **H**: ……..

(ii) **J**: ……. *[2 markah]*

10. Rajah 7 di bawah menunjukkan dua paparan skrin pada satu telefon pintar.




*Rajah 7*

(a) Ikon-ikon pada skrin telefon pintar menunjukkan aplikasi yang terdapat pada telefon berkenaan. **K** mengamalkan prinsip reka bentuk yang dikenali sebagai _____

*[1 markah]*

(b) Berikan justifikasi jawapan anda di (a).

_____

_____

*[2 markah]*

11. (a)

*Rajah 8*

Rajah 8 diatas merupakan salah satu daripada kesan positif didalam pengkomputeran. Kesan positif tersebut ialah _____.

[*1 markah*]

(b) Pada rajah 9 adalah penyesuaian Undang-undang siber berdasarkan negara yang tidak lengkap. Lengkapkan penyesuaikan undang-undang siber dengan negara yang sepatutnya pada rajah 9 tersebut.

| | | |
|---|---|---|
| i) | Anti-Cyber Crime Law | Amerika Syarikat |
| ii) | Akta jenayah komputer 1986 | Arab Saudi |
| iii) | Akta Jenayah Komputer 1997 | China |
| iv) | 1997 Cybersecurity Law of Public Security Bureau | Malaysia |

*Rajah 9*

[3 *markah*]

12.

*Rajah 10*

Rajah 10 diatas menunjukkan proses penyulitan dan nyahsulit. Fungsi penyulitan ialah _____.

[*1 markah*]

13. Sistem Komputer terdiri daripada sebuah CPU (Central Processing Unit) atau dikenali sebagai pemproses (Processor), memori iaitu RAM (Random Access Memory) dan ROM (Read Only Memory), mempunyai program dan data, perantaraan masukan dan keluaran (I/O ports) dan tiga penyambungan Bas iaitu _____, _____ dan _____ yang menyambungkan setiap elemen dalam sistem tersebut.

[3 *markah*]

14. Nyatakan nama get logik yang sepatutnya bagi rajah 11(a) dan (b) dibawah.



*Rajah 11(a)*



*Rajah 11(b)*

a) _____ b) _____

[2 *markah*]

15. Lengkapkan pernyataan berikut.

Pernyataan (a)……. dalam SQL digunakan untuk membina jadual daripada pangkalan data, manakala pernyataan (b)…….. dalam SQL digunakan untuk menghapuskan jadual daripada pangkalan data. [*2 markah*]

16. *Rajah 12* menunjukkan skema hubungan jadual-jadual dalam satu pangkalan data.

MURID

| idMurid | namaMurid | kodKelas |
|---|---|---|

BUKU

| kodBuku | namaBuku | penerbit |
|---|---|---|

PINJAMAN

| idMurid | kodBuku | tarikhPinjam |
|---|---|---|

*Rajah 12*

Berdasarkan maklumat jadual yang diberikan dalam *Rajah 12*,

(a) Nyatakan jenis data yang sesuai untuk atribut tarikhPinjam. [*1 markah*]

……..

(b) Tulis pernyataan SQL untuk **tambah medan** untuk harga buku dalam jadual BUKU. [*2 markah*]

17. Rajah 13 dibawah menunjukkan satu carta alir struktur kawalan ulangan. Lengkapkan carta alir dibawah dengan menggunakan perkataan yang disediakan.

| |
|---|
| Syarat pembilang Benar? |
| Kemaskini nilai pembilang |
| Nilai awal pembilang |




*Rajah 13*

[*3 markah*]

18. Rajah 14 dibawah menunjukkan suatu konsep dalam rekabentuk laman web. Lengkapkan jadual 4 dibawah berdasarkan Rajah 14 tersebut.




*Rajah 14*

| | |
|---|---|
| L | |
| M | |
| N | |

[*3 markah*]

*Jadual 4*

19. Terdapat banyak pilihan bahasa penskripan pelayan yang boleh digunakan oleh laman web yang menyokong interaksi dengan pelayan web untuk memanipulasikan data. Berdasarkan pernyataan diatas, senaraikan dua (2) contoh bahasa penskripan pelayan.

a) _____

b) _____ [*2 markah*]

20. Senaraikan 2 prinsip asas reka bentuk laman web.

a) _____

b) _____ [*2 markah*]

**Bahagian B**
**(50 markah)**

Jawab semua soalan. Jawab di buku jawapan yang disediakan.

21. Rajah 15 adalah satu aturcara dari satu bahasa pengaturcaraan. Aturcara tersebut memaparkan satu proses.

```
<?php

# Main

$kira = 1;

while ($kira < 9) {

        echo $kira . PHP_EOL;

        echo "<br>";

        $kira = $kira + 1;

}

echo "Terima Kasih" . PHP_EOL;

?>
```

*Rajah 15*

a) Lukiskan carta alir bagi aturcara dari rajah 15 tersebut.

( 7 markah )

b) Nyatakan jangkaan output bagi aturcara dari rajah 15 tersebut.

( 2 markah)

c) Nyatakan jenis struktur kawalan yang digunakan dalam aturcara pada rajah 15.

( 1 markah)

22. Kolej Mahmudian akan memulakan pengajian pada semester Julai. Rajah 16 menunjukkan hubungan pelajar kolej tersebut dengan kursus yang akan diambil.

PELAJAR ( NoPelajar, NamaPelajar, JamKredit, Gpa, NoTutor )

TUTOR ( NoTutor, NamaTutor )

KURSUS ( NoKursus, NamaKursus, JamKredit)

GRED ( NoPelajar, NoKursus, Gred )

*Rajah 16*

Berdasarkan rajah 16, lakarkan ERD yang lengkap dengan memasukkan

i) Entiti

ii) Atribut

iii) Perhubungan antara entiti

iv) Atribut kunci primer

v) Atribut kunci asing

vi) Kekardinalan

[15 markah]

23 (a) (i) Rajah 17 dibawah menunjukkan satu keratan akhbar.

# 3,827 jenayah siber direkod Januari-April

**Oleh NURSURAYA ZULKIFLI**

■ **MELAKA 9 MEI**

SEBANYAK 3,827 kes jenayah siber direkodkan dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini membabitkan pelbagai kesalahan termasuk pembulian dan penipuan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah berkata, jumlah tersebut ternyata amat membimbangkan dan perlu dibendung sebelum masalah berkenaan semakin meruncing.

Menurutnya, pada Januari lalu, kes jenayah siber yang dicatatkan adalah sebanyak 836 kes diikuti Februari (1,271 kes), Mac (802 kes) dan April (918 kes).

"Antara jenayah siber yang berlaku adalah membabitkan pembulian iaitu sebanyak 51 kes manakala penipuan pula 313 kes dan spam 434 kes.

"Kita dapati punca berlakunya peningkatan jenayah siber kerana pengguna siber yang tidak bertanggungjawab beranggapan mereka tidak dikawal di alam maya dan sebab itu boleh bertindak sesuka hati," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Program Perkampungan Sains Melaka 2015 di Planetarium Ayer Keroh di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Pengerusi Planetarium Melaka Sdn. Bhd., Datuk Dr. Ahmad Zaini Mohd. Amin.

Abu Bakar berkata, pengguna siber yang melakukan kesalahan itu juga beranggapan mereka tidak diperhati sedangkan pemantauan sentiasa dijalankan bagi melihat setiap aktiviti di alam siber ini.

"Untuk itu, saya menasihatkan pengguna siber supaya tidak berkongsi serta mendedahkan maklumat peribadi dengan sewenang-wenangnya di laman sosial kerana boleh mendatangkan masalah kepada mereka di kemudian hari," katanya.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, kementeriannya mengambil inisiatif bagi membendung masalah berkenaan melalui CyberSecurity Malaysia untuk memberi pemahaman kepada pengguna khususnya pelajar.

*Rajah 17*

Terangkan tiga jenis jenayah siber dari perspektif pengguna persendirian (3 markah)

ii) Rajah 18 dibawah merupakan satu gabungan get logik.




*Rajah 18*

Salin dan lengkapkan jadual kebenaran yang memaparkan Z sebagai output.

| Input | | W | X | Y | Z |
|---|---|---|---|---|---|
| A | B | | | | |
| 0 | 0 | | | | |
| 0 | 1 | | | | |
| 1 | 0 | | | | |
| 1 | 1 | | | | |

(4 markah)

23 (b) *Jadual 5* di bawah merujuk kepada jadual BARANG dalam sebuah pangkalan data.

| NoBarang | NamaBarang | Harga | Kuantiti | JenisKayu |
|---|---|---|---|---|
| B001 | Meja makan | 300 | 10 | Jati |
| B002 | Meja komputer | 200 | 70 | Lapis |
| B003 | Kerusi murid | 30 | 200 | Getah |
| B004 | Kerusi murid | 30 | 300 | Jati |
| B005 | Meja sekolah | 50 | 200 | Lapis |
| B006 | Meja kompter | 200 | 30 | Getah |
| B007 | Meja sekolah | 50 | 300 | Getah |
| B008 | Kerusi guru | 80 | 100 | Jati |

*Jadual 5*

Berdasarkan *Jadual 1*di atas, jawab soalan-soalan berikut.

(i) Tuliskan pernyataan SQL bagi memaparkan semua maklumat barang yang terdapat dalam stok. *[1 markah]*

(ii) Paparkan nama barang dan kuantitinya yang terdapat dalam stok. *[1 markah]*

(iii) Senaraikan nama barang yang tidak dibuat daripada getah. *[2 markah]*

(iv) Kemaskini rekod B005 dengan jenis kayu ‘Jati’. *[2 markah]*

24. Rajah 19 dibawah menunjukkan laman web satu sistem pembelian atas talian yang disediakan oleh Shopee untuk pelanggannya.




Rajah 19

Berdasarkan rajah 19 di atas, jawab soalan-soalan berikut

a) Senaraikan dua (2) contoh pelayar yang digunakan untuk memaparkan laman web tersebut.

(2 markah)

b) Laman web yang dihasilkan menggunakan bahasa penskripan pelayan. Terangkan maksud bahasa penskripan pelayan.

(2 markah)

c) Senaraikan dua (2) kelebihan bahasa penskripan pelayan.

(2 markah)

d) Terangkan 2 prinsip reka bentuk laman web yang digunakan dalam laman web pada rajah 19 di atas.

(4 markah)

e) Terangkan teknik navigasi yang digunakan dalam laman web di rajah 20 dibawah.




*Rajah 20*

(2 markah)

- SOALAN TAMAT -

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | | | | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

# KUANTAN, PAHANG SET 1 2018

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2018 3770/1

**SAINS KOMPUTER**
**Kertas 1**
**Ogos**

$2\frac{1}{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
3. *Jawab* **semua** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang jawapan dalam kertas peperiksaan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
5. *Pengiraan mesti ditunjukkan dengan jelas.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 25 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2018 Hak CiptaPanitia Daerah Kuantan 

**Bahagian A**

[ 50 Markah ]

Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini iaah 60 minit.

1 Rajah 1 menunjukkan algoritma untuk atur cara menghitung **lilitan bulatan** .

```
MULA
INPUT jejari
SET pi = 3.14
Lilitan = 2 *pi * jejari + jejari
OUTPUT  Lilitan
TAMAT
```

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1,

namakan jenis ralat yang terdapat dalam algoritma.

……

[ 1 *markah* ]

2 Rajah 2, menunjukkan algoritma untuk menerima dua nombor dan memaparkan jumlah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | Input x | D | Jumlah = x + y |
| B | Tamat | E | Mula |
| C | Input y | F | Papar Jumlah |

Rajah 2

Susun semula algoritma mengikut urutan yang **betul** dengan menulis **A, B, C, D, E** dan **F** dalam ruangan jawapan yang disediakan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

[ 1 *markah* ]

3 Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang **betul**.

Nama pemboleh ubah memainkan peranan yang penting dalam menentukan (a) …….. dalam ingatan. Kepelbagaian penggunaan (b)…….pada pemboleh ubah dapat menjimatkan ruang pada ingatan komputer. Oleh itu, penggunaan jenis data yang sesuai boleh menjimatkan kapasiti ruangan ingatan komputer.

[ 2 *markah* ]

4 Rajah 3 memaparkan 2 buah jadual dan atribut-atribut.

| |
|---|
| MURID (NoKadPengenalan, Nama, Alamat, NoKod) |
| MATAPELAJARAN (NoKod, NamaMatapelajaran) |

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, namakan :

(a) Kunci primer : ……

(b) Kunci asing : ……

[ 2 *markah* ]

5 Rajah 4 menujukkan sekeping memo tugasan yang dihantar oleh Pengarah sebuah syarikat.

CDH TECHNOLOGY SDN BHD.

MEMO

Tarikh : 12 Julai 2018
Daripada : En. Farid Bin Alias
Kepada: En. Mohd Ishak Bin Ali
Jabatan: Teknologi Maklumat
Perkara : Pembangunan Sistem Aset Syarikat Best

1. Bina Carta Analisis IPO yang relevan dengan aplikasi
2. Sediakan carta alir dan psuedokod untuk selesaikan masalah yang dikenal pasti.
3. Tempoh masa yang diberi untuk selesaikan tugasan ialah 2 minggu.

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan fasa dalam kitaran hayat pembangunan sistem yang terlibat.

(a)……

(b)……..……..……..

[ 2 *markah*]

6 Berikan **definisi** bagi setiap istilah berikut;

(a) Data

……

……

[ *1 markah* ]

(b) Maklumat

……

……

[ *1 markah* ]

**7** Padankan model pangkalan data dengan pernyataan yang diberi.

| Model Pangkalan Data Rangkaian | Model Pangkalan Data Hubungan |
|---|---|

| | |
|---|---|
| • Data disusun di dalam jadual terdiri daripada baris dan lajur.<br>• Mudah dibina, digunakan dan diuruskan<br>• Banyak digunakan berbanding model-model yang lain. | • Model ini dapat mengatasi masalah model sebelumnya<br>• Sesuai untuk hubungan banyak induk ke banyak anak.<br>• Model ini sukar untuk menambah hubungan baharu. |
| (a) ……... | (b) …….. …… |

[ *2 markah* ]

8 Rajah 5 menunjukkan Gambar rajah Hubungan Entiti (ERD) dalam satu pangkalan data.




Rajah 5

Berdasarkan rajah 5, nyatakan;

(a) Entiti :…….

(b) Kekardinalan.:……..

[ *2 markah* ]

9 Rajah 6 menunjukkan penjanaan laporan berdasarkan hasil *Query*.




Rajah 6

Kenal pasti atribut yang memaparkan data yang salah dan beri alasan.

……

……

[2 *markah*]

10 Rajah 7 menunjukkan sebahagian dari kod aturcara **HTML**.

```
<html>
        <head>
                <title> Aturcara Mengira Luas Segiempat</title>
        </head>
        <body>
                <script>
                  var panjang, lebar, luas;
                  panjang = 5;
                  lebar = 3;
                  luas = panjang * lebar;
                  document.write ("Luas segiempat ialah " + luas);
                </script>
        </bodv>
```

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7, nyatakan;

(a) Kod aturcara yang menerima input

…….

[ 1*markah* ]

(b) Kod aturcara yang memaparkan output

…….

[ 1*markah* ]

11 Rajah 8 menunjukkan fungsi siap bina (*built-in*) dalam **SQL**.




Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, padankan fungsi siap bina (*built-in*) dengan pernyataan berikut:

(a) Mengembalikan nilai tertinggi daripada medan tertentu……..……

(b) Menghitung jumlah nilai dari medan tertentu dalam sesuatu jadual……

(c) Menghitung jumlah rekod tertentu daripada sesuatu jadual……

[ 3 *markah* ]

12 Jadual (A) Sebelum kemaskini dan Jadual (B) Selepas Kemaskini adalah dua jadual MURID yang berbeza kerana suatu proses telah dijalankan dengan arahan SQL.

Jadual MURID

(A) Sebelum Kemaskini

| IDMurid | NamaMurid | Kelas | Subjek |
|---|---|---|---|
| A111 | BAKRI BIN ALIM | AL BANNA | MATEMATIK |
| A121 | KAMARUL BIN AMAN | AL FARABI | SAINS |
| A128 | RIPIN BIN MUSA | AL BANNA | MATEMATIK |

Jadual MURID

(B) Selepas Kemaskini:

| IDMurid | NamaMurid | Kelas | Subjek |
|---|---|---|---|
| A111 | BAKRI BIN ALIM | AL BANNA | MATEMATIK |
| A121 | KAMARUL BIN AMAN | - | SAINS |
| A128 | RIPIN BIN MUSA | AL BANNA | MATEMATIK |
| A132 | QAMARIAH BT SYUKOR | AL GHAZALI | SAINS |

Lengkapkan pernyataan SQL di bawah untuk jadual (B) selepas kemaskini:

(a) DELETE FROM MURID
WHERE ……..……

(b) ……MURID (IDMurid, NamaMurid, Kelas, Subjek)
VALUE (A132, “QAMARIAH BT SYUKOR”,”AL GHAZALI”, “SAINS”)

(c) Pernyataan DELETE digunakan apabila,
……

[3 *markah* ]

13 Rajah 9 merupakan simbol get logik ATAU (OR) dengan dua imput iaitu A dan B, manakala Y adalah sebagai output.




Rajah 9

Berdasarkan Rajah 9, lengkapkan jadual kebenaran yang diberi.

| Input | | Output |
|---|---|---|
| A | B | Y |
| | | |
| | | |
| 1 | 0 | 1 |
| | | |

[3 *markah*]

14 Rajah 10 menunjukkan suatu atur cara.




Rajah 10

Berdasarkan Rajah 10, nyatakan:

(a) pemboleh ubah sejagat atau pemboleh ubah setempat

[ 2 *markah* ]

(b) nama pemboleh ubah yang digunakan dalam (ii)

.....

[ 1 *markah* ]

15 **R, S** dan **T** adalah proses pengisytiharan, permulaan dan penetapan nilai.

| | |
|---|---|
| public class pembolehubah {<br>public static void main (String [] args) {<br>int x;<br>}<br>} | R |
| public class pembolehubah {<br>public static void main (String [] args) {<br>int x = 10;<br>}<br>} | S |
| final int BILANGAN_HARI_DALAM_SEMINGGU=7; | T |

Padan proses berikut dengan dengan sintaks yang diberikan.

| | |
|---|---|
| (a) Pengisytiharan dan penetapan nilai | |
| (b) Pengisytiharan integer | |
| (c) Pengisytiharan dan penetapan nilai pemalar | |

[ 3 *Markah* ]

16 Lengkapkan fungsi komponen dalam unit pemprosesan pusat (CPU).

| FUNGSI KOMPONEN | KOMPONEN |
|---|---|
| (a) Melakukan operasi aritmetik seperti (tambah, tolak, bahagi dan sebagainya dan operasi –operasi logic seperti (DAN, TAK, Xatau dan sebagainya. | |
| (b) Menyimpan data dan arahan yang dicapai dari ingatan utama. | |
| (c) Menerima dan menjana isyarat –isyarat bagi mengawal operasi keseluruhan sistem komputer. | |

[ 3 *Markah* ]

17 Rajah 11 memaparkan kod atur cara menentukan gred murid.

**P**

**Q**

**R**

```
class Test {
        public static void main ( String [] args){

                …… markah = 76.5;
                …… nama = " Sarah";
                …….gred;

                  if ( markah >= 90){
                     gred = 'A';
                  }else if ( markah >=80 ) {
                     gred = 'B';
                  }else if ( markah >=70 ) {
                     gred = 'C';
                  }else if ( markah >=60 ) {
                     gred = 'D';
                  }else {
                     gred = 'E';
                  }
                  System.out.println( " Gred markah " + nama + " ialah " +gred);
               }
}
```

Rajah 11

Berdasarkan Rajah 11, nyatakan jenis data yang sesuai bagi :

P : ……..

Q : ……..……

R : ……..

[ 3 *markah* ]

18 Rajah 12 merupakan rekod untuk mendaftar buku di perpustakaan sekolah.

BUKU

| isbn | judul | idpenerbit | harga | kategori |
|---|---|---|---|---|
| 9789674110901 | Tip Belajar Tanpa Stres | 1 | 14.00 | Motivasi |
| 9789675179754 | Cucu Tok Janggut | 2 | 11.90 | Novel Remaja |
| 9789673650460 | Janji Athirah | 2 | 8.72 | Motivasi |
| 9781907580765 | Common English Mistake | 3 | 15.95 | Bahasa |

Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12, nyatakan;

(a) Dua atribut:

…… [1 markah]

(b) Entiti:.

…… [1 markah]

(c) atribut kunci:

…… [1 markah]

19 Rajah 13 merupakan maklumat pakej yang ditawarkan di Perpustakaan SMK Bijoux Bestarey :




Rajah 13

Berdasarkan Rajah 13, kenal pasti atribut bagi jadual berikut:

(a) **Dua** atribut untuk jadual PEMINJAM dan **Satu** atribut untuk jadual PAKEJ.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Beri satu rekod lengkap yang boleh dijangkakan sebagai output.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

[2 markah]

**20** Tuliskan jawapan anda pada ruangan yang telah disediakan.

(a) Rajah 14(a) menunjukkan satu set aturcara.




[2 markah]

(b) Rajah 14(b) menunjukan satu set aturcara **HTML.** Namakan jenis d ata.




[2 markah]

**Bahagian B**

[50 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*.

*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini*: **90 minit**.

1 Sistem penggera menggunakan litar logik dua input. Sistem akan mengeluarkan isyarat bunyi, F, jika input berdasarkan jadual berikut:

| **Output Lampu Isyarat** | **Syarat** |
|---|---|
| **F = 1** | Jika A = ON dan B = ON atau |
| | Jika A = OFF dan B = OFF |

(a) Tuliskan ungkapan *Boolean* bagi pernyataan logik yang diberikan dalam jadual di atas.

……

……

……

……

……

……..

[3 *Markah*]

(b) Lakarkan litar get logik mewakili ungkapan *Boolean* yang dihasilkan.

[3 *Markah*]

(c) Bina jadual kebenaran bagi menguji kebenaran output litar get logik dalam soalan (b).

[4 *Markah*]

2 Baca petikan berikut dengan teliti

> "Amir ditugaskan untuk membangunkan sebuah aplikasi yang dapat mengira luas segitiga. Aplikasi tersebut boleh menerima nilai tinggi dan tapak sebuah segitiga, Amir dicadangkan menggunakan jenis data yang sesuai untuk kod atur cara tersebut."

Berdasarkan maklumat petikan:

(a) Bina jadual analisis Input-Proses-Output (IPO) yang bersesuaian.

| | |
|---|---|
| | |
| | |

[3 *markah*]

(b) Tuliskan pseudokod yang lengkap.

[5 *markah*]

(c) Nyatakan struktur kawalan yang sesuai digunakan untuk aturcara ini dan alasannya.

……

……

……

[ 2 *markah* ]

3 Jadual 1 menunjukkan sampel data yang akan digunakan oleh Syarikat ICT Perabot pada pameran Dekorasi di Zenith, Kuantan. Syarikat itu akan menggunakan sistem pangkalan data untuk penyimpanan data perabot daripada pembekal :

| NOPRODUK | NAMAPRODUK | HARGA | IDPEMBEKAL | NAMAPEMBEKAL |
|---|---|---|---|---|
| P01 | MEJA KOPI | 60 | A100 | USAHA PERABOT ENT |
| P02 | MEJA KOMPUTER | 75 | B200 | DAYABINA S/B |
| P03 | MEJA MAKAN | 800 | C300 | KIRA JUTA S/B |
| P04 | MEJA MAKAN | 800 | C300 | KIRA JUTA S/B |
| P05 | MEJA KOPI | 60 | A100 | USAHA PERABOT ENT |
| P06 | KERUSI | 55 | D400 | JATI S/B |
| P07 | KERUSI | 55 | D400 | JATI S/B |

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1:

(a) Lukiskan gambar rajah perhubungan entiti (ERD) bagi mengelakkan lewahan data dengan menunjukkan:

(i) Nama **dua** entiti dan set hubungan

(ii) Atribut-atribut **setiap** entiti

(iii) Kunci primer dan kunci asing

(iv) Kekardinalan dan beri justifikasi

[12 *markah*]

(b) Cadangkan jenis data yang sesuai untuk medan harga dalam jadual 1 dan nyatakan alasannya.

……

……

…….

[2 *markah*]

(c) Nyatakan jenis data yang sesuai bagi medan selain (b).

……

……

[1 *markah*]

4. (a) Anda dikehendaki membina sebuah aplikasi menentukan samada kanak-kanak, remaja atau dewasa berdasarkan umur yang dimasukkan oleh pengguna. Lukiskan carta alir bagi menyelesaikan masalah ini. Rujuk jadual kategori umur untuk memudahkan anda membuat keputusan.

| umur | kategori |
|---|---|
| 18 tahun ke atas | dewasa |
| 12 – 17 tahun | Remaja |
| 1 - 12 tahun | Kanak-kanak |

[ 8 *markah*]

(b) Rajah 15 menunjukkan Gambarajah hubungan entity ( ERD) sebuah pangkalan data.




Rajah 15

Berdasarkan rajah 15, bina 2 adual yang mengandungi medan, jenis data, saiz, dan kunci primer

[ 7 markah]

-Ketas Soalan Tamat-

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | | | | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

**LEMBAGA PEPERIKSAAN**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# KUANTAN PAHANG 2018 SET 2 3770/1

**SAINS KOMPUTER**
**Kertas 1**
**Ogos**

$2\frac{1}{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
3. *Jawab* **semua** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang jawapan dalam kertas peperiksaan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
5. *Pengiraan mesti ditunjukkan dengan jelas.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*


©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang

**Bahagian A**
[50 Markah]
*Jawab* **semua** *soalan*.
*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini*: **60 minit**

**1** Ralat **X** boleh di kesan melalui reka bentuk algoritma yang tidak efisien atau salah sekiranya:

- Struktur kawalan urutan yang tidak betul.
- Pembolehubah tidak mengandungi nilai atau objek
- Pembahagian dengan sifar
- Struktur kawalan pengulangan yang tidak boleh berhenti kerana logik syarat yang salah

Ralat **X** ialah _____

***[1 markah]***

**2** Nyatakan nilai **k** bagi algoritma apabila nilai m = 23

**Algoritma:**

1. Mula
2. Input m
3. Hasil = m * k
4. PaparHasil
5. Tamat

| NO | m | Hasil | I/O |
|---|---|---|---|
| 1 | - | - | - |
| 2 | 23 | - | - |
| 3 | 23 | 23 * k | - |
| 4 | 23 | 115 | 115 |
| 5 | - | - | - |

**Jadual 1**

(i) **k**: _____

***[1 markah]***

**3** Berdasarkan **Jadual 2** di bawah, susun jenis data tersebut mengikut kapasiti ingatan komputer yang diberikan.

**char** **double** **boolean**

| Jenis Data | a)…… | b)…….. | c)…… |
|---|---|---|---|
| Kapasiti ingatan | 1 bit | 2 bait | 8 bait |

**Jadual 2**

***[3 Markah]***

**4** **Jadual 3** menunjukkan jenis **Kunci Hubungan X**.

| **Kunci Hubungan X** |
|---|
| • Nilai yang tetap dan tidak berubah<br>• Mempunyai nilai yang unik iaitu hanya satu-satunya sahaja.<br>• Tidak boleh mempunyai nilai yang sama secara berulang. |

**Jadual 3**

Namakan jenis **Kunci Hubungan** itu.

……

***[1 Markah]***

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

**5** Jawab berdasarkan penyataan di bawah.

Analisis masalah ini perlu mengunakan analisis IPO iaitu analisis input, proses dan output.

a) Nyatakan fasa kitaran hayat pembangunan di atas:

_____

***[1 Markah]***

Proses mengutip dan mengumpulkan data, mengumpul maklumat dan ringkasan seperti laporan pengujian yang dijalankan, carta alir, kod atur cara dan juga carta IPO.

b) Nyatakan fasa kitaran hayat pembangunan di atas:

_____

***[1 Markah]***

**6** Berdasarkan ***Pernyataan 1***, beberapa pembolehubah diumpukkan dengan nilai tertentu:

*Pembolehubah1* = 525;

*Pembolehubah2* = false;

***Pernyataan 1***

Pembolehubah yang diumpukkan nilai ialah *Pembolehubah1* dan *Pembolehubah2*, nyatakan jenis data setiap pembolehubah tersebut:

i. Pembolehubah1 :_____

ii. Pembolehubah2 :_____

***[2 markah]***

**7** **Rajah 4** di bawah menunjukkan beberapa jenis model pangkalan data yang biasa digunakan. Pilih padanan yang **BETUL**.

| Model Pangkalan Data | Penerangan |
|---|---|
| Data Rangkaian | Menggunakan struktur pepohon untuk menyusun rekod. |
| Data Hubungan | Terdiri daripada beberapa jenis rekod dan dihubungkan melalui penunjuk dan dapat mengatasi beberapa ketentuan dalam model hierarki. |
| Data Berorientasikan Objek | Merupakan kaedah baharu dalam pengurusan data dan menyimpan takrifan objek-objek yang boleh digunakan semula oleh perisian. |

**Rajah 4**

Model Pangkalan Data: ……

***[1markah]***

**8** Lukiskan simbol bagi komponen berikut:

| Komponen | Simbol |
|---|---|
| **i) Atribut** | |
| **ii) Entiti** | |

**Jadual 5**

***[2 markah]***

**9** Berdasarkan laporan yang dihasilkan, kenalpasti rekod yang mempunyai ralat.




**Rajah 1 (a)**




**Rajah 1 (b)**

**Jawapan:** _____

***[1 markah]***

**10** Berdasarkan **Rajah 2**. Nyatakan jenis **Struktur Kawalan** di bawah dengan carta alir yang bersesuaian.

| |
|---|
| **Struktur Kawalan Jujukan** |
| **Struktur Kawalan Ulangan** |
| **Struktur Kawalan Pilihan** |







**Rajah 2**

***[2 Markah]***

**11** Padankan fungsi agregat di bawah:

| | |
|---|---|
| SUM | Mengembalikan jumlah nilai medan tertentu. |
| AVG | Mengembalikan jumlah bilangan rekod. |
| MAX | Mengembalikan nilai tertinggi medan tertentu. |
| | Mengembalikan nilai purata medan tertentu. |
| | Mengembalikan nilai terendah medan tertentu. |

**Rajah 3**

***[3 Markah]***

*12* Berdasarkan **Rajah 4**, kod merujuk kepada satu fungsi dalam fail ***function.php***

```
Fungsi_A ($fullname,$age,$address,$username)
{
$con = mysqli_connect(DB_SERVER,DB_USER,DB_PASSWORD,DB_NAME);
$query = "UPDATE user_details SET fullname =
'$fullname',age='$age',address='$address' WHERE username ='$username'";
$result = mysqli_query($con,$query);
if (!$result) {die("Database query failed.");}
elseif ($result) {return true;}
```

**Rajah 4**

i. ***Fungsi_A*** merujuk kepada manipulasi data untuk_____.

*ii.* Nyatakan dua lagi manipulasi data selain daripada ***Fungsi_A***

a. _____

b. _____

iii. Pernyataan DELETE digunakan untuk memadamkan data dalam jadual maka untuk memadamkan rekod tertentu, pernyataan_____perlu digunakan.

c. _____

***[4 Markah]***

**13** **Rajah 5** di bawah menunjukkan get logik **DAN** dengan dua input iaitu A dan B manakala C sebagai output.




**Rajah 5**

Lakarkan jadual kebenaran bagi get logik Rajah 2.

***[3 Markah]***

**14** Lengkapkan jadual berikut :

| Ciri-ciri | Pembolehubah sejagat (Global variable) | Pembolehubah setempat (Local variable) |
|---|---|---|
| **Pengisytiharaan** | i) | Pembolehubah yang diisytiharkan dalam sebuah fungsi dalam aturcara. |
| **Akses** | Boleh diakses di mana-mana fungsi | ii) |
| **Fungsi** | Bolehdigunakanhinggakeakhir program. | iii) |

**Jadual 6**

***[3 Markah]***

**15** Tuliskan pengisytiharaan pembolehubah mengikut jenis data yang sesuai dan masukkan nilai yang diberi ke dalam pembolehubah di bawah.

i.4

_____

ii. Selamat Datang

_____

***[4 Markah]***

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

**16** Lengkapkan seni bina ***Von Neuman*** dan **sistem bas** berdasarkan **Rajah 6** berikut,




**Rajah 6**

a) _____

b) _____

c) _____

***[ 3 Markah ]***

**17** Jawab berdasarkan pernyataan di bawah

| PERNYATAAN | KATA KUNCI |
|---|---|
| Husna ingin membina aturcara yang melibatkan penyimpanan nombor perpuluhan yang besar. Apakah jenis data yang perlu digunakan untuk mengisytiharkan pemboleh ubah yang boleh menyimpan nombor perpuluhan tersebut? | |
| Apakah yang perlu dilakukan oleh pengaturcara untuk mengiytiharkan pemboleh ubah jenis aksara dan rentetan? | |
| Pengaturcara perlu menggunakan kata kunci _____ bagi merangkumi semua | |

| | |
|---|---|
| nombor yang tidak mempunyai pecahan atau perpuluhan. | |

**Jadual 7**

***[ 3 Markah ]***

**18** **Jadual 8** adalah adalah JADUAL PINJAMAN

| **KodBuku** | **IDMurid** | **TarikhPinjam** | **TarikhPulang** |
|---|---|---|---|
| B001 | M001 | 11.4.2018 | 17.4.2018 |
| B233 | M108 | 19.6.2018 | 2.7.2018 |
| B222 | M001 | 3.7.2018 | 10.7.2018 |
| B555 | M232 | 4.7.2018 | 6.7.2018 |

**Jadual 8**

i. Kenal pasti jenis kebergantungan fungsi bagi attribut TarikhPinjam dan TarikhPulang kepada atribut Kunci Primer KodBuku dan IDMurid.

_____

***[1 Markah ]***

ii. Berikan justifikasi

_____

***[2 Markah ]***

**19** Jadual di bawah menunjukkan 2 buah jadual entiti dengan atribut.

**GURU**

| ID_Guru | ID_Subjek | Nama_Guru |
|---|---|---|
| | | |

**SUBJEK**

| ID_Guru | ID_Subjek | Nama_Subjek |
|---|---|---|
| | | |

a) Kenal pasti **kunci primer** dan **kunci asing** berdasarkan jadual di atas.

| **Kunci Primer** | **Kunci Asing** |
|---|---|
| | |

***[ 2 Markah ]***

b) Justifikasi jawapan anda bagi soalan ***19a***.

_____

_____

***[2 Markah ]***

**20** Tuliskan jawapan pada ruang yang disediakan.

**Rajah 7** menunjukkan satu set aturcara.

```
<html>
    <body>
        <p> Senarai negara dan suhu (belum diisih) : </p>
        <script>
            var negara = ["Algeria","Ghana","Nigeria","Afrika Selatan","Tunisia"];
            var suhu = [51.3,43.3,46.4,50.0,55.0];
            var i,j,sementara,sementara2;                                   (i)

            for (i =0;i<5;i++)
            {
                document.write (" " + negara[i] + " " + suhu[i]);
                document.write ("<br>");
            }

            for (i = 0; i < 5-1; i++)
            {
                for (j = 0; j < 5-i-1; j++)
                {
                    if (suhu[j] > suhu[j+1])
                    {
                        sementara = suhu[j];
                        suhu[j] = suhu [j +1];
                        suhu [j+1] = sementara;

                        sementara2 = negara[j];
                        negara[j] = negara [j +1];
                        negara [j+1] = sementara2;
                    }
                }
            }
```

**Rajah 7**

a) Tentukan sama ada bahagian yang ditanda **(i)** adalah pemalar atau pembolehubah.

(i) _____

b) Tuliskan tiga jenis data yang terdapat dalam aturcara di atas:

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

***[ 4 Markah ]***

**Bahagian B**

[50 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini*: **90 minit**.

**1** i. Berikut menunjukkan jadual kebenaran dengan dua input, iaitu A dan B. Isikan ruangan yang disediakan dengan nilai output berdasarkan jenis get dan ungkapan Boolean yang telah diberi.

| Input | | Output | | |
|---|---|---|---|---|
| A | B | Get DAN | AB’ | A+B’ |
| 0 | 0 | | | |
| 0 | 1 | | | |
| 1 | 0 | | | |
| 1 | 1 | | | |

***[6 markah]***

ii. Lukis rajah litar get logik bagi mewakili ungkapan Boolean di bawah

Ungkapan Boolean: **F = (A ⊕ B) + AB + B**

***[4 markah]***

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

**2** Baca petikan berikut dengan teliti.

> "Tina ingin membangunkan sebuah aplikasi yang dapat mengira luas bulatan. Tina perlu menggunakan jenis data yang sesuai untuk kod aturcara bagi pembangunan aplikasi tersebut."

Berdasarkan maklumat di atas:

**(a)** Bina jadual analisis Input-Proses-Output (IPO) yang bersesuaian.

| | |
|---|---|
| **INPUT** | |
| **PROSES** | |
| **OUTPUT** | |

***[3 markah]***

**(b)** Lukiskan carta alir bagi kod aturcara di atas.

***[5 markah]***

**(c)** Nyatakan struktur kawalan yang sesuai digunakan. Berikan justifikasi jawapan anda.

---

---

---

***[2 markah]***

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

**3** Jawab soalan berikut berdasarkan jadual di bawah.

(i) Lakarkan Rajah Hubungan Entiti (ERD) berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah.

| Entiti | Atribut |
|---|---|
| ASET | NoAset, NamaAset, Kuantiti |
| MURID | IDMurid, NamaMurid, Kelas |
| PINJAMAN | NoPinjaman, TarikhPinjam, TarikhPulang |

***[12 markah]***

(ii) Jenis data yang dipilih menentukan jenis data yang boleh disimpan dalam medan tersebut. Pemilihan jenis data yang betul adalah penting kerana pemilihannya memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pangkalan data di samping menentukan jumlan ruangan storan yang diperlukan. Nyatakan dua jenis data yang anda tahu:

a) _____

b) _____

c) Beri satu alasan kepada mana-mana jenis data dipilih:

_____

_____

***[3 markah]***

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

**4**

i. Lukiskan carta alir berdasarkan sintaks bagi struktur kawalan yang diberikan.

| **Sintaks** | **Carta alir** |
|---|---|
| public class kodwarna {<br><br>public static void main(String args[ ] ) {<br>// char kodwarna = args[0].charAt(0);<br>System.out.print( "Masukkan Kod Warna: " );<br>string gred = scanner.nextLine( );<br>switch (kodwarna) {<br>case 'M' :<br>System.out.println("Merah");<br>break;<br>case 'B' :<br>System.out.println("Biru");<br>break<br>case 'K' :<br>System.out.println("Kuning");<br>break;<br>case 'H' :<br>System.out.println("Hitam");<br>}<br>default :<br>System.out.println("Tiada kodwarna");<br>} | |

**Rajah 8**

***[7 markah]***

ii. Gambarajah x menunjukkan satu jadual pelajar dalam paparan medan, jenis data dan primary key yang dihasilkan menggunakan arahan SQL.




**Rajah 9**

Anda dikehendaki menuliskan semula arahan untuk membina jadual pelajar melalui arahan SQL.

***[8 markah]***

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

 *©2018 Hak Cipta Panitia SKom JPN Pahang* 

# SARAWAK 2018

Bahagian A
Jawab semua soalan.
[50 markah]

1. Keputusan yang diperoleh akan menggambarkan strategi penyelesaian masalah yang diambil. Nyatakan tiga ciri penting dalam misi mencari penyelesaian masalah.
   i. .....
   ii. .....
   iii. .....

[3 markah]

2. Isi tempat kosong bagi model generik penyelesaian masalah dalam Rajah 1 yang berikut.




Rajah 1

[4 markah]

3. Berikut merupakan carta alir bagi program ringkas untuk memaparkan "Hello" diikuti nama pengguna.




Rajah 2

Apakah **X**?
**X** : .....

[1 markah]

4. Ruzaini memasukkan umur ke dalam aplikasi komputer. Uji sama ada umur sudah mencapai usia minimum 21 tahun.

   i. Kenal pasti pemboleh ubah.
   .....

   ii. Tuliskan ungkapan logik untuk menguji nilai dalam pemboleh ubah.
   .....

[2 markah]

5. Apakah langkah **Q** dan **P** dalam langkah-langkah pengujian algoritma berdasarkan Rajah 3 yang berikut?



Rajah 3

   i. Langkah Q : .....
   ii. Langkah P : .....

[2 markah]

6. Tentukan output untuk kawalan ulangan yang berikut.

```
For (n = 2; n<=20; n+=3) {
        System.out.println (n + "   ") ;
}
```

[1 markah]

7. Antara berikut yang manakah merupakan amalan-amalan terbaik pengaturcaraan yang perlu diikuti oleh sebuah pengatur cara dalam menghasilkan suatu kod atur cara yang baik atau dikatakan faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan kod atur cara.

   i. Inden yang perlu dijelaskan dengan komen bahasa inggeris
   ii. Penggunaan jenis data yang sesuai
   iii. Pemboleh ubah yang bermakna

   A I dan II
   B I, II dan III
   C II dan III

8. Rajah 4 di bawah menunjukkan kod atur cara bukan bebas ralat untuk mengira purata tiga nombor. Bolehkah anda kenal pasti pada bahagian mana yang mungkin akan berlakunya dan jenis ralat? Berikan justifikasi anda bagi jawapan berikut.

```
public class HelloWorld  {
        public static void main (string [ ] args)   {

        int a, b, c, d;
                a = 3 ;
                b = 5 ;
                c = 10 ;
                d = (a + b + c) /0 ;

        System.out.println (d) ;
        }
}
```

Rajah 4

.....
.....
.....

[3 markah]

9. Kenal pasti nilai pemboleh ubah data bagi atur cara di bawah. Berikan justifikasi anda.

```
import java.text.DecimalFormat ;
public class Mengira_Jumlah_Belian {
                public static void main (String [ ] args) {

                DecimalFormat df = new DecimalFormat ("#.00") ;

                        double milo;
                        double susu_cair;
                        double gula;
                        double jumlah_belian;

                        milo = 19.90 * 3 * (100  –  5) / 100 ;
                        susu_cair = 2.80 * 6 * (100  – 2) / 100 ;
                        gula = 3.00 * 5 * (100 – 3) / 100;

                        jumlah_belian = milo + susu_pekat + tepung ;
```

.....
.....

[2 markah]

10. Nyatakan A dan B dalam rajah di bawah.



A : .....
B : .....

[2 markah]

11. Berdasarkan kaedah Caesar Cipher yang dikenali sebagai cipher shift, tentukan teks sifer yang boleh dihasilkan dalam rajah 5 berikut dengan nilai anjakan, n = 3.

**N R P S X W H U**

Rajah 5

[1 markah]

12. Terdapat tiga komponen utama dalam seni bina Von Neuman, salah satunya ialah .....

[1 markah]

13. Antara berikut, yang manakah merupakan **bukan** fungsi Sistem Jam (clock system) di dalam CPU?
    A Melaksanakan arahan dalam kitaran mesin
    B Menjana denyutan elektronik pada kadar yang tetap bagi seragamkan operasi komputer
    C Menunjukkan frekuensi dalam unit Megabait

[1 markah]

14. Lukis simbol get logik yang berikut.

| Nama get | Simbol |
|---|---|
| DAN | |
| TAK ATAU | |
| XTAKATAU | |

[3 markah]

15. Nyatakan fungsi pernyataan SELECT di dalam pangkalan data. Pernyataan SELECT digunakan .....
    .....
    .....

[1 markah]

16. Lukis Rajah Hubungan Entiti (ERD) bagi pernyataan 1 berikut.

| |
|---|
| Setiap pelanggan bank boleh memiliki beberapa jenis akaun dan setiap jenis akaun hanya boleh dimiliki oleh seorang pelanggan. |

Pernyataan 1

[3 markah]

17. Tuliskan betul atau salah bagi setiap pernyataan berikut :

| | | |
|---|---|---|
| i. | Anomali ialah ralat yang berlaku apabila pengguna mengemas kini jadual yang mengandungi data yang berbeza. | |
| ii. | Kunci primer ialah kunci yang digunakan untuk mengelakkan pertindihan data dalam pangkalan data. | |
| iii. | Kunci asing ialah ciri-ciri yang menghuraikan entiti. | |
| iv. | Pernyataan SELECT dan FROM perlu dinyatakan apabila mencapai data. | |

[4 markah]

18. Pelanggan, Asrama dan Rumah ialah contoh-contoh .....

[1 markah]

19. Soalan 19 berdasarkan Rajah 6 untuk atur cara *JavaScript* berikut.

```
<html>
    <body>
        <script>
            var no = [ 5, 1, 4, 12, 8 ] , noMaksimum = – 1,
                i , bilNombor = no.length;
            for (i = 0 ; i < bilNombor; i ++)
            {
                if (no [ i ] > noMaksimum)
                {
                    noMaksimum = no [ i ] ;
                }
            }
            document.write (noMaksimum) ;
        </script>
    </body>
</html>
```

Rajah 6

i. Apakah output yang diperoleh?
.....

ii. Tuliskan semula atur cara yang menunjukkan perbandingan nombor yang dirujuk lebih besar daripada noMaksimum.

[2 markah]

20. Soalan (i) dan (ii) berikut berdasarkan pernyataan yang telah diberikan.

| |
|---|
| Operator logik AND digunakan apabila terdapat dua atau lebih syarat Boolean perlu digabungkan dan semua syarat perlu benar sebelum melaksanakan pernyataan seterusnya. Berikan contoh operator logik AND. |

i. .....

Manakala operator logik OR pula digunakan apabila dua atau lebih syarat Boolean perlu digabungkan dan hanya salah satu syarat Boolean perlu benar sebelum melaksanakan pernyataan seterusnya. Berikan contoh operator logik OR.

ii. .....

[2 markah]

Bahagian B
Jawab semua soalan.
[50 markah]

21. Diberikan kod atur cara yang berikut.

```
package perisianSaya ;
public class MyClass  {
        public static void main (String [ ] args) {
                String [ ] senaraiNama = new String [ 4 ] ;
                senaraiNama [ 0 ] = “Adam” ;
                senaraiNama [ 1 ] = “Alia” ;
                senaraiNama [ 2 ] = “Wong” ;
                senaraiNama [ 3 ] = “Devi” ;

                int [ ] senaraiUmur = { 16, 17, 16, 17 };

                double [ ] senaraiTinggi = { 182.1, 172.5, 173.2, 175.0 } ;
                System.out.println (“NAMA\tUMUR\tTINGGI (cm) “) ;
                for (int i = 0 ; i <4; i ++) {
                        System.out.print (senaraiNama [ i ] + “\t”) ;
                        System.out.print (senaraiUmur [ i ] + “\t”) ;
                        System.out.print (senaraiTinggi [ i ] ) ;
                        System.out.println ( );
                }
        }
}
```

Rajah 7

a) Senaraikan tiga pemboleh ubah tatasusunan dalam atur cara di atas.

.....
.....

[3 markah]

b) Tulis elemen bagi kod berikut :

i. senaraiNama [2]

.....

ii. senaraiUmur [1]

.....

iii. senaraiTinggi [3]

.....

[3 markah]

c) Tentukan output bagi atur cara di atas.

[4 markah]

22. Jawab soalan yang berikut.

a) Dalam kod atur cara berikut :

```
1. public static void main ( String [ ] args ) {
2. paparHarga (“telefon pintar”, 1500.0) ;
3. }
4. static void paparHarga ( String item, double h ) {
5. System.out.print ( “Harga “ + item + “ adalah “ + h ) ;
6. }
```

Rajah 8

Kenal pasti baris pernyataan di bawah dengan menulis nombor baris bagi atur cara di atas.

i. Subatur cara **main** ( )

.....

ii. Definisi **paparHarga**

.....

iii. Panggilan **paparHarga**

.....

iv. Subatur cara pemanggil

.....

v. Subatur cara dipanggil

.....

[5 markah]

b) Perhatikan sel memori untuk suatu tatasusunan berikut dan kenal pasti (i), (ii) dan (iii):




[3 markah]

c) Diberi definisi berikut.

```
static void paparKuantiti (String item, int x) {
        System.out.print (“Kuantiti “ + item + “ adalah “ + x) ;

}
```

Tentukan sama ada panggilan yang berikut padan atau tidak dengan parameter subatur cara.

i. paparKuantiti (“telefon pintar”, 10.0) ;

.....

ii. paparKuantiti (30, “telefon pintar”) ;

.....

[2 markah]

23. Lukis rajah litar logik dan bina jadual kebenaran bagi mewakili ungkapan boolean atau pernyataan logik yang berikut.

a) Nilai output F = 1, jika (nilai input A = 0 DAN nilai input bagi B = 0) ATAU (nilai input A = 1 DAN nilai B = 1) ATAU (nilai input A = 1 DAN nilai input B = 0)

| Litar logik |
| --- |
| |

[7 markah]

| Jadual kebenaran |
| --- |
| |

[8 markah]

24. Penormalan bertujuan untuk menghasilkan skema hubungan dengan menempatkan atribut ke dalam jadual dengan betul bagi mengelakkan masalah anomali. Berdasarkan jadual pengurusan inventori dalam bentuk 0NF yang berikut, bina jadual bentuk penormalan pertama (1NF), kedua (2NF) dan ketiga (3NF).

.....

[1 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**3** (*a*) Rajah 3 merupakan sebuah Carta Alir.




Rajah 3

Nyatakan jenis struktur kawalan yang digunakan.

……

[1 *markah*]

(*b*) Rajah 4 menunjukkan sebuah algoritma.

```
1. Mula
2. Input z = 75
3. z = z/5
4. z = z * 9
5. z = z * 0.30 + z
6. Papar z
7. Tamat
```

Rajah 4

Lengkapkan jadual di bawah.

| No | z | I/O |
|---|---|---|
| 1 | - | - |
| 2 | 75 | **i** |
| 3 | 15 | - |
| 4 | **ii** | - |
| 5 | 175.5 | - |
| 6 | 175.5 | 175.5 |
| 7 | - | - |

(i) ……..

(ii) ……

[2 *markah*]

**4** Rajah 5 menunjukkan segmen atur cara dan output. Rajah 5(i) menunjukkan atur cara mencari nilai punca kuasa dua dan 5(ii) menunjukkan paparan outputnya.

```
public class Punca_Kuasa_Dua {
    public static void main(String[] args) {

        int x = 9;
        int y = -25;
              System.out.println("\n" + Math.sqrt(x));
              System.out.println(Math.sqrt(y));
    }
}
```

Rajah 5(i)




Rajah 5(ii)

Rajah 5

(*a*) Tulis kod atur cara yang mempunyai ralat.

……

[1 *markah*]

(*b*) Namakan jenis ralat dalam (*a*) dan berikan justifikasi.

……

[2 *markah*]

**5** Rajah 6 menunjukkan subatur cara.

```
1
2   package senarainombor;
3
4   public class Senarainombor {
5
6
7       public static void main(String[] args) {
8           int[]senaraiNombor={2,4,6,8,9,10};
9           paparSenarai(senaraiNombor);
10      }
11
12      static void paparSenarai(int[]SenaraiNombor){   <-- X
13          System.out.print("Senarai Nombor Dalam Subaturcara:");
14          for(int i=0;i<6;i++)
15          {
16
17          System.out.print(SenaraiNombor[i] +",");
18                  }
19      }
20
21  }
22
```

Rajah 6

(*a*) Nyatakan nama subatur cara **X**.

……

[1 *markah*]

(*b*) Nyatakan jenis subatur cara yang digunakan di (*a*).

……

[1 *markah*]

**6** Berikut adalah dua jenis subatur cara.

| X | Y |
|---|---|
| int jumlahNombor (int x, int y) {<br>  int jumlah;<br>  jumlah = x + y<br>  return jumlah;<br>} | static void cariJumlah (int x, int y)<br>{<br>  int jawapan = x + y;<br>  System.out.print (jawapan);<br>} |

Nyatakan jenis subatur cara.

(*a*) **X:** ……

**Y:** ……

[2 *markah*]

(*b*) Berikan **satu** perbezaan subatur cara **X** dan **Y**.

……

[1 *markah*]

**7** Rajah 7 menunjukkan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC).




Rajah 7

(*a*) Namakan **X**.

……..……...

[1 *markah*]

(*b*) Nyatakan alat yang digunakan dalam fasa (*a*).

(i) ……

(ii) ……

[2 *markah*]

**8** Berikut adalah rekod murid dalam Sistem Maklumat Murid sebuah sekolah.




| No Pendaftaran | Nama Murid | No. Telefon |
|---|---|---|
| 017/2004 | Aiman Ashraf bin Zaid | 012 6679821 |
| 249/2004 | Intan Nabilah binti Faizul | 019 3336269 |
| 113/2004 | Farah Inani binti Nizam | 017 9891234 |
| 017/2004 | Mohd. Aqil bin Nasir | 013 5575678 |

Namakan ciri data bagi **X**.

……

[1 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**9** Rajah 8 menunjukkan menu yang terdapat dalam Microsoft Access.




Rajah 8

(*a*) Namakan **X**.

……

[1 *markah*]

(*b*) Berikan **dua** fungsi yang dinyatakan di (*a*).

……

[2 *markah*]

**10** Berikut merupakan sebab interaksi antara manusia dengan komputer diperlukan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Mendapat permintaan dalam pasaran | **A** | Meningkatkan produktiviti | **B** |

| | |
|---|---|
| Pengkomputeran sosial | **C** |

Padankan penyataan dalam jadual di bawah berdasarkan senarai yang diberikan dengan menulis **A, B** atau **C** dalam petak yang disediakan.

| | |
|---|---|
| a) Mewujudkan peluang berkomunikasi atau perhubungan sosial antara manusia melalui penggunaan komputer. | |

| | |
|---|---|
| b) Pengguna mahu membeli atau menggunakan produk yang mempunyai kebolehgunaan yang tinggi, selamat, berguna, berfungsi dan lebih membantu serta menyeronokkan pengguna. | |

[2 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**11** Jadual 1 menunjukkan borang Instrumen Penilaian Kuantitatif bagi dua reka bentuk alternatif untuk program mengira luas segi empat.

| Kategori | Item | Reka bentuk alternatif 1 (%) | | Reka bentuk alternatif 2 (%) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Ya (/) | Tidak (x) | Ya (/) | Tidak (x) |
| Reka Bentuk Skrin | 1. Reka bentuk skrin mudah dan ringkas | 40 | 60 | 92 | 8 |
| | 2. Pemilihan warna dan ikon yang bersesuaian dan menarik | 30 | 70 | 60 | 40 |
| | 3. Sistem navigasi yang disediakan mudah dikenalpasti dan mesra pengguna | 30 | 70 | 92 | 8 |
| | 4. Saiz paparan adalah sesuai | 40 | 60 | 96 | 4 |
| | 5. Tidak mengandungi kesalahan ejaan | 40 | 60 | 100 | 0 |
| | 6. Tidak menyebabkan murid sesat dalam penerokaan | 70 | 30 | 100 | 0 |
| | 7. Laras bahasa mudah difahami | 60 | 40 | 100 | 0 |
| | 8. Tiada gangguan teknikal semasa menggunakan program ini | 55 | 45 | 96 | 4 |
| Interaktiviti Pengguna | 1. Murid boleh mengawal sepenuhnya butang kawalan operasi matematik | 55 | 45 | 100 | 0 |
| | 2. Butang kawalan operasi menepati pengiraan matematik | 65 | 35 | 100 | 0 |
| | 3. Butang kawalan operasi matematik mesra pengguna | 65 | 35 | 100 | 0 |
| | 4. Butang keluar berfungsi dengan baik | 70 | 30 | 100 | 0 |
| | 5. Butang reset berfungsi dengan baik | 70 | 30 | 100 | 0 |
| Purata | | 53.1 | 46.9 | 95.1 | 4.9 |

Jadual 1

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

Berdasarkan Jadual 1.

(*a*) i. Nyatakan reka bentuk alternatif yang terbaik.

……
[1 *markah*]

ii. Berikan justifikasi.

……
[2 *markah*]

(*b*) Nyatakan jenis skala yang digunakan dalam borang borang Instrumen Penilaian Kuantitatif.

……...
[1 *markah*]

**12** Rujuk pernyataan di bawah.

| **X** |
| --- |
| Proses pengekodan teks sifer *(cyphertext)* kepada bentuk teks biasa *(plaintext)* |

Berdasarkan pernyataan.

(*a*) Nyatakan proses **X**.

……
[1 *markah*]

(*b*) Tukarkan perkataan berikut menggunakan kaedah Ceaser Cypher dengan nilai anjakan = 3.

i. YDNVLQ: ……

ii. SILCHU: ……..

[2 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**13** Rajah 9 menunjukkan seni bina Von Neuman dan sistem bas.




Rajah 9

Terangkan secara ringkas.

(*a*) Bas Data.

……..

……..

[1 *markah*]

(*b*) Bas Alamat.

……...

……..

[1 *markah*]

**14** Rajah 10 menunjukkan proses menterjemah bahasa pengaturcaraan aras tinggi ke bahasa pengaturcaraan aras rendah.




Rajah 10

Nyatakan Penterjemah **X**.

……

[1 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**15** Rajah 11 menunjukkan satu simbol get logik.




Rajah 11

(*a*) Tuliskan ungkapan Boolean.

……...

[1 *markah*]

(*b*) Lengkapkan jadual kebenaran berikut.

| A | OUTPUT |
|---|---|
| 0 | **U** |
| 1 | **V** |

i. **U**: ……..

ii. **V**: ……..

[2 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**16** Berikut merupakan suatu ungkapan Boolean.

$$P = (A + B) + (A \oplus B)$$

Lukiskan litar get logik gabungan.

[3 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**17** Berikut menunjukkan jadual PELANGGAN yang mengandungi maklumat pembelian barang dalam Sistem Pengurusan Khidmat Pelanggan di Syarikat Lating Sports Accessories.

PELANGGAN

| IDpelanggan | NamaPelanggan | NoTel | NoBarang | NamaBarang | Kuantiti | HargaSeunit |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1003 | Alisya binti Ishak | 019-2348888 | A10 | Bola jaring | 3 | RM30.50 |
| | | | A23 | Kasut sukan | 1 | RM 105.99 |
| 1001 | Rajesh A/L Rajendran | 011-2229898 | A23 | Kasut sukan | 1 | RM 105.99 |
| 1002 | Liew Sui Ling | 013-2317767 | A10 | Bola jaring | 1 | RM30.50 |
| 1005 | Muhammad Danish bin Sidek | 012-2221655 | A15 | Bulu tangkis | 2 | RM20.00 |
| 1004 | Sufian bin Murad | 019-9821364 | A01 | Bola sepak | 1 | RM 40.99 |

Tuliskan arahan SQL untuk memaparkan nama pelanggan dalam susunan menaik.

[4 *markah*]

**18** Rajah 12 menunjukkan penggunaan *standard library*.

```
<html>
  <head>
    <script src="math.js">
    </script>
  </head>
 <body>
   <script>
     document.write(" 3 kuasa 2 ialah ", math.pow(3,2));
   </script>
 </body>
</html>
```

Rajah 12

Kenal pasti kelebihan penggunaan *standard library* yang digunakan dalam aturcara tersebut.

……

……

[1 *markah*]

**19** Rajah 13 menunjukkan segmen kod atur cara JavaScript untuk mengira suhu.

```
<html>
  <body>
        <script>
            var fahrenheit = 84;
            document.write ("Suhu adalah " +  X  + " darjah Celsius. " )

         function toCelsius (fahrenheit)
          {
         return (5/9) * ( fahrenheit – 30 );
            }
       </script>
   </body>
</html>
```

Rajah 13

(*a*) Lengkapkan kod segmen di **X**.

……

[1 *markah*]

(*b*) Nyatakan output bagi atur cara.

……

[1 markah]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**20** Rajah 14 menunjukkan penggunaan CSS dalam HTML dan outputnya.

```
<html>
   <head>
      <title>Stail Font</title>
      <style>
          h1
          {
                font-style: X ;
          }
       Y
    <head>
    <body>
      <h1> Z </h1>
    </body>
</html>
```

Rajah 14

Lengkapkan segmen kod.

(*a*) **X**: ……..

(*b*) **Y**: ……..

(*c*) **Z**: ……..

[3 *markah*]

## Bahagian B

*Jawab **semua** soalan.*

*Masa yang dicadangkan:* **90 minit.**

**1** Rajah 15(i) menunjukkan segmen kod aturcara untuk paparan borang log masuk kepada suatu laman web.

```
<html>
    <body>
        <center>
        <form action = "pengguna.php" method = "post">
        <h3> Login Ke Laman Pengguna </h3>
        <table>
        <td>Nama Pengguna</td>
        <td>
            <input type = "text" name="namapengguna">
        </td>
        <td>Katalaluan</td>
        <td>
            <input type = "password" name="katalaluan">
        </td>
        <td>
        <input type = "submit" name="submit" value="LOGIN">
        </td>
</table>
</form>
</center>
</body>
</html>
```

Rajah 15(i)

(*a*) Berdasarkan kod atur cara lakarkan antara muka borang.

[5 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

Rajah 15(ii) menunjukkan segmen kod untuk proses log masuk ke dalam suatu laman web.

```
<?php
        session_start ();
        $_SESSION ['PenggunaSah'] = 0;
        $connect = mysqli_connect ("localhost","root","");

        if(!$connect){
                die ('sambungan kepada pangkalan data gagal'.mysqli_connect_error());
        }

        mysqli_select_db ( _____ [A] ,"dbpelajar");

        $user   = _____ [B]

        $pass   =  _____ [C]


        $rekod = mysqli_query ($connect,"SELECT * FROM PENGGUNA where
                NamaPengguna = _____ [D] and Katalaluan =_____ [E] );

        $hasil = mysqli_num_arrows($rekod);

        if($hasil>0>{

                $_SESSION ['PenggunaSah'] = 1;
                header (location: pengesahan.php);
        }
        else{
                $_SESSION ['PenggunaSah'] = 0;
                header (location: pengesahan.php);
        }
mysqli_close($connect);
?>
```

Rajah 15(ii)

Lengkapkan segmen kod pada bahagian yang dilabelkan.

**A**: .....

**B**: .....

**C**: .....

**D**: .....

**E**: .....

[5 *markah*]

**2** Berikutan dengan penularan wabak COVID- 19, setiap pasar raya perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**Langkah 1** Setiap pelanggan perlu membuat imbasan suhu terlebih dahulu. Jika suhu melebihi 37.5ºC, mereka tidak dibenarkan memasuki premis. Pelanggan juga perlu mengimbas aplikasi MySejahtera untuk memasuki premis.

**Langkah 2** Sebelum memasuki premis, pelanggan akan diberikan kad nombor untuk memastikan jumlah pelanggan tidak melebihi 20 orang pada satu- satu masa.

(*a*) Sediakan carta alir bagi **Langkah 1**.

[4 *markah*]

(*b*) Sediakan carta alir bagi **Langkah 2**.



[6 *markah*]

**3** Anda ditugaskan untuk membina sistem pangkalan data untuk sebuah syarikat yang menjual peralatan komputer iaitu Syarikat Alaf Teknologi Sdn. Bhd. Sistem ini dapat merekod maklumat inventori semasa di syarikat berkenaan dan mampu membantu syarikat mencapai dan menyimpan data inventori pelbagai jenis peralatan komputer dengan cepat dan pantas.

Berikut ialah sebahagian senarai inventori yang tersimpan di dalam stok semasa.

| **ID Pembekal** | **Pembekal** | **Tarikh bekalan** | **ID Item** | **Item** | **Harga Seunit (RM)** | **Kuantiti** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KRT | KRT Solutions | 16.5.2021 | 134 | TP link Wireless Adapter | 45 | 20 |
| CE | Computize D Empire | 10.6.2021 | 137 | Prolink CAT 6 UTP cable | 220 | 5 |
| KRT | KRT Solutions | 14.5.2021 | 332 | SSD Scandisk 250 GB | 150 | 120 |
| MT | Micro Tech | 1.7.2021 | 331 | Office 2016 Home | 310 | 10 |
| MT | Micro Tech | 5.7.2021 | 234 | DDR 3 Scandisk | 120 | 50 |

Lukiskan gambar rajah perhubungan entiti (ERD) yang mengandungi komponen berikut.

i. Entiti.

ii. Hubungan.

iii. Atribut-atribut bagi setiap entiti.

iv. Kunci primer.

v. Kekardinalan dan berikan justifikasinya.

[15 *markah*]

 © 2021 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 

**4** Homestay Anjung Tokmi telah mendapat sambutan yang menggalakkan sejak kolam mandi dibina dalam halamannya. Pihak pengurusan telah menggunakan sebuah sistem untuk memudahkan urusan tempahan dan menyimpan maklumat berikut.

| Nama | Alamat | NoIC | TarikhMasuk | TarikhKeluar | NoBilik | JenisBilik | HargaBilik | NamaBilik |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Yusri bin Ali | No.8 Jalan Bahagia11,<br>Taman Bahagia,<br>16200 Tumpat, Kelantan. | 640110061234 | 27/06/2021 | 28/06/2021 | 03 | Deluxe | RM150 | MELOR |
| Arshad bin Mahmud | No.25 Jalan Dahlia 1,<br>Taman Dahlia,<br>15300 Kota Bharu, Kelantan. | 750727065643 | 14/08/2021 | 15/08/2021 | 01 | Family room | RM250 | TERATAI |
| Zulhilmi bin Mohd Noor | PT 57, Kg. Pekan,<br>18100 Machang, Kelantan. | 820815068923 | 19/03/2021 | 20/03/2021 | 02 | | | RAYA |
| Izwanizam bin Abdullah | No.5,Jalan Jaya 7,<br>Taman Jaya,<br>13000 Pasir Mas, Kelantan. | 681217066754 | 17/11/2021 | 19/11/2021 | 04 | Sweet honeymoon | RM350 | MAWAR |
| | | | 16/12/2021 | 18/12/2021 | 01 | Family room | RM250 | TERATAI |
| Rawahah binti Sulaiman | No 9, Jalan Rimba 8/1,<br>Taman Rimba,<br>28400 Mentakab, Pahang. | 841119061177 | 23/12/2021 | 25/12/2021 | 05 | Suites | RM400 | KEMBOJA |

Tuliskan skema hubungan peringkat 3NF.

[15 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

NO KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

# MELAKA 2021
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## SAINS KOMPUTER
## 3770/1
## Kertas 1

$2\frac{1}{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:* Bahagian A *dan* Bahagian B.
2. *Jawab* semua *soalan daripada* Bahagian A *dan* Bahagian B.
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang jawapan dalam kertas peperiksaan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
4. *Pengiraan mesti ditunjukkan dengan jelas.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Bahagian A

[50 Markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini*: **60 minit**.

1. Rajah 1 menunjukkan gambar rajah hubungan entiti (ERD) dalam satu pangkalan data.

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan

(a) Entiti : _____

(b) Kekardinalan : _____

[2 markah]

2.

```
1. Mula
2. Masukkan Nilai integer
   a = 1;      b = 6;      c = 2;
3. Lakukan operasi d = (a + b + c)/1;
4. Cetak hasil operasi d = 3
5. Tamat
```

Rajah 2

Rajah 2 di atas menunjukkan pseudokod bagi operasi aritmetik purata tiga nombor.

Kenalpasti output yang terhasil dan baiki ralat tersebut.

_____

_____

[2 markah]

3. Rajah 3 merupakan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) yang menggunakan Model Air Terjun. Lengkapkan fasa pembangunan atur cara tersebut dalam ruangan Rajah 3 di bawah.




Rajah 3

[3 markah]

4. (a)

| |
|---|
| Aminah telah membuka komputer riba milik rakan sebiliknya dan membuka fail peribadi milik rakannya untuk kegunaan peribadi |

Petikan di atas menunjukkan situasi yang tidak jujur. Daripada situasi tersebut, Aminah telah melakukan kesalahan melanggar _____.

[1 Markah]

(b) Rajah 4(b) menunjukkan Proses Kriptografi.

PROSES KRIPTOGRAFI




Rajah 4(b)

Kriptografi adalah satu proses yang amat penting bagi melindungi keselamatan data. Berdasarkan Rajah 4(b), nyatakan proses yang terlibat bagi X dan Y serta bentuk teks pada Z.

X : _____

Y : _____

Z : _____ [3 Markah]

5. Rajah 5(b) menunjukkan beberapa rekod yang dicapai dari jadual MURID selepas pelaksanaan satu pernyataan SQL.

| ID_murid | nama_murid | jantina | kelas | tarikh_lahir | negeri_lahir |
|---|---|---|---|---|---|
| 10021 | Syed Aiman Syed Hasan | L | 4ST | 2011-09-09 | Johor |
| 10032 | Aminah Wahid | P | 4PN | 2011-05-28 | Melaka |
| 10060 | Mohd Syahrin Mohd Jazli | L | 4PA | 2011-08-31 | Melaka |
| 10065 | Amanda Zhu Li | P | 4ST | 2011-04-03 | Melaka |
| 10071 | Divesh A/L Ramasamy | L | 4PA | 2011-12-12 | Perak |
| 10094 | Cheng Zhu Ying | P | 4EK | 2011-01-01 | Melaka |

Rajah 5 (a)



| ID_murid | nama_murid | kelas | negeri_lahir |
|---|---|---|---|
| 10032 | Aminah Wahid | 4PN | Melaka |
| 10060 | Mohd Syahrin Mohd Jazli | 4PA | Melaka |
| 10065 | Amanda Zhu Li | 4ST | Melaka |
| 10094 | Cheng Zhu Ying | 4EK | Melaka |

Rajah 5 (b)

Berdasarkan Rajah 5(a) dan Rajah 5(b),

tuliskan pernyataan SQL yang digunakan bagi menghasilkan paparan output seperti dalam Rajah 5(b)

_____

_____

_____

[2 markah]

6. Rajah 6 menunjukkan satu segmen atur cara.

```
class Ujian {
        public static void main (String[] args){
        …P…..markah = 82.5;
        …Q…..nama = “Ali”;
        …R…..gred;

        if(markah >= 90){
                gred=’A’;
        }else if (markah>=80){
                gred = ‘B’;
        } else if (markah>=70){
                gred = ‘C’;
        } else if (markah>=60){
                gred = ‘D’;
        }else {
                gred =’E’;
        }
        System.out.println(“Gred markah” +nama+ “ialah” +gred);
        }
}
```

Rajah 6

(a) Nyatakan jenis data yang sesuai bagi :

P : _____

Q : _____

R : _____ [3 markah]

(b) Apakah output yang akan terhasil daripada atur cara dalam Rajah 6.

_____

[1 markah]

7. Rajah 7 menunjukkan dua segmen sub atur cara.

| | |
|---|---|
| **X** | `static int jumlah(int a,b){`<br>`  jum = a + b;`<br>`  return jum;`<br>`}` |
| **Y** | `static void papar_markah(int markah){`<br>`  System.out.println(markah);`<br>`}` |

Rajah 7

Nyatakan jenis sub aturcara bagi

X : _____

Y : _____

[2 markah]

8. Rajah 8 menunjukkan atur cara yang menerima nama pengguna dan mengesahkan nama yang ingin dihantar dengan menggunakan fitur kotak popup.

```
1  <html>
2      <body>
3          Nama :
4          <input type = "text">
5          <button onclick = "pastiHantar()">Hantar</button>
6          <script>
7              function pastiHantar()
8              {
9                  if(window.X("Anda pasti?") == true)
10                 {
11                     document.write("Maklumat telah dihantar.");
12                 }
13             }
14         </script>
15     </body>
16 </html>
```

Y

Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8 di atas,

(a) Nyatakan X

_____

[1 markah]

(b) Huraikan baris Y

_____

_____

[2 markah]

9. Lukiskan simbol get logik dan ungkapan Boolean.

| | NAMA GET | **SIMBOL DAN UNGKAPAN BOOLEAN** |
|---|---|---|
| (a) | **ATAU** | |
| (b) | **EKSKLUSIF TAK ATAU (XTAKATAU)** | |

[2 markah]

10. Rajah 9 di bawah menunjukkan atur cara JavaScript menggunakan ulangan untuk mendapatkan nombor dalam senarai dan menjumlahkannya.

```
<html>
    <body>
        <script>
            var no = [5, -1, 4, 12, 8];
            var jumlah = 0;
            var i;

            for (i=0; i<5; i++)
            {
                jumlah = jumlah + no[i];
            }
            document.write (jumlah);
        </script>
    </body>
</html>
```

Rajah 9

(a) Nyatakan jenis data yang terdapat dalam atur cara di atas.

_____

[1 markah]

(b) Apakah output yang terhasil berdasarkan atur cara tersebut.

_____

[1 markah]

11. (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan konsep kebergantungan fungsi dalam pangkalan data. Kebergantungan fungsi sepenuh telah diberikan sebagai panduan.

| Kebergantungan Fungsi Sepenuh | Kebergantungan Fungsi Separa | Kebergantungan Fungsi Transitif |
|---|---|---|
| Berlaku apabila atribut-atribut bergantung sepenuhnya kepada kesemua atribut kunci dalam jadual | **(i)** | **(ii)** |

[2 markah]

(b) Berdasarkan data dalam Jadual 1 di bawah, lengkapkan gambar rajah kebergantungan fungsi dengan mengisi atribut-atribut yang betul.

| KodKereta | NamaKereta | Pembeli | IDPembeli | NoTelefon | TarikhBeli |
|---|---|---|---|---|---|
| MS1001 | Exora | Khairul | 00201 | 0136171823 | 22/5/2018 |
| TY0005 | Avanza | Nurul | 01687 | 0175478665 | 3/7/2018 |

Jadual 1

i) Kebergantungan Fungsi Separa




[1 markah]

ii) Kebergantungan Fungsi Transitif




[1 markah]

12. Lengkapkan Rajah 10 di bawah bagi proses penyelesaian masalah.




Rajah 10

[3 markah]

13. Rajah 11 dibawah menunjukkan carta alir kaedah pemberian diskaun bagi pembelian tudung melalui aplikasi atas talian Syarikat Tudung Anees.




Rajah 11

(a) Nyatakan nilai **bayarRM** apabila **bil_tudung** yang dimasukkan adalah **2** helai

_____

[1 markah]

(b) Nyatakan kiraan dan nilai **bayarRM** apabila **bil_tudung** yang dimasukkan adalah **8** helai.

_____

[2 markah]

14. Padankan model pangkalan data dengan pernyataan yang diberi.

| Model Pangkalan Data Rangkaian | Model Pangkalan Data Hubungan |
|---|---|
| • Data disusun di dalam jadual terdiri daripada baris dan lajur.<br>• Mudah dibina, digunakan dan diuruskan<br>• Banyak digunakan berbanding model-model yang lain. | • Model ini dapat mengatasi masalah model sebelumnya<br>• Sesuai untuk hubungan banyak induk ke banyak anak.<br>• Model ini sukar untuk menambah hubungan baharu. |
| (a) | (b) |

[2 markah]

15. **Lengkapkan** jadual **penyataan** di bawah dengan prinsip reka bentuk yang betul.

| | **PERNYATAAN** | **PRINSIP** |
|---|---|---|
| (a) | Menggunakan sesuatu aplikasi tanpa sebarang kekeliruan | |
| (b) | Mudah untuk dipelajari dan mudah untuk diingati | |

[2 markah]

16.

Rajah 12

Rajah 12 di atas merupakan salah satu daripada kesan positif di dalam pengkomputeran. Kesan positif tersebut ialah _____.

[1 markah]

17. Jadual 2 adalah berkenaan komponen seni bina komputer.

| Pernyataan | Unit |
|---|---|
| Menyimpan data dan arahan semasa komputer digunakan. | **P** |
| Menggunakan peranti seperti tetikus dan papan kekunci untuk masukkan data ke dalam sistem komputer. | **Q** |

Jadual 2

Nyatakan

P : _____

Q : _____

[2 markah]

18. Rajah 13 di bawah menunjukkan muka hadapan laman web Shopee yang merupakan laman popular untuk pembelian atas talian.




Rajah 13

Berdasarkan Rajah 13,

Berikan **tiga** bentuk navigasi yang digunakan untuk menghubungkan antara halaman dalam laman web tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

19. Bincangkan perbezaan antara terma-terma yang berikut:

| Bentuk Normal | Huraian |
|---|---|
| **1NF** | |
| **2NF** | |
| **3NF** | |

[3 markah]

20. Rajah 14 dibawah menunjukkan satu teknik pemikiran yang digunakan untuk aktiviti origami.




Rajah 14

Nyatakan teknik pemikiran yang mewakili aktiviti origami dalam Rajah 14.

_____

[1 markah]

**Bahagian B**

[50 markah]

*Jawab **semua** soalan.*

*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : **90 minit***

1. Rajah 15 menunjukkan iklan bagi jualan murah buku nota sempena cuti sekolah di Koperasi Puteri.

Rajah 15

Anda diminta untuk menghasilkan aturcara mudah untuk mengira dan mencetak jumlah bayaran bagi setiap pembelian. Pengiraan melibatkan kuantiti, harga, diskaun dan jumlah bayaran.

(a) Nyatakan dua pemboleh ubah yang sesuai untuk aturcara tersebut

_____

_____

[2 Markah]

(b) Lakarkan carta alir yang lengkap bagi aturcara tersebut.

[8 Markah]

2. Jadual 3 di bawah adalah jadual **MURID**

| No Kad Pengenalan | Nama | Kelas |
|---|---|---|
| 051212011235 | Adam Aiman | 5 Arif |
| 050504041235 | Iskandar | 5 Bestari |
| 050809131235 | Riven | 5 Cekal |

Jadual 3

(a) Tulis arahan SQL bagi mencipta jadual 'MURID' yang mengandungi atribut no kad pengenalan, nama dan kelas.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[5 markah]

(b) Lukis antara muka yang sesuai untuk memasukkan data murid ke dalam jadual 'MURID' seperti dalam Jadual 3.

[5 markah]

3. Lampu isyarat memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan keselamatan lalu lintas di sesebuah kawasan. Litar bagi lampu isyarat dibina berdasarkan 3 input iaitu M, K dan H. Apabila input M mewakili ON, input K dan input H mewakili OFF atau apabila input K mewakili ON, input M dan H mewakili OFF atau apabila input H mewakili ON, input M dan K mewakili OFF. Berdasarkan situasi di sesebuah lampu isyarat, tuliskan ungkapan boolean, lukiskan litar Get logik dan bina jadual kebenaran.

(a) Tuliskan Ungkapan Boolean

_____

[1 markah]

(b) Lukiskan Litar Get Logik

[4 markah]

(c) Bina jadual kebenaran

| INPUT | | | OUTPUT | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M | K | H | | | | | | | F |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |

[10 markah]

4. Rajah 16 (a) merupakan paparan output untuk laman pelanggan.php . Rajah 16 (b) adalah segmen kod aturcara untuk paparan di Rajah 16 (a).




Rajah 16 (a)

```
</head>
<body>
<p>Maklumat Pelanggan</p>
<?php
$f = fopen(“pelanggan.txt","r");
$valid = false;
print "<table>";
while (!feof($f))
{
$medan = explode (',', fgets ($f));
$namapelanggan = $medan[0];
$bunga = $medan[1];
$nohp = $medan[2];
```

P

Q

```
print "<td>NAMA</td>";
print "<td>".$namapelanggan."</td>";
print "</tr>";
print "<tr>";
print "<td>BUNGA</td>";
print "<td>".$bunga."</td>";
print "</tr>";
print "<tr>";
print "<td>NO TEL</td>";
print "<td>".$nohp."</td>";
print "</tr>";
print "<tr>";
```

R

```
$jumpa = True;
break;
}

//penamat while
print "<table>";
if ($jumpa != True)
print "Rekod Tidak Dijumpai";

fclose ($f);//menutup fail teks

?>
</body>
</html>
```

Rajah 16 (b)

Berdasarkan Rajah 16 (a) dan Rajah 16 (b),

(a) Huraikan kegunaan segmen kod aturcara P.

_____

_____

_____

[2 markah]

(b) Lengkapkan fail pelanggan.txt berikut dengan menulis di ruangan kotak di bawah.




[4 markah]

(c) Sekiranya anda ingin menambah paparan alamat pelanggan di laman web ini, tuliskan segmen kod aturcara bagi :

i) Q : _____

_____

_____

ii) R : _____

_____

_____

_____

[2 markah]

(d) Berdasarkan Rajah 16 (a), bina jadual Pelanggan menggunakan arahan Bahasa Pernyataan Berstruktur (SQL).

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[7 markah]

**- SOALAN TAMAT -**

NEGERI SEMBILAN 2021

**Bahagian A**
**[50 Markah]**

Jawab semua soalan.
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : 60 minit

**1** Nyatakan teknik pemikiran komputasional yang sesuai berdasarkan pernyataan berikut.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Penyelesaian dilakukan mengikut peraturan langkah demi langkah | |
| (b) | Mencari persamaan antara masalah dan dileraikan kepada bentuk yang lebih kecil | |

[2 *markah*]

**2** Berdasarkan Rajah 1 lengkapkan proses penyelesaian masalah berikut.




Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan

(a) **X** : ……..……..

(b) **Y** : ……..……..

(c) **Z** : ……..……..

[3 *markah*]

**3** Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri penyelesaian masalah berkesan.

| | | |
|---|---|---|
| Harga yang perlu dibayar untuk memperoleh, mengeluarkan dan menyelenggara. | Merujuk kepada projek disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. | Stok, wang, bahan-bahan mentah dan aset lain yang boleh digunakan supaya dapat berfungsi dengan efektif. |
| **P** | **Masa** | **Q** |

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan

(a) **P** : ……..……..

(b) **Q** : ……..……..

[2 *markah*]

**4** Rajah 2 menunjukkan kategori bahasa pengaturcaraan.




Rajah 2

| X | Y |
|---|---|
| mudah difahami pengaturcara menyerupai bahasa tabii manusia. Contoh : JAVA, C dan PASCAL | mudah difahami komputer bentuk simbol ringkas. Contoh : Bahasa mesin |

Berdasarkan Rajah 2, kenal pasti

(a) **X** : ……..……..

(b) **Y** : ……..……..

[2 *markah*]

**5** Rajah 3 menunjukkan **X** diwakili oleh dua format.

| | |
|---|---|
| **X** | • Pseudokod<br>• Carta Alir |

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan

**X** : ……..…….

[1 *markah*]

**6** Rajah 4 menunjukkan carta alir dan output yang dijangka.

| Carta Alir | Output dijangka |
|---|---|
|  | 0 2 4 6 8 |

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

(a) nyatakan jenis ralat pada carta alir.

……..

[1 *markah*]

(b) baiki ralat pada carta alir tersebut.

……..

[1 *markah*]

(c) nyatakan struktur kawalan yang terdapat dalam carta alir tersebut.

……..

[1 *markah*]

**7** Rajah 5 menunjukkan segmen kod bahasa pengaturcaraan *Java* untuk gelung *for*.

```
class Kira {
        public static void main(String[] args) {
                int i;
                for (i = 10; i >= 1; i -= 3)
                System.out.print(i + ",");
         }
}
```

Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5, nyatakan output yang terhasil.

……..……

[1 *markah*]

**8** Jadual 2 merupakan dua sub atur cara dalam satu aplikasi.

| | |
|---|---|
| Sub atur cara **A** | public static void tajuk( ){<br>System.out.println("Pengiraan Luas Segi Tiga");<br>} |
| Sub atur cara **B** | public static double luasSegiTiga(double tapak, double tinggi){<br>double luas = 0.5 * tapak * tinggi;<br>return luas;<br>} |

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2,

(a) berikan satu perbezaan di antara sub atur cara di **A** dan sub atur cara di **B**.

| Sub atur cara **A** | Sub atur cara **B** |
|---|---|
| | |

[1 *markah*]

(b) nyatakan dua kelebihan menggunakan sub atur cara seperti dalam Jadual 2.

……..

……..

……..

[2 *markah*]

**9** Rajah 6 menunjukkan pseudokod untuk mengira harga tiket.

```
Mula
Masukkan bilangan_tiket
Setkan harga_tiket = 45.00
Kira jumlah_harga_tiket = bilangan_tiket / 0
Papar jumlah_harga_tiket
Tamat
```

Rajah 6

Setelah menukar pseudokod pada Rajah 6 kepada kod atur cara terdapat ralat semasa proses uji lari dijalankan.

(a) Nyatakan jenis ralat yang wujud.

……..

[1 *markah*]

(b) Baiki ralat yang dinyatakan di (a). Tulis pernyataan yang betul.

……..

[1 *markah*]

(c) Nyatakan satu pembolehubah yang terdapat dalam pseudokod.

……..

[1 *markah*]

(d) Nyatakan pemalar yang terdapat dalam pseudokod.

……..

[1 *markah*]

**10** Jadual 3 menunjukkan beberapa rekod dalam jadual **PELAJAR.**

**PELAJAR**

| nokp | nama | notel | jawatan |
|---|---|---|---|
| 020514050231 | SYAMIL | 0164458586 | PENGERUSI |
| 020728020062 | SABRINA | 0136379631 | BENDAHARI |
| 020514050231 | SYAMIL | 0168878558 | PENGERUSI |

Jadual 3

Berdasarkan Jadual 3,

(a) nyatakan satu ciri data yang wujud dalam jadual tersebut.

……..

[1 *markah*]

(b) apakah yang terjadi sekiranya perkara di (a) tidak diatasi?

……..

[1 *markah*]

**11** Rajah 7 merupakan maklumat pembelian barang oleh seorang pelanggan.




Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

(a) nyatakan jenis data yang digunakan di

i. **M** : ……..

ii. **N** : ……..

[2 *markah*]

(b) mengapakah pemilihan jenis data yang betul dalam penulisan kod atur cara adalah penting?

……..

……..

[1 *markah*]

(c) tuliskan pengisytiharan **M** sebagai pemalar dalam bahasa pengaturcaraan *Java*.

……..

[1 *markah*]

**12** Rajah 8 menunjukkan rajah perhubungan entiti (ERD) bagi sistem perniagaan di sebuah kedai emas.




Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, nyatakan atribut yang sesuai dijadikan

(a) kunci primer dalam entiti BAYARAN : …….…….

(b) kunci primer dalam entiti EMAS : …….…….

(c) kunci asing : …….…….

[3 *markah*]

**13** Jadual 4 menunjukkan pangkalan data di sebuah stor sukan sekolah.

**PRODUK**

| NoProduk | Item | Harga | Kuantiti | Pembekal |
|---|---|---|---|---|
| A01 | Kayu hoki | 20.00 | 25 | Jaya Enterprise |
| A02 | Raket | 10.50 | 40 | Majid Sdn. Bhd |
| A03 | Bulu tangkis | 12.00 | 10 | Majid Sdn. Bhd |
| A04 | Bola hoki | 25.00 | 30 | Jaya Enterprise |

Jadual 4

Berdasarkan Jadual 4, tulis pernyataan SQL untuk

(a) menyenaraikan semua medan daripada jadual **PRODUK** mengikut urutan menurun dengan berpandukan item barang.

……..

……..

[2 *markah*]

(b) mendapatkan jumlah produk yang dibekalkan oleh Jaya Enterprise.

……..

……..

[2 *markah*]

**14** Berdasarkan kaedah Caesar Cipher, tentukan teks sifer yang boleh dihasilkan dalam Rajah 9, dengan nilai anjakan n = 3.

| **K E M E R D E K A A N** |
|---|

Rajah 9

……..

……..

……..

……..

……..

……..

[1 *markah*]

**15** Rajah 10 menunjukkan satu kod atur *JavaScript.*

```
var nombor = [7, 6, -2, 8, 9];
var jumlah = 0;
var i;

for (i = 0; i < 5; i++) {
        jumlah = jumlah + nombor[i];
}
document.write (jumlah);
```

Rajah 10

Berdasarkan Rajah 10,

(a) nyatakan output yang dihasilkan

…..…….....

[1 *markah*]

(b) sekiranya dua nombor di tambah dalam tatasusunan nombor, tuliskan kod arahan struktur kawalan ulangan for yang baharu.

…..…….....

[1 *markah*]

**16** Rajah 11 (a) menunjukkan satu ilustrasi pencarian nombor dalam suatu senarai nombor . Nombor yang dicari telah di jumpai pada lelaran ke-3.




Rajah 11 (a)

Berdasarkan Rajah 11(a),

(a) nyatakan nombor yang dicari.

…..…….....

[1 *markah*]

(b) jalankan pencarian nombor 35 dalam senarai nombor pada Rajah 11 (b). Lakarkan ilustrasi seperti Rajah 11 (a).

| 3 | 7 | 15 | 21 | 30 | 35 | 47 |
|---|---|---|---|---|---|---|

Rajah 11 (b)

……

……

……

……

……

……

……

[3 *markah*]

**17** Rajah 12 menunjukkan satu kod segmen atur cara

```
public class A{
    public static void main(String[] args) {
        int markahBM = 70;
        int markahBI = 80;
        int markahSK = 80;

        kiraMarkah(markahBM,markahBI,markahSK);
    }

    public static void kiraMarkah(int w, int x, int y){
        double hasil = (w+y) / 2;
        System.out.println(hasil);
    }
}
```

Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12,

(a) nyatakan jenis data bagi output yang akan diperolehi.

…..…….....

[1 *markah*]

(b) tuliskan output tersebut.

…..…….....

[1 *markah*]

**18** Nyatakan 2 prinsip-prinsip asas reka bentuk laman sesawang.

(a) …..…….....

(b) …..…….....

[2 *markah*]

**19** Lengkapkan jadual prinsip reka bentuk interaksi dengan tepat:

| **Pernyataan** | **Prinsip** |
|---|---|
| Pengguna boleh mempelajari dan mengingati apa-apa yang dipelajari untuk selama-lamanya | Mudah untuk dipelajari (*learnability*) |
| Bertujuan untuk penambahbaikan pada reka bentuk interaksi yang dihasilkan | **X** |
| Menggunakan aplikasi tanpa sebarang keraguan dan ketidakselesaan | **Y** |
| Semua eleman kekal pada kedudukan yang sama | **Z** |

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan

(a) **X** : ……..……..

(b) **Y** : ……..……..

(c) **Z** : ……..……..

[3 *markah*]

**20** Lengkapkan.

(a) CSS ialah singkatan bagi …….

……..

[1 *markah*]

(b) Apakah fungsi CSS dalam membina laman sesawang?

……..

[1 *markah*]

**Bahagian B**
**[50 Markah]**

Jawab semua soalan.
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini: 90 minit

**1** Jadual 5 menunjukkan rekod temu janji rawatan bagi Hospital QRS. Kepakaran doktor dilabelkan berdasarkan unit penempatannya.

**RAWATAN**

| idDoktor | namaDoktor | kepakaran | unit | idPesakit | namaPesakit | noTelefonPesakit | tarikh | masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| D001 | Nadhirah | Jantung | Kardio | P105 | Gilbell | 0154544444 | 07-12-2018 | 8.00 |
| | | | | P110 | Hong Wei Kang | 0154543211 | 18-12-2018 | 10.00 |
| D003 | Hafiy | Kanak-kanak | Paed | P167 | Pavalamani | 0159121313 | 08-12-2019 | 10.30 |
| D004 | Anaqi | Telinga | ENT | P123 | Wardah | 0155414789 | 1-12-2018 | 11.00 |
| D002 | Aminah | | | | | | 10-12-2018 | 11.00 |

Jadual 5

Berdasarkan Jadual 5,

(a) tukarkan Jadual 5 sehingga dalam bentuk penormalan ketiga (3NF) dengan menulis skema hubungan bagi setiap bentuk penormalan dalam bentuk pernyataan teks.

**1NF**

**2NF**

**3NF**

[7 *markah*]

(b) lukis Rajah Perhubungan Entiti (ERD) setelah proses penormalan sehingga 3NF dijalankan.

[8 *markah*]

**2** Rajah 13 (a) menunjukkan satu litar get logik.




Rajah 13 (a)

(a) Berdasarkan Rajah 13 (a),

(i) tuliskan ungkapan boolean bagi

P : ……..……...…

Q : ……..……...…

F : ……..……...…

[3 markah]

(ii) Lengkapkan jadual kebenaran berikut

| A | B | P | Q | F |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 0 | 1 | | | |
| 1 | 0 | | | |
| 1 | 1 | | | |

[3 *markah*]

(b) Rajah 13 (b) menunjukkan satu kombinasi get logik. Lengkapkan maklumat dalam jadual diberi.

| Rajah 13 (b) | Nama Get Logik Asas Terlibat | Nama Get Logik Gabungan | Simbol Get Logik |
|---|---|---|---|
|  | (i)<br>(ii) | | |

[3 *markah*]

(c) Rajah 13 (c) menunjukkan satu bentuk pernyataan logik. Lukiskan rajah get logik bagi mewakili pernyataan logik tersebut.

| |
|---|
| Nilai F = 1 jika (A=0 DAN B=0) ATAU (A=1 ATAU B=1) |

Rajah 13 (c)

[6 *markah*]

**3** Rajah 14 menunjukkan paparan output bagi program mengira jumlah bayaran suatu barang.

**SISTEM PENGIRAAN HARGA**

Harga satu barang ialah RM50.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM100 boleh mendapat diskaun 10%.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM250 boleh mendapat diskaun 20%.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM500 boleh mendapat diskaun 35%.

**Kuantiti :**

KIRA

**PROSES KIRAAN**

Kuantiti : 10
Harga asal : 500.00
Diskaun : 0.35
Jumlah bayaran : RM 325.00

Rajah 14

Berdasarkan Rajah 14, lukis carta alir untuk penyelesaian atur cara.

[10 *markah*]

**4** Jadual 6 (a) menunjukkan struktur jadual **PEMANDU**.

**PEMANDU**

| Nama Medan | Jenis Data | Keterangan |
|---|---|---|
| idpemandu | VARCHAR(10) | Kunci utama |
| nama | VARCHAR(50) | NOT NULL |
| nokp | VARCHAR(12) | |

Jadual 6 (a)

(a) Berdasarkan Jadual 6 (a), tuliskan arahan SQL untuk membina jadual **PEMANDU**.

[3 *markah*]

(b) Jadual 16 (b) menunjukkan rekod untuk Jadual **PEMANDU**.

| idpemandu | namapemandu | nokp |
|---|---|---|
| P0115 | En.Sani bin Nordin | 700203996007 |

Jadual 6 (b)

Berdasarkan 16 (b), tuliskan arahan SQL untuk memasukkan rekod tersebut ke dalam Jadual **PEMANDU**.

[3 *markah*]

(c) Jadual 6 (c) menunjukkan satu rekod dalam jadual **KENDERAAN**.

**KENDERAAN**

| noplat | jeniskenderaan | statuskenderaan |
|---|---|---|
| NS5254 | Honda | Berfungsi |
| NS7887 | Toyota | Berfungsi |

Jadual 6 (c)

Berdasarkan Jadual 6 (c),

(i) tuliskan arahan SQL untuk mengemaskini statuskenderaan kereta dengan noplat NS5254 kepada Rosak.

[3 *markah*]

(ii) tuliskan arahan SQL untuk menambah medan warnakereta ke dalam jadual **KENDERAAN**.

[2 *markah*]

**-KERTAS SOALAN TAMAT-**

# PAHANG 2021
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021 3770/1

## SAINS KOMPUTER

**Kertas 1**
November 2021
2½ jam **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis **nama, nombor** **kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan*

2. *Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian :***Bahagian A** *dan* **Bahagian B.** Jawab semua soalan
3. *Jawapan untuk* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis di ruang yang disediakan pada kertas soalan. Sekiranya ruang di dalam kertas ini tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
4. *Pengiraan mesti ditunjukkan dengan jelas*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah penuh | Markah diperolehi |
| **A** | 1-20 | 50 | |
| **B** | 21 | 10 | |
| | 22 | 10 | |
| | 23 | 15 | |
| | 24 | 15 | |
| | JUMLAH | 50 | |
| JUMLAH BESAR | | 100 | |

NAMA : ……

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | | | | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

.

Kertas soalan ini mengandungi 24 halaman bercetak

**Bahagian A**

[50 Markah]

*Jawab **semua** soalan.*

*Masa yang dicadangkan: **60 minit***

1. Berikut adalah proses penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan.

| **Proses PenyelesaianMasalah** |
|---|
| Kumpulkan dan analisis data |
| **P** |
| Jana idea |
| **Q** |
| Tentukan tindakan |
| **R** |
| Buat penilaian |
| Penambahbaikan |

Nyatakan:

*[3markah]*

(a) P: ……

(b) Q: ……...

(c) R: ……...

2. Jadual 1 menunjukkan data bagi markah murid

| Nama | Markah | Gred |
|---|---|---|
| Aleeya | 70 | B |
| Fakhrul | 50 | C |

Jadual 1

Berikan jenis data bagi:

(a) Nama: ……..

(b) Markah: ……..

*[2markah]*

3. Padankan penerangan yang diberi dengan jenis ralat yang betul.

| Penerangan | | Jenis Ralat |
|---|---|---|
| Mencari punca kuasa dua bagi nombor negatif | | Ralat logik |
| Output yang dihasilkan tidak menepati apa yang diinginkan | | Ralat sintaks |
| | | Ralat masa larian |

*[2markah]*

4. Jadual 2 menunjukkan aktiviti dalam fasa kitaran hayat pembangunan sistem.

| Fasa X | Fasa Y |
|---|---|
| • Pengekodan<br>• Menyediakanpseudokod dan carta alir | • Semakan kod( code review) dilakukan untuk mengesan ralat<br>• Ralat yang ditemui, dibetulkan dan diujisemula |

Jadual 2

Kenal pasti fasa yang terlibat:

Fasa X : ……

Fasa Y :……

*[2markah]*

5. Rajah 1 menunjukkan satu contoh ciri-ciri data yang di simpan dalam pangkalan data.

Pangkalan data MURID



| Nombor Pendaftaran | Nama |
|---|---|
| 011/21 | Alias bin Zahari |
| 025/20 | Yap Ah Zhi |
| 011/21 | Maryam binti Arshad |

Rajah 1

Nyatakan ciri data dalam Rajah 1.

…… *[1markah]*

6. Rajah 2(a) dan 2(b) menunjukkan dua model pangkalan data




Rajah 2(a)




Rajah 2(b)

Namakan jenis model pangkalan data untuk

(i) Rajah 2(a) :……

(ii) Rajah 2(b):……. *[2markah]*

7. Rajah 3(a) dan 3(b) menunjukkan dua buah jadual dalam pangkalan data.

Jadual Peminjam

J

| ID Murid | Nama | Kelas |
|---|---|---|
| 00111 | Rasydan bin Ahmad | Bestari |
| 00111 | Rasydan bin Ahmad | Bestari |
| 00113 | Amirul bin Bhaqi | Dedikasi |
| 00114 | Natasha binti Ramli | Dinamik |

Rajah3(a)




| KodBuku | IDMurid | TarikhPinjam | Tarikh Pulang |
|---|---|---|---|
| IB2240 | 00111 | 22 Jun 2020 | 22 Julai 2020 |
| IB2750 | 00111 | 22 Jun 2020 | 22 Julai 2020 |
| 1B1920 | 00113 | 23 Aug 2020 | 23 Sept 2020 |
| IB0610 | 00114 | 10 Sept 2020 | 10 Okt 2020 |

Rajah 3(b)

Namakan

(i) J:……

(ii) K:…….

(iii) L :……. *[3markah]*

8. Berikut adalah ciri-ciri bentuk normal (NF) dalam skema hubungan.

| **Bentuk normal (NF)** | **Ciri-ciri** |
|---|---|
| **R** | • Pastikan lajur adalah atomik<br>• Kenal pasti kunci primer dalam jadual |
| **S** | • Jadual tiada kebergantungan fungsi separa<br>• Semua jadual hubungan mempunyai kebergantungan fungsi sepenuh sahaja<br>• Setiap satu jadual hubungan mempunyai atribut kunci primer |

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, nyatakan

R : ..... [2*markah*]

S : .....

9. Rajah 4 menunjukkan prinsip asas reka bentuk interaktif bagi suatu aplikasi.

| **Prinsip Asas** | **Situasi** |
|---|---|
| (i) ..... | • Saya mudah memahami aplikasi ini dan tidak perlu diajar banyak kali untuk menggunakannya.<br>• Tetapan aplikasi ini membenarkan saya mengubahnya mengikut kehendak saya. |
| (ii) ..... | • Aplikasi ini membawa saya ke halaman yang tepat mengikut kehendak saya.<br>• Sesetengah butang navigasi membuat saya tertanya-tanya, apakah yang akan dipaparkan jika saya menekan butang ini. |
| (iii) ..... | • Saya dapat membuat carian apabila saya memasukkan data dalam ruangan Carian.<br>• Sesetengah navigasi mengambil masa yang lama untuk menghasilkan paparan. |

Rajah 4

Berdasarkan situasi yang diberi, nyatakan prinsip asas reka bentuk interaktif yang bersesuaian pada ruang kosong.

*[3markah]*

10 Rajah 5 menunjukkan salah satu isu keselamatan data dalam rangkaian komputer yang lemah dan memudahkan penjenayah siber untuk mencuri maklumat peribadi kita.

Rajah 5

Nyatakan dua langkah keselamatan yang boleh di ambil untuk memastikan keselamatan data kita terjamin.

(i) .....

(ii) ..... *[2markah]*

11. Rajah 6 menunjukkan penyulitan simetri dengan menggunakan kunci yang sama.




Rajah 6

Kenal pasti proses X dan Y:

**X : .....**

**Y : .....** *[2makah]*

12. Rajah 7 menunjukkan atur cara PHP yang digunakan untuk membuka fail teks dan menulis perkataan dalam fail tersebut.

```
<?php
$f =(i) ("LogMasuk.txt", "w");
    (ii) ($f, "SelamatDatang");
(iii)($f);
?>
```

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7, lengkapkan atur cara tersebut dengan menulis:

(i) Kod atur cara untuk membuka fail teks.

.....

(ii) Kod atur cara untuk menulis dalam fail tersebut.

.....

(iii) Kod atur cara untuk menutup fail yang telah digunakan.

.....

(iv) Tuliskan output bagi atur cara tersebut.

..... *[4markah]*

13. Rajah 8 menunjukkan kitaran mesin (capai-nyahkod-laksana).




Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, nyatakan proses capai (fetch) berlaku sama ada di X, Y atau Z.

Tulis jawapan X atau Y atau Z.

*[1markah]*

.....

14. Jadual 3 menunjukkan penterjemah untuk menukar bahasa pengaturcaraan.

| | |
|---|---|
| A | Pengkompil |
| B | Pentafsir |

Jadual 3

Pilih penterjemah yang sesuai dengan menulis A atau B pada kotak yang disediakan.

| | | |
|---|---|---|
| i. | C, C++ | |
| ii. | Pyhton | |
| iii. | PHP | |

*[3markah]*

15. Rajah 9(a) menunjukkan atur cara Bahasa Penskripan Klien dan Rajah 9(b) adalah carta alir bagi atur cara tersebut.

```
1  <html>
2<body>
3        <script>
4        var ulang=4;
5        do{
6        document.write("Salam Sejahtera<br>");
7ulang++;
8        } while(ulang<= 2);
9        </script>
10</body>
11</html>
```

Rajah 9(a)




Rajah 9(b)

Lengkapkan carta alir dengan pernyataan yang sesuai pada P, Q dan R. *[3markah]*

16. *Rajah 10 menunjukkan satu litar get logik.*




*Rajah 10*

*Tuliskan ungkapan Boolean bagi litar get logik tersebut.*

*[3markah]*

.....

*17. Berikut adalah jadual kebenaran bagi get logik Z.*

| ***Input*** | | ***Output*** |
|---|---|---|
| ***A*** | ***B*** | ***F*** |
| *1* | *1* | *0* |
| *1* | *0* | *0* |
| *0* | *1* | *0* |
| *0* | *0* | *1* |

*Lakar dan labelkan get logik Z itu.*

*[3markah]*

18. Berikut adalah model Gambar Rajah Perhubungan Entiti (ERD) bagi Sistem Pesanan sebuah Syarikat.




Namakan **satu;**

(a) Entiti : .....

*[2markah]*

(b) Kunci primer : .....

19. Jadual 4 adalah satu jadual dalam sistem tempahan bilik.

Tempahan

| IdBilik | Nama | Tarikh Masuk | Tarikh Keluar | Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|
| B01 | Maslina | 03/02/2021 | 04/02/2021 | 180 |
| B02 | Amir | 06/02/2021 | 07/02/2021 | 230 |
| B03 | Uzeir | 08/03/2021 | 10/03/2021 | 360 |
| B04 | Nur Alina | 01/04/2021 | 02/04/2021 | 350 |

Jadual 4

Lengkapkan pernyataan Bahasa Pertanyaan Berstruktur SQL bagi:

(a) Menukar nama pelanggan "Uzeir" kepada "Azman".

UPDATE Tempahan

SET (i)……..

WHERE (ii) ……

*[2markah]*

(b) Menghapuskan rekod bilik "B02".

(i)..... Tempahan

WHERE (ii).....

*[2markah]*

20. Jadual 5 adalah struktur bagi jadual BARANG.

| **Nama Medan** | **Jenis data** | **Keterangan** |
|---|---|---|
| NoBarang | VARCHAR (8) | Kunci Utama |
| Nama | VARCHAR (8) | *NOT NULL* |
| Kuantiti | INT (3) | |

Jadual 5

Tulis penyataan Struktur Pertanyaan Berstruktur (SQL) untuk mencipta jadual BARANG.

*[3markah]*

## Bahagian B

[50 Markah]

*Jawab* **semua** *soalan*

*Masa yang dicadangkan untuk bahagan ini: 90 minit*

21. Pernyataan berikut menunjukkan pembangunan suatu atur cara jualan koperasi sekolah.

> Koperasi SMK Terus Maju akan mengadakan jualan promosi sempena cuti akhir tahun bagi penghabisan stok. Pelanggan akan mendapat 40% diskaun daripada jumlah harga belian.
>
> Formula pengiraan bagi harga selepas diskaun adalah seperti berikut:
>
> harga_diskaun = 40/100 * harga_asal
>
> harga_selepas_diskaun = harga_asal – harga_diskaun

Berdasarkan pernyataan yang diberi;

(a) Senaraikan semua pemboleh ubah dan pemalar yang berkaitan.

| Pemboleh ubah | Pemalar |
|---|---|
| | |

*[ 4 markah ]*

(b) Tuliskan pseudo kod untuk memasukkan data yang diperlukan untuk mengira dan memaparkan harga yang perlu dibayar.

*[ 4 markah ]*

(c) Lengkapkan jadual berikut bagi menunjukkan harga asal dan harga jualan yang akan diperolehi.

| Harga asal | Harga jualan |
|---|---|
| *Kod Pemeriksa :* | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **BAHAGIAN A** | | |
| 1 | 1 | |
| 2 | 3 | |
| 3 | 2 | |
| 4 | 1 | |
| 5 | 2 | |
| 6 | 2 | |
| 7 | 4 | |
| 8 | 2 | |
| 9 | 2 | |
| 10 | 4 | |
| 11 | 2 | |
| 12 | 3 | |
| 13 | 2 | |
| 14 | 3 | |
| 15 | 3 | |
| 16 | 2 | |
| 17 | 3 | |
| 18 | 2 | |
| 19 | 3 | |
| 20 | 4 | |
| **BAHAGIAN B** | | |
| 1 | 10 | |
| 2 | 15 | |
| 3 | 15 | |
| 4 | 10 | |
| **Jumlah** | **100** | |

## BAHAGIAN A

[50 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan* : **60 minit.**

**1.** Berikut adalah merujuk kepada ciri kualiti data yang disimpan dalam pangkalan data.

| |
|---|
| Konsistensi atau keseragaman data yang akan mempengaruhi kebolehpercayaan data. |

Nyatakan ciri yang berkaitan dengan maksud itu.

……

[1 *markah*]

**2.** Rajah 1 menunjukkan gabungan beberapa jenis get logik.




Rajah 1

Namakan get logik :

(i) ……

(ii) ……

(iii) ……

[3 *markah*]

**3.** Berikut adalah ruang memori bagi satu tatasusunan.

| | [0] | [1] | [2] | [3] | [4] |
|---|---|---|---|---|---|
| namaBunga | Dahlia | Anggerik | Cempaka | Orkid | Melur |

Nyatakan :

(a) Saiz tatasusunan namaBunga.

……..……...……

[1 *markah*]

(b) Output bagi kod arahan berikut:

```
System.out.println (namaBunga[3]);
```

……..……...……

[1 *markah*]

**4.** Rajah 2 menunjukkan paparan output laman web pengisian markah peperiksaan percubaan.




Rajah 2

Nyatakan kepentingan pengesahan data dalam sesebuah aplikasi.

……..…

……..…

[1 *markah*]

**5.** Rajah 3 menunjukkan segmen kod atur cara *JavaScript* bagi mencari nilai maksimum.

```
<script>
var nombor = [12,3,9,24,16,21], awalan = 1, i;
var bilangan = nombor.length;

for (i=0; i<bilangan; i++)
{
  if (nombor[i] > awalan)
  {
     awalan = nombor[i];
  }
}

document.write(awalan);
</script>
```

X

Rajah 3

Jelaskan **X**.

.....

.....

[2 *markah*]

**6.** Rajah 4 menunjukkan segmen kod atur cara HTML.

```
<h1>Daftar Pengguna</h1>
<form action="jenisPengguna.php" method="POST">
<table>
<tr>
  <td>Nama Pengguna : </td>
  <td><input name="namapengguna" type="text" size="10"></td>
</tr>
<tr>
  <td>Kata Laluan : </td>
  <td><input name="katalaluan" type="password" size="10"></td>
</tr>
<tr>
  <td></td>
  <td><input type="submit" name="btnDaftar" value="Daftar"></td>
</tr>
```

Rajah 4

Lengkapkan paparan output yang terhasil.




[2 *markah*]

**7.** Rajah 5(a) menunjukkan segmen kod atur cara Java, manakala Rajah 5(b) menunjukkan paparan output yang terhasil.

```
public class ulangan {
    public static void main(String[ ] args)
    {
        int n = ……(i)…… ;
        while (……(ii)……)
        {
           System.out.print(n + ",");
           n = ……(iii)…… ;
        }
    }
}
```

Rajah 5(a)

**Output:**
10,8,6,4,2,

Rajah 5(b)

(a) Lengkapkan segmen kod :

(i) ……

(ii) ……

(iii) ……

[3 *markah*]

(b) Nyatakan struktur kawalan ulangan selain daripada Rajah 5(a).

……..

[1 *markah*]

**8.** Berikut merupakan fail teks yang menyimpan maklumat log masuk pengguna.

logMasuk.txt

Lengkapkan sintaks untuk membaca fail sahaja.

```
$f = fopen ( "……P……" , "……Q……" ) ;
```

**P** : ……

**Q** : ……

[2 *markah*]

**9.** Rajah 6(a) dan Rajah 6(b) menunjukkan jadual TETAMU dalam pangkalan data sebelum dan selepas melalui satu proses pengemaskinian rekod.

| noKP | namaTetamu | noTelefon | alamatRumah | noPlat |
|---|---|---|---|---|
| 670808106898 | Siti Fatimah bt Yasin | 0194429639 | C-G-1, Prima Apt, Kota Warisan, 43900 Sepang | BEA9604 |
| 681001014522 | Rosalinda Lynn Wong | 0196868222 | *NULL* | *NULL* |
| 690831106532 | Ismail b Shafie | 0126332012 | *NULL* | WSA1122 |

Rajah 6(a)

| noKP | namaTetamu | noTelefon | alamatRumah | noPlat |
|---|---|---|---|---|
| 670808106898 | Siti Fatimah bt Yasin | 0194429639 | C-G-1, Prima Apt, Kota Warisan, 43900 Sepang | BEA9604 |
| 681001014522 | Rosalinda Lynn Wong | 0196868222 | *NULL* | *NULL* |
| 690831106532 | Ismail b Shafie | 0126332012 | Lot 15, Jln Kolam Air, 05000 Alor Setar | WSA1122 |

Rajah 6(b)

[Lihat halaman sebelah

Lengkapkan pernyataan SQL untuk melaksanakan proses pengemaskinian tersebut.

```
UPDATE TETAMU
SET alamatRumah = "Lot 15, Jln Kolam Air, 05000 Alor Setar"
WHERE ....R..... = ....S.... ;
```

**R** : …….

**S** : …….

[2 *markah*]

**10.** Berikut merupakan jadual PELAJAR dalam sebuah pangkalan data.

| noMurid | nama | umur | jantina |
|---|---|---|---|
| 1 | Siti Shafira | 17 | P |
| 2 | Nadzirah | 18 | P |
| 3 | Sooriya | 19 | L |
| 5 | Tan Mae Lee | 20 | P |
| 6 | Hafizuddin | 21 | L |
| 7 | Firdaus | 17 | L |
| 8 | Lee Kim Hoe | 18 | L |

Lengkapkan pernyataan SQL berikut untuk menyenaraikan nama pelajar perempuan yang berumur 18 tahun ke atas sahaja dalam susunan abjad menaik.

```
SELECT nama
……A…… PELAJAR
WHERE ……B…….. AND  jantina = “P”
……C…… nama ……D…….. ;
```

**A** : …….

**B** : …….

**C** : …….

**D** : …….

[4 *markah*]

**11.** Berikut merupakan paparan reka bentuk aplikasi "Program Mengira Isipadu Air Tin" dan langkah-langkah yang terlibat dalam proses mereka bentuk interaksi aplikasi tersebut.







Nyatakan :

**X** : ……

**Y** : ……

[2 *markah*]

**12.** Berikut adalah langkah-langkah bagi membuat sandaran (*backup*) pangkalan data dalam *phpMyAdmin.*

Susun langkah-langkah itu mengikut urutan yang betul dengan menuliskan **2**, **3** dan **4** dalam ruang yang disediakan. Langkah 1 telah diberi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Klik menu 'Export'** | | **Pilih fail pangkalan data yang akan dibuat sandaran** |
| **1** | **Layari laman localhost/phpmyadmin** | | **Pilih format 'SQL" dan klik butang 'Go'** |

[3 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

**13.** Rajah 7 menunjukkan segmen kod atur cara *Java*.

```
public static void main(String[] args)
{
   kiraMarkah(8,10);
}
static void kiraMarkah(int markah1, int markah2)
{
   int jumlah = markah1 + markah2;
   System.out.println("SKOR : " + jumlah);
}
```

Rajah 7

Nyatakan :

(a) Sub atur cara yang dipanggil.

……

[1 *markah*]

(b) Jenis data pulangan bagi sub atur cara yang dipanggil.

……

[1 *markah*]

**14.** Jadual 1 menunjukkan jenis kebergantungan fungsi dalam pangkalan data.

| Jenis Kebergantungan | Penerangan |
|---|---|
| **X** | Berlaku apabila atribut-atribut biasa bergantung kepada atribut biasa yang lain dalam jadual. |
| **Y** | Berlaku apabila semua atribut biasa bergantung sepenuhnya kepada kesemua atribut kunci dalam jadual. |
| **Z** | Berlaku apabila atribut-atribut biasa bergantung kepada salah satu daripada atribut kunci dalam jadual. |

Jadual 1

Nyatakan :

**X** : ……

**Y** : ……

**Z** : ……

[3 *markah*]

**15.** Berikut merupakan kod atur cara Java untuk memaparkan sesuatu mesej.

```
public class mesej {
    static String ucapan = "Selamat Datang ";

    public static void main(String[] args)
    {
        String nama = "Danial";
        System.out.print(ucapan + nama);
    }
}
```

Nyatakan :

(a) **Pemboleh ubah sejagat** : ……..

**Pemboleh ubah setempat** : ……..

[2 *markah*]

(b) Ciri pemboleh ubah setempat :

……

[1 *markah*]

**16.** Rajah 8 menunjukkan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (*SDLC*).




Rajah 8

Nyatakan aktiviti yang berlaku pada **X**.

……..

……..

[2 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

**17.** Rajah 9 menunjukkan segmen kod aturcara sebuah laman web.




Rajah 9

(a) Namakan bahasa pengaturcaraan **P**.

……...

[1 *markah*]

(b) Terdapat tiga cara penulisan bahasa pengaturcaraan **P**. Nyatakan cara penulisan yang digunakan pada Rajah 9.

……...

[1 *markah*]

(c) Nyatakan fungsi segmen kod aturcara **Q**.

……...

[1 *markah*]

**18.** Rajah 10 menunjukkan kaedah penyulitan yang digunakan bagi melindungi data.




Rajah 10

Berdasarkan Rajah 10, nyatakan proses :

**X** : …….

**Y** : …….

[2 *markah*]

**19.** Rajah 11 menunjukkan kod atur cara Java dan laporan ralat setelah kod atur cara tersebut diuji lari.

```
01  // pendaftaran murid dan rumah sukan
02  public class RumahSukan {
03      public static void main(String[ ] args) {
04
05      //daftar
06      String kodAhli = "K888";
07      String namaMurid = "Leia Sarah";
08      String rumahSukan = "Kuning";
09
10      //output
11      System.out.println (namaMurid + kodAhli);
12      System.out.println (rumah_Sukan);
13      }
14  }
```

**LAPORAN RALAT**

RumahSukan.java :
line 12 :
error : cannot find symbol

Rajah 11

(a) Nyatakan jenis ralat yang dikesan dan berikan justifikasi.

……

……

[2 *markah*]

(b) Tuliskan semula kod atur cara yang telah dibaiki.

……

[1 *markah*]

**20.** Berikut merupakan beberapa jadual yang terlibat dalam pangkalan data Sistem Pembelian Buku.

BUKU

| KodBuku | TajukBuku | KodKategori |
|---|---|---|
| B01 | Si Pungguk Rindukan Bulan | K01 |
| B02 | Harry Potter | K01 |
| B03 | Celik Komputer | K02 |

KATEGORI

| KodKategori | Kategori |
|---|---|
| K01 | Fiksyen |
| K02 | Bukan Fiksyen |

Tuliskan skema hubungan dalam perwakilan teks yang lengkap bagi menggambarkan hubungan antara jadual-jadual tersebut.

……...

……..

……..

[4 *markah*]

**BAHAGIAN B**

[50 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan* : **90 minit.**

**1.** Berikut menunjukkan paparan pendaftaran kata laluan pengguna bagi sebuah aplikasi. Pendaftaran yang berjaya akan disimpan ke dalam pangkalan data.




(a) Lakarkan carta alir untuk menggambarkan proses pendaftaran kata laluan tersebut.

[8 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

(b) Nyatakan struktur kawalan yang terlibat. Berikan justifikasi jawapan anda.

……

……

[2 *markah*]

**2.** Platform pembelian secara atas talian menjadi popular semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula pada awal tahun 2020. Pembelian secara atas talian ini adalah pilihan yang lebih selamat kerana pengguna tidak perlu bersesak dengan orang ramai bagi mengelakkan penyebaran virus Covid19. Rajah 12 menunjukkan salah satu aplikasi pembelian atas talian.

Rajah 12

(a) Terangkan **tiga** aktiviti interaksi yang boleh dilakukan oleh pengguna.

……

……

……

……

……

……

……

……
……
……
……
……
[6 *markah*]

(b) Huraikan **dua** prinsip reka bentuk interaksi yang perlu dipatuhi dalam penghasilan sesuatu aplikasi.

……
……
……
……
……
……
……
……
……
[6 *markah*]

(c) Cadangkan **tiga** penambahbaikan atau fungsi baharu yang anda rasa perlu agar aplikasi tersebut lebih berkesan, menarik dan mudah digunakan.

……
……
……
……
……
……
……
[3 *markah*]

**3.** Berikut menunjukkan jadual 1NF yang menyimpan rekod kehadiran dan bacaan suhu setiap murid yang hadir ke sekolah. Dua atribut yang dikenalpasti sebagai atribut kunci pada jadual tersebut ialah idguru dan idmurid. Sebagai pembangun sistem maklumat, anda ditugaskan untuk membina pangkalan data hubungan yang ternormal.

Nama Jadual : KEHADIRAN_MURID

| **id guru** | **guru bertugas** | **nama murid** | **id murid** | **kelas** | **tingkatan** | **nama kelas** | **tarikh hadir** | **suhu** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A1 | En Ali | Hafiz | B01 | 5A | 5 | Aman | 12/09/21 | 36.4 |
| A1 | En Ali | Siti | B88 | 5A | 5 | Aman | 13/09/21 | 36.4 |
| A2 | Pn Devi | Chong | B11 | 5B | 5 | Bersih | 12/09/21 | 35.8 |
| A2 | Pn Devi | Mei | B09 | 5B | 5 | Bersih | 13/09/21 | 36 |
| A2 | Pn Devi | Iman | B18 | 5B | 5 | Bersih | 13/09/21 | 36.2 |
| A3 | Pn Ros | Dinesh | B23 | 6A | 6 | Aman | 12/09/21 | 36.6 |
| A5 | En Abu | Lea | B02 | 6B | 6 | Bersih | 12/09/21 | 35.7 |
| A5 | En Abu | Lea | B02 | 6B | 6 | Bersih | 13/09/21 | 35.8 |

(a) Nyatakan **dua** ciri jadual pada bentuk penormalan pertama (1NF).

……

……

……

[2 *markah*]

(b) Bina skema hubungan bagi 2NF.

……

……

……

……

……

……

[10 *markah*]

(c) Huraikan kebergantungan fungsi transitif yang dikesan pada bentuk penormalan kedua (2NF).

……

……

……

……

……

……

……

……

……

[3 *markah*]

**4.** Rajah 13 menunjukkan kod atur cara bahasa penskripan klien bagi melakukan suatu proses isihan.

```
 1  <html>
 2  <body>
 3  <p>PROGRAM MENGISIH LIMA NOMBOR</p>
 4  <button onclick="prosesIsih()">MULA</button>
 5
 6  <script>
 7  function prosesIsih() {
 8      var no = [];
 9      var bilNo = 5;
10      var i, j, sementara;
11
12      for(var i=0; i<bilNo; i++) {
13          no[i] = prompt("Masukkan nombor " + (i+1));
14      }
15      document.write("Senarai belum isih: " + no);
16
17      for (i=0; i<bilNo; i++) {
18          for (j=0; j<bilNo-i-1; j++) {
19             if (no[j] > no[j+1])
20             {
21                sementara = no[j];
22                no[j] = no[j+1];
23                no[j+1] = sementara;
24             }
25          }
26      }
27      document.write("<p> Senarai selepas isihan: " + no);
28  }
29  </script>
30
31  </body>
32  </html>
```

X

Rajah 13

(a) Nyatakan jenis proses isihan yang digunakan dan berikan **satu** kelebihannya.

……

……

[2 *markah*]

(b) Nyatakan jenis subatur cara yang digunakan dan berikan alasan anda.

……

……

……

[2 *markah*]

(c) Terangkan segmen kod atur cara **X**.

……

……

……

……

……

[3 *markah*]

(d) Tuliskan output yang akan dipaparkan sekiranya input yang diterima adalah :

| 2, 5, 6, 2, 4 |
|---|

……

……

[3 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021
# TERENGGANU 2021 3770/1

## SAINS KOMPUTER

**Kertas 1**

2½ jam **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* ***nama, nombor*** **kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada ruang yang disediakan*

2. *Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.** Jawab semua soalan

*3.* *Jawapan untuk* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis di ruang yang disediakan pada kertas soalan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah penuh | Markah diperolehi |
| **A** | 1-20 | 50 | |
| **B** | 1 | 10 | |
| | 2 | 15 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 15 | |
| | JUMLAH B | 50 | |
| JUMLAH BESAR | | 100 | |

Kertas soalan ini mengandungi 22 halaman bercetak

**Bahagian A**

*Jawab semua soalan.*

*Masa yang dicadangkan :* **60 minit**

1. Jadual 1 menunjukkan ciri -ciri penyelesaian masalah berkesan.

| | |
|---|---|
| Stok, wang, bahan mentah dan aset yang digunakan dalam organisasi. | A |
| Harga yang perlu dibayar untuk memperoleh, mengeluar dan menyenggara. | B |
| Tempoh menyiapkan sesuatu projek mengikut masa yang telah ditetapkan. | C |

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan

A : ……

B : ……

C : ……

[3 markah]

2. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi atur cara mengira isipadu silinder. Lengkapkan carta alir berikut.




[2 markah]

Rajah 1

3. Rajah 2 menunjukkan satu contoh kod aturcara

```
public class Main {
  public static void main(String[] args) {
    int x = 6;
    int y = 5;          A
    int z = 10;
    int avr = (x + y + z) /3;   <- B
    System.out.println("PURATA IALAH : "+ avr);
  }
}
```

Rajah 2

Berdasarkan rajah 2, namakan penyataan;

i) A : ……

ii) B : ……

[2 *markah*]

4. Rajah 3 menunjukkan sebuah carta alir bagi menentukan sebarang nombor umpukan.




Rajah 3

Berdasarkan rajah 3,

(i) Namakan struktur kawalan carta alir tersebut.

……

[1 *markah*]

(ii) Tentukan output yang dihasilkan jika input nilai x =20.

……

[1 *markah*]

(iii) Tuliskan ungkapan yang mengandungi operator logikal dan operator hubungan yang bersesuaian dengan operator diatas.

……

[2 *markah*]

5. Rajah 4 menunjukkan ralat yang terdapat dalam atur cara.

| | |
|---|---|
| **P** | Ralat yang berlaku kerana kesalahan tatabahasa pengaturcaraan seperti salah ejaan dan tatatanda serta penggunaan objek yang tidak dikenali |
| **Q** | Ralat yang terjadi apabila perisian yang dihasilkan tidak menjalankan fungsi-fungsi yang sepatutnya, tidak lengkap atau fungsi menghasilkan output yang tidak seperti yang dikehendaki |
| **R** | Ralat yang timbul apabila aturcara yang dijalankan terganggu oleh beberapa faktor seperti melaksanakan operasi aritmetik yang mustahil |

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

i) Namakan jenis ralat:

**P** : ……..

**Q** : …….

ii) Nyatakan satu contoh penyebab berlakunya ralat **R**

…….

[3 markah]

6. Rajah 5 menunjukkan ciri-ciri data dalam suatu pangkalan data.




Rajah 5

Nyatakan:

**X** : ……

**Y** : ……

[2 *markah*]

7. Jadual 2 menunjukkan jenis-jenis kekardinalan berdasarkan penyataan yang diberi.

| Penyataan | Kekardinalan |
|---|---|
| Seorang pengurus mengurus beberapa organisasi dalam syarikatnya. | **P** |
| 3 orang guru disiplin menguruskan beberapa kes disiplin di sekolah. | **Q** |
| Sebuah rumah hanya mempunyai satu kenderaan sahaja. | **R** |

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, nyatakan

**P** : ……

**Q** : ……

**R** : ……

[3 *markah*]

8. Rajah 6(i) menunjukkan Jadual pinjaman alatan sukan di sebuah sekolah.

| KodAlat | NamaAlat | Peminjam | IDPeminjam | NoTelefon | TarikhPinjam | TarikhHantar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| AR011 | Raket | Ahmad | M1004 | 019912231 | 2-April 2021 | 5-April 2021 |
| AB023 | Bola Sepak | Raju | M1242 | 011556212 | 3-Feb 2021 | 6-Feb 2021 |
| AK031 | Kayu Hoki | Siti | M1117 | 012773387 | 12-Feb 2021 | 14-Feb 2021 |

Rajah 6(i)

Rajah 6(ii) menunjukkan rajah kebergantungan fungsi dengan atribut-atribut yang terlibat.




Rajah 6(ii)

Berdasarkan Rajah,

i) Namakan jenis kebergantungan pada **X** :

……

[1 *markah*]

ii) Namakan atribut bagi

**Y** : ……

**Z** : ……

[2 *markah*]

9. Interaksi antara manusia dengan komputer merupakan proses, dialog atau kegiatan yang dilakukan oleh manusia untuk berinteraksi dengan komputer. Nyatakan **tiga** keperluan interaksi antara manusia dan komputer.

i) ……

ii) ……

iii) ……

[3 *markah*]

10. Rajah 7 menunjukkan gambaran awal sesuatu produk yang akan dibangunkan.




Rajah 7

Berdasarkan rajah 7,

i) Namakan proses bagi membina paparan reka bentuk skrin.

……

ii) Nyatakan **dua** tujuan bagi proses di (i).

……

[3 *markah*]

11. Berikut merupakan peranan dan kerjaya dalam bidang pengkomputeran.

| Peranan dan tanggungjawab | Kerjaya |
|---|---|
| Kerjaya dalam bidang ini bertanggungjawab untuk membangunkan aplikasi berasaskan web, menulis kod, mengintegrasikan sistem dan menyediakan bantuan teknikal. | P |
| Kerjaya dalam bidang ini bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk, mengemaskinikan dan menguruskan perisian komputer dan sistem melalui pengaturcaraan dan pembangunan perisian. | Q |

Namakan

P :……

Q :……

[2 *markah*]

12. Rajah 8 menunjukkan pemprosesan dalam sistem komputer.




| X | Y |
|---|---|

Rajah 8

Berdasarkan rajah 8,

(i) Namakan pemprosesan **X** dan pemprosesan **Y**.

……

……

[2 *markah*]

(ii) Berikan satu perbezaan antara pemprosesan **X** dan pemprosesan **Y**.

……

……

[1 *markah*]

13. Rajah 9 menunjukkan sebuah litar get gabungan dengan dua input iaitu A dan B.




Rajah 9

Berdasarkan rajah 9, lengkapkan Jadual Kebenaran.

| A | B | C | D | F |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 0 | | | |
| 0 | 1 | | | |
| 1 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 1 | 1 | | | |

[3 *markah*]

14. Berikut menunjukkan ungkapan Boolean bagi satu litar get logik.

| UNGKAPAN BOOLEAN | $F = \overline{A}\overline{B} + AB + A\overline{B}$ |
|---|---|

Namakan dua get logik asas.

i) ……

ii) ……

[2 *markah*]

15. Jadual 3(i) menunjukkan jadual PEKERJA yang belum diisih dan jadual 3(ii) menunjukkan jadual PEKERJA yang telah diisih.

PEKERJA

| IdPekerja | NamaPekerja | Lokasi |
|---|---|---|
| W010 | Felix Agus | Stor |
| W024 | Ahmad Bunyamin | Pejabat |
| W141 | Che Mat Hasan | Dewan |

Jadual 3(i)

PEKERJA

| IdPekerja | NamaPekerja | Lokasi |
|---|---|---|
| W024 | Ahmad Bunyamin | Pejabat |
| W141 | Che Mat Hasan | Dewan |
| W010 | Felix Agus | Stor |

Jadual 3(ii)

i) Tuliskan pernyataan SQL untuk menghasilkan Jadual 3(ii):

……

……

……

[2 *markah*]

16. Rajah 10 menunjukkan penggunaan bahasa penskripan klien.

```
<html>
        <head>
                <style>
                body {
                background-color: lightblue;
                        }
                h1 {
                color: white;
                text-align: center;
                        }
                </style>
        </head>
        <body>
        <h1>Sila hubungi:</h1>
        <p>1-500-88-00</p>
        </body>
</html>
```

Rajah 10

Berdasarkan rajah 10,

i) Nyatakan **dua** kelebihan Bahasa penskripan klien.

……

……

[2 *markah*]

17. Rajah 11 menunjukkan segmen aturcara bagi mengisih kod barang.

```
for (i=0; i< bilKod-1;i++)
{
      for (j=0; j< bilKod-1-1;j++)
{
      If (kodBarang[j]<kodBarang [j+1])
{
     sementara = kodBarang [j];
     kodBarang [j] = kodBarang [j+1];
     kodBarang[j+1] = sementara;
     }
   }
}
```

Rajah 11

Berdasarkan rajah 11,

i) Namakan jenis isihan

……

ii) Kenalpasti pembolehubah yang terlibat

……

iii) Nyatakan Output bagi set data berikut.

kodBarang = [508, 690, 500, 620]

……..

[3 *markah*]

18. Berikut menunjukkan kod atur cara penggunaan fungsi fopen dan fungsi fwrite.

```
<?php
    $myfile = fopen("DaftarMasuk.txt", "w");
    fwrite($myfile, "Selamat Datang");
    fclose($myfile);
?>
```

A

Nyatakan fungsi **A**

……

……

[2 *markah*]

19. Jadual 4 menunjukkan prinsip-prinsip yang digunakan dalam reka bentuk laman web.

| | |
|---|---|
| ✓ Merujuk kepada struktur laman web yang akan memudahkan seseorang pengguna melayarinya<br>✓ Antara teknik yang digunakan ialah Menu *Drop-down* dan *Site map* | **A** |
| ✓ Bertujuan untuk menonjolkan imej dan identiti sesebuah laman web supaya menarik dan berkesan.<br>✓ Teknik yang bijak mampu menarik perhatian pelawat serta meningkatkan kebolehbacaan mereka | **B** |
| ✓ Merujuk gabungan elemen visual seperti garisan, imej, teks, bentuk, dan warna dalam laman web.<br>✓ Pereka web perlu peka tentang pengguna sasaran laman web tersebut. | **C** |

Jadual 4

Berdasarkan jadual 4, nyatakan

**A** : ……

**B** : ……

**C** : ……

[3 *markah*]

20. Rajah 12 menunjukkan atur cara yang menggunakan ciri CSS *(Cascading Style Sheets).*

```
<html>
        <head>
        <title>Penggunaan CSS</title>
        </head>
        <body>
<h1 style = "color: blue; text-align: center;" >PROJEK PERTAMA SAYA</h1>
        </body>
</html>
```

Rajah 12

Berdasarkan rajah 12,

i) Nyatakan gaya penulisan CSS yang digunakan.

……..

[1 markah]

ii) Jelaskan paparan output yang terhasil.

……

……

[2 markah]

**Bahagian B**

*Jawab semua soalan.*

*Masa yang dicadangkan :* **90 minit**

1. Rajah 13 menunjukkan kad pendaftaran mengambil ujian di sekolah memandu.

**KAD PENDAFTARAN**

Nombor Peserta:_____

**MAKLUMAT PELAJAR**

Nama:_____

No Kad Pengenalan:_____

Jantina: Lelaki ( ) , Perempuan ( )

Alamat:_____

Nombor Telefon: _____

**MAKLUMAT KELAS MEMANDU**

ID Ujian :_____

Nama Ujian : Ujian berkomputer AA

Jenis: B2,D (*pilih salah satu)*

Tarikh Menduduki :_____

**KEPUTUSAN**

Skor: _____

Bayaran:_____

Rajah 13

(a) Berdasarkan rajah 13, lakarkan Gambar Rajah Perhubungan Entiti (ERD).

[6 markah]

(b) Berdasarkan pada jawapan 1(a) tuliskan skema hubungan.

……

……

……

……

[4 markah]

2. Setiap Hari, pelajar SMK Teluk Tengah dikehendaki mencatat suhu di dalam buku catatan suhu mengikut kelas dan tingkatan. Ini menyebabkan pelajar terpaksa beratur panjang bagi mencatat suhu di dalam buku. Bagi mengatasi masalah ini, Anda dikehendaki membangunkan satu sistem perekodan suhu dan kehadiran pelajar secara atas talian. Maklumat yang diperlukan bagi menghasilkan sistem ini adalah :

1. Nama
2. No. KP
3. Kelas
4. Tarikh
5. Suhu

i) Berdasarkan maklumat yang diberikan, kenalpasti keperluan interaksi produk bagi pembangunan sistem tersebut.

| | |
|---|---|
| Tajuk | |
| Kumpulan Sasaran | |
| Isu/Masalah/keperluan/tujuan yang dikenalpasti (daripada pengguna) | 1.<br><br>2. |
| Cadangan penyelesaian | |
| Cadangan penyelesaian sedia ada daripada produk yang lain | |

[6 markah]

ii) Lakarkan prototaip paparan muka bagi menu merekod suhu

[9 markah]

3. MySejahtera merupakan aplikasi atas talian yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan kendiri.

Rajah 14

Berdasarkan rajah 14,

a) Terangkan empat kesan positif hasil daripada inovasi dalam pengkomputeran.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 markah]

b) Jelaskan dua perbuatan tidak beretika oleh pengguna MySejahtera.

.....

.....

[2 markah]

4. Rajah 15(i) menunjukkan atur cara Kemaskini.php, rajah 15(ii) menunjukkan atur cara Proseskemaskini.php dan rajah 15(iii) menunjukkan paparan borang Kemaskini.

```
1 <html>
2 <head>
3       <title>Kemaskini Maklumat Murid</title>
4 </head>
5 <body>
6       <?php
7               $noP=$_GET['nomurid'];
8               $con = mysqli_connect("localhost","root","");
9               if (!$con)
10 {
11              die ('Sambungan kepada Pangkalan Data Gagal' .mysqli_connect_error());
12 }
13              mysqli_select_db($con,"dbPelajar");
14              $sql = "SELECT * FROM MURID WHERE NOMURID = '".$noP."'";
15              $result = mysqli_query($con,$sql);
16              $row = mysqli_fetch_array($result);
17              $nama = htmlspecialchars($row['NAMA'],ENT_QUOTES);
18              $kelas = $row['KELAS'];
19
20      ?>
21      <form action = "ProsesKemaskini.php" method = "POST">
22               <p>No Murid : <b><?php print $noP;?></b></p>
23               <p><input type = "hidden" name = "nomurid" value='<?php print $noP;?>'></p>
24               <p>Nama Murid <input name = "nama" type='text' value ='<?php print $nama;?>'> </p>
25               <p>Kelas<input name = "kelas" type="text" size = "15" value = '<?php print $kelas;?>'></p>
26
27               <p><input type = "submit" value = "Kemaskini"></p>
28              </form>
29 </body>
30 </html>
```

Rajah 15(i)

```
1 <?php
2       $con = mysqli_connect("localhost","root","");
3       if (!$con)
4 {
5               die ('Sambungan kepada Pangkalan Data Gagal '.mysqli_connect_error());
6 }
7       mysqli_select_db($con,"dbPelajar");
8       $nomurid = $_POST['nomurid'];
9       $nama = $_POST['nama'];
10      $kelas = $_POST['kelas'];
11
12      $sql = "update murid set (……A…..) = '(…..B….)', KELAS = '(…..C….)' where NOMURID ='(…..D….)'";
13      $result = mysqli query($con,$sql);
14      header('location:Senarai.php');
15 ?>
```

Rajah 15(ii)




Rajah 15(iii)

a) Berdasarkan rajah 15(i), kenal pasti **dua** nama pemboleh ubah yang menerima *input* dari pengguna.

i) ……

ii) ……

[2 markah]

b) Berdasarkan rajah 15(ii), kenal pasti perwakilan di baris 12.

**A**: ……

**B**: ……

**C**: ……

**D**: ……

[4 markah]

c) Merujuk pada rajah 15(iii), tuliskan sintaks SQL bagi proses kemaskini.

……

……

……

……

[4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# KEDAH 2021

**BAHAGIAN A**
**(20 SOALAN - 50 MARKAH)**

Sila jawab semua soalan.

1 Rajah 1 adalah satu algoritma untuk menentukan nombor positif atau negatif. Algoritma ini mempunyai ralat.

```
1. Mula
2. Isytihar pemboleh ubah x
3. Baca x
4. Jika (x <= 0)
5.     Papar nombor negatif
6. Jika tidak
7. Papar nombor positif
8. Tamat
```

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan baris yang dikesan mempunyai ralat.

……..…

[1 markah]

2 Jadual 1 menunjukan maklumat perancangan aktiviti satu projek sains komputer yang sedang dibangunkan

| Aktiviti | Ogos | September | Oktober | November | Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| Menemuramah pengguna. | | | | | |
| Melukis carta alir sistem. | | | | | |
| Menulis kod atur cara. | | | | | |
| Menguji sistem. | | | | | |

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1,

i) Nyatakan ciri penyelesaian masalah yang digunakan.

.....

[1 markah ]

ii) Namakan jadual perancangan tersebut.

.....

[1 markah ]

3 Rajah 2 menunjukkan proses penyelesaian masalah.




Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, nyatakan

X: _____

Y: _____

[2 markah]

4 Rajah 3 menunjukkan sebuah algoritma.

```
Mula
Input p
Jika p > 50
      q =  p * 5
      q = q / 2
Jika tidak
      q = p * 0.5
Papar q
Tamat
```

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan nilai q jika ;

i) p = 20 ……

ii) p = 100 …… [ 2 markah ]

5 Rajah 4 menunjukkan segmen subatur cara Java.

```
public class Main
{
   public static void main(String[] args) {

        int markah = 68;

      Q  myGrade = 'B';

      T  isJavaFun = true;

        System.out.println("Markah : "  + markah);
        System.out.println("Gred : "+ myGrade);
        System.out.println(isJavaFun);
   }
}
```

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan jenis data :

**Q** : .....

**T** : .....

[ 2 markah ]

6 Rajah 5 merupakan kod atur cara untuk memaparkan maklumat keputusan ujian Pentaksiran Kompetensi Literasi Matematik.

```
public class PKL {
        public static void main (String [ ] args) {
                String nama;
                String kelas;
            P   ……. ;
            Q   ……. ;

                nama = "Mohd Hafiz bin Ahmad";
                kelas = "1UM" ;
                markah = 98.2;
                kumpulan = true ;

                System.out.println ("Nama : " + nama);
                System.out.println ("Kelas : " + kelas);
                System.out.println ("Markah : " + skor);
                System.out.println ("Cemerlang : " + kumpulan);
        }
}
```

Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5, lengkapkan pengisytiharan bagi pemboleh ubah ;

(a) P : ……

(b) Q: ……

[2 markah]

7 Rajah 6 menunjukkan kod segmen untuk merekod suhu badan individu. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, suhu normal bagi individu adalah antara 36.0 darjah celcius hingga 37.5 darjah celcius. Manakala suhu lebih dari 37.5 darjah celcius dikategorikan sebagai demam.

```
import java.util.Scanner;
  public class mySuhuApp {
     public static void main (String[] args) {

        Scanner input = new Scanner(System.in);

        System.out.println ("Siapakah Nama Anda");
        String nama = input.next();

        System.out.println ("Berapakah umur anda");
        int umur = input.nextInt();

        System.out.println ("Masukkan Suhu Anda");
        P

        System.out.println("Nama :" +nama);
        System.out.println("Umur :" +umur);

        if (suhu >= 36.0 && suhu < 37.5) {
           System.out.println("Anda Normal. Suhu anda ialah :"+suhu); }
        else {
            Q

            }
       }
}
```

Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6, lengkapkan kod segmen bagi :

**P** : .....

[1 markah]

**Q** : .....

[1 markah]

8. Rajah 7 menunjukkan aturcara pengiraan luas bulatan.

```
import java.util.Scanner;
public classs LuasBulatan {
    public static void main(String[] args) {

    Scanner data = new Scanner(System.in);
    System.out.println("Masukkan panjang jejari : ");

    double jejari = data.nextDouble();
    double LuasBulatan;
    final double pi = 3.142;

    LuasBulatan = pi * jejari * jejari;

    System.out.println("Luas bulatan adalah " + LuasBulatan);

    }
}
```

Rajah 7

(a) Namakan pemboleh ubah untuk output.

……

[1 markah]

(b) Tuliskan output yang akan dihasilkan, sekiranya input yang dimasukkan adalah 5.

……

[1 markah]

9 Rajah 8 di bawah menunjukkan aturcara untuk mengira luas sebuah segitiga.




Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, nyatakan amalan gaya pengaturcaraan yang baik bagi:

P : ……

Q : ……...

[ 2 markah ]

10 Jadual 2 menunjukkan perbezaan antara dua jenis pemproses.

| **Pemproses S** | **Pemproses T** |
|---|---|
| Kurang efektif kerana melaksanakan satu tugas pada satu masa dan menyebabkan proses lebih perlahan. | Lebih efektif kerana boleh melaksanakan pelbagai tugas pada satu masa dan menyebabkan proses lebih cepat. |

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, nyatakan:

(a) Pemproses S: ……

(b) Pemproses T: ……

[2 markah]

11 Rajah 9 menunjukkan dua segmen carta alir berstruktur kawalan ulangan P dan Q.




Rajah 9

Berdasarkan Rajah 9, nyatakan

(a) Segmen carta alir yang menggunakan struktur kawalan ulangan *do-while*:

……

[1 markah]

(b) Bilangan perkataan "Hello! " yang dipaparkan oleh P:

……

[1 markah]

(c) Output Q jika syarat ujian ditukarkan kepada 


……

[1 markah]

12 Rajah 10 menunjukkan langkah-langkah keselamatan data serta penerangannya.

| Langkah keselamatan | Penerangan |
|---|---|
| X | Merupakan lapisan pengesahan keselamatan yang utama untuk memasuki akaun pengguna. |
| Y | Merupakan proses penyulitan maklumat yang akan dihantar melalui e-mel. |
| Z | Merupakan lapisan pengesahan tambahan yang perlu ditentukan oleh pengguna apabila ingin memasuki akaun atau mengakses data dalam talian. |

Rajah 10

Berdasarkan Rajah 10, nyatakan

(a) X : ……..

(b) Y : ……..

(c) Z : ……..

[3 markah]

13 Rajah 11 menunjukkan kod aturcara yang menggunakan Standard Library.

```
<html>
        <head>
            <script src="date.js">
            </script>
        </head>
        <body>
            <script>
                var hariIni= Date.today();
                document.write(hariIni);
            </script>
        </body>
</html>
```

Rajah 11

Berdasarkan Rajah 11,

(a) Namakan Standard Library yang digunakan

……..

[1 markah]

(b) Nyatakan satu kelebihan Standard Library

……..

[1 markah]

14 Berikut adalah segmen subatur cara KiraDarab() dalam bahasa pengaturcaraan *JavaScript*.

```
<script>
function KiraDarab(a, b)
{
  var jum = 0;
  jum = a * b ;
  document.write("hasil darab  : " + jum);
}
</script>
```

Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12,

i) Nyatakan jenis subatur cara tersebut

.....

[ 1 markah ]

ii) Tuliskan panggilan KiraDarab jika a = 5, b = 6

.....

[ 1 markah ]

15 Rajah 13 menunjukkan sebuah algoritma untuk mencari purata dua nombor.

```
1. Mula
2. nombor1 = 4
3. nombor2 = 8
4. Kira purata = (nombor1 + nombor2)/2
5. Output purata
6. Tamat
```

Rajah 13

Berdasarkan Rajah 13,

(a) Tuliskan pengisytiharan untuk pemboleh ubah nombor1 dan nombor2.

_____

[ 2 markah]

(b) Terjemahkan baris 5 kepada kod komputer *Java*.

_____

[ 2 markah]

16 Tuliskan penterjemah yang sesuai bagi pernyataan berikut:

i) C, C++ dan COBOL _____

ii) Basic Assembly Language _____

iii) Phyton dan Ruby _____

[3 markah]

17 Berikut adalah Rajah 14 yang menunjukkan kombinasi get logik.




Rajah 14

Berdasarkan Rajah 14,

a) Tuliskan Ungkapan *Boolean* untuk :

i) X : ……

ii) Y : ……

[2 markah]

b) Nyatakan nama kombinasi get logik tersebut

……

[1 markah]

18 Jadual 3(i) menunjukkan data dalam Jadual KELAS bagi pangkalan data SPBT sekolah.Jadual 3(ii) dan 3(iii) adalah kod arahan SQL untuk memanggil data .

+ Options

| | idkelas | nama_kelas | tingkatan |
|---|---|---|---|
| Edit Copy Delete | 1 | AMAN | 1 |
| Edit Copy Delete | 2 | BERSIH | 2 |
| Edit Copy Delete | 6 | DEDIKASI | 2 |
| Edit Copy Delete | 9 | CEKAL | 1 |

Check all *With selected:* Edit Copy Delete Export

Jadual 3(i)

Run SQL query/queries on table dbspbt.kelas:

```
1 SELECT nama_kelas,tingkatan
2 FROM `kelas`
3 ORDER BY nama_kelas DESC
```

Jadual 3(ii)

Run SQL query/queries on table dbspbt.kelas:

```
1 SELECT tingkatan
2 FROM `kelas`
3 GROUP BY tingkatan
```

Jadual 3(iii)

(a) Berdasarkan kod arahan dalam jadual 3(ii). Lengkapkan jadual berikut untuk data yang dihasilkan.

| nama_kelas | tingkatan |
|---|---|
| | |
| | |
| | |
| | |

[ 2 markah ]

(b) Berdasarkan kod arahan dalam jadual 3(iii). Tuliskan output dalam bentuk jadual.

[ 2 markah ]

19 Rajah 15 berikut merupakan sebahagian atur cara JavaScript .

```
<script>
var number=[ -9 , -1 , -8 , 2 , 13 , -7, 4] ;
var total = 0 ;
var i ;
for (i=0; i < 7 ; i++)
{
        total = total + number[ i ];
}
        document.write("Jumlah: "+total);
</script>
```

Rajah 15

Berdasarkan Rajah 15,

(a) Nyatakan :

(i) nama tatasusunan bagi atur cara.

.....

[1 markah]

(ii) saiz tatasusunan tersebut.

.....

[1 markah]

(b) Tuliskan output yang terhasil.

.....

[1 markah]

20 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kedah telah mengadakan Program “Mai Pusing Kedah”. Antara program yang diadakan adalah pertandingan mencari harta karun. Pihak penganjur telah menyediakan beberapa petunjuk di lokasi.

**Petunjuk :**

**Lokasi 1 : MASJID ZAHIR**

**Lokasi 2 :Q F Q F E X V R K**

**Lokasi 3 : PANTAI MERDEKA**

**Lokasi 4 :Q O B B Q L M TX I H**

Rajah 16

Berdasarkan Rajah 16:

(a) Nyahsulit petunjuk dengan menggunakan kaedah X dengan nilai anjakan n=3. Namakan:

(i) Lokasi 2 :.....

(ii) Lokasi 4 :.....

[ 2 markah]

(b) Namakan kaedah X.

……

[ 1 markah]

(c) Nyatakan jenis penyulitan yang digunakan

……

[ 1 markah]

**Bahagian B**

*Jawab* **semua** *soalan*

*Masa yang dicadangkan* : **90 minit**

1 Rajah 21 menunjukkan sebuah atur cara Java bermodular yang mengandungi struktur tatasusunan berserta contoh output yang terhasil apabila atur cara dilaksanakan.

```
1   public class markahSK {
2       public static void main (String[] args){
3           String[] nama = {"Ali", "Amir", "Siti", "Ery", "Nana", "John", "Nur"};
4           int[] kertas1 = {47,32,54,66,28,59,44};
5           int[] kertas2 = {19,24,27,20,29,21,27};
6
7           .....
8       }
9
10      static void paparmarkah(String[] nama,int[]kertas1,int[]kertas2){
11
12          .....
13          for(int i=0;i<7;i++){
14              markah[i] = kertas1[i]+kertas2[i];
15              System.out.println("Markah "+ nama[i]+" :");
16
17              .....
18              System.out.println("Kertas 2 = "+ kertas2[i]);
19              System.out.println("Jumlah markah "+ nama[i]+" ialah "+markah[i]);
20              System.out.println();
21          }
22      }
23  }
```

```
run:
Markah Ali :
Kertas 1 = 47
Kertas 2 = 19
Jumlah markah Ali ialah 66

Markah Amir :
Kertas 1 = 32
Kertas 2 = 24
Jumlah markah Amir ialah 56
```

Rajah 21

Berdasarkan Rajah 21:

a. Tulis pengisytiharan tatasusunan markah pada baris 10 .

……..

[2 markah]

b. Lengkapkan atur cara pada baris 6 dan 14.

i. Baris 6: ……..

ii. Baris 14: ……..

[4 markah]

c. Tuliskan output yang terhasil apabila i=5.

[4 markah]

2 Jadual 1 menunjukkan data yang akan digunakan untuk membangunkan Sistem Kuiz Sains Komputer.

| idMurid | namaMurid | kelas | idSoalan | itemSoalan | jawapan | jawapanMurid | markah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M0012 | Ahmad Rosli | 5 UM | 1 | Arahan SQL untuk menambah data? | insert into | insert | 1 |
| | | | 2 | Jenis data bagi nombor bulat? | integer | integer | 2 |
| | | | 3 | Arahan SQL untuk mengubah struktur jadual? | alter table | alter table | 2 |
| M0007 | Sakinah | 5 USM | 1 | Arahan SQL untuk menambah data? | insert into | insert into | 2 |
| | | | 2 | Jenis data bagi nombor bulat? | integer | integer | 2 |
| | | | 3 | Arahan SQL untuk mengubah struktur jadual? | alter table | alter table | 2 |
| M0105 | Shree | 5 UM | 1 | Arahan SQL untuk menambah data? | insert into | add | 0 |
| | | | 2 | Jenis data bagi nombor bulat? | integer | integer | 2 |
| | | | 3 | Arahan SQL untuk mengubah struktur jadual? | alter table | alter | 1 |

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1 ,

(a) Lengkapkan rajah hubungan entiti




[3 markah]

(b) Berdasarkan jawapan (a):

(i) Bina skema hubungan bagi peringkat penormalan 2NF

……..

……...

…….

[3 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan arahan SQL bagi membina jadual MURID

```
……(i)…… (
……(ii)……
namaMurid varchar(30),
kelas varchar(7)
);
```

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1 , lengkapkan :

(i) ……..

(ii) ……..

[4 markah]

3 Rajah 23 menunjukkan kod arahan Java bagi memaparkan hasil pengiraan menggunakan operator aritmetik. Syarat yang diperlukan untuk mendapatkan output c adalah seperti berikut.

- Jika a dan b adalah nombor positif, kira a tambah b.
- Jika a atau b adalah nombor positif, kira a tolak b.
- Jika a dan b adalah nombor negatif, kira a darab b.

```
public class Matematik {
  public static void main (String [] args){
    int a = -5;
    int b = 4;

    int c;

    if (_____________________i_____________________) {
          c = a + b;       }

    else if (_____________________ii_____________________) {
          c = a-b;        }

    else {
          c = a*b;      }

      System.out.println (c);
    }
}
```

Rajah 23

Berdasarkan Rajah 23,

(a) Lengkapkan segmen kod arahan

(i) ……..

(ii) ……

[6 markah]

(b) Lengkapkan analisis IPO berikut:

| Input | Proses | Output |
|---|---|---|
| | | |

[7 markah]

(c) Nyatakan fasa selepas kod arahan ditulis dan tujuan fasa ini dilakukan.

……

……

[2 markah]

4. Rajah 24 merupakan artikel yang dipetik dari akhbar tempatan.

# Padah guna perisian cetak rompak

KPDNKK rampas dua komputer selepas terima aduan, jalankan risikan

SUNGAI PETANI - Dua komputer berserta tiga perisian cetak rompak Auto Cad di dalamnya dirampas dalam serbuan dilakukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Cawangan Sungai Petani kelmarin.

Serbuan dilakukan jam 2 petang oleh empat anggota bersama wakil pemilik hak cipta di sebuah syarikat yang dijadikan pusat pembuatan perabot dekat Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani menggunakan waran geledah dari mahkamah.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNKK Kedah, Shamsul Nizam Khalil berkata, serbuan dilakukan hasil aduan dan pemilik hak cipta selain risikan yang dilakukan ke atas

INFO

• Empat individu ditahan

syarikat itu yang dipercayai menggunakan perisian cetak rompak untuk tujuan perniagaan sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, pihaknya turut menahan empat individu termasuk tiga lelaki dan seorang wanita berusia 30-an yang dipercayai mempunyai kaitan untuk dirakam percakapan.

"Nilai rampasan dua komputer dianggarkan RM7,000 manakala harga pasaran tiga unit perisian Auto Cad yang original boleh didapati dengan harga mencecah RM45,000.

"Tujuan operasi kali ini ialah untuk membanteras penggunaan perisian cetak rompak," katanya.

Shamsul Nizam (tengah) memeriksa komputer yang dirampas di mana kandungannya mempunyai perisian cetak rompak Auto Cad yang dipercayai digunakan syarikat terbabit untuk tujuan perniagaan.

Menurutnya, kertas siasatan telah dibuka dan kes akan disiasat bawah Seksyen 41(1)(d) Akta Hak Cipta 1987 iaitu memiliki apa-apa salinan langgaran selain untuk kegunaan domestik dan persendirian.

Katanya, kertas siasatan akan dilengkapkan dan akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk tindakan pendakwaan ke mahkamah dalam masa terdekat.

Jika sabit kesalahan, denda tidak kurang RM2,000 dan tidak lebih RM20,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Bagi kesalahan kedua, denda tidak kurang RM4,000 dan tidak lebih RM40,000 bagi setiap langgaran atau penjara tidak lebih 10 tahun, jika sabit kesalahan.

"KPDNKK memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat agar mematuhi undang-undang dalam menjalankan perniagaan dan sentiasa memantau penggunaan perisian cetak rompak," katanya.

Rajah 24

(a) Berdasarkan Rajah 24, terangkan tiga implikasi bagi kegiatan tersebut kepada negara.

(i) ……

……

(ii) …….

……

(iii) ……

……

[6 markah]

(b) Selain daripada cetak rompak, berikan dua contoh jenayah siber .

(i) ……

(ii) . ..……

[2 markah]

(c) Undang-undang siber merupakan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di sesebuah negara untuk memberikan hukuman kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan dalam talian. Terangkan perbezaan undang-undang siber antara Malaysia dan China dari segi :

(i) kawalan terhadap media sosial

……..

……...

……

[ 3 markah]

(ii) isu kebebasan bersuara

……..

……...

……..

[ 3 markah]

JOHOR (KOTA TINGGI) 2021 **BAHAGIAN A**

**[50 Markah]**

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan* : **60 minit.**

1. Rajah 1 di bawah menunjukkan satu carta alir yang mewakili satu bentuk struktur kawalan.




Rajah 1

i. Namakan struktur kawalan tersebut.

……

[1 *markah*]

ii. Tuliskan syarat yang perlu dinyatakan di "Y" jika suhu yang dibaca di antara 36 hingga 37.5 darjah selsius barulah dibenarkan memasuki premis.

……

[2 *markah*]

2. Nyatakan saiz ingatan komputer bagi jenis data di jadual 1.

| Jenis Data | Saiz data |
|---|---|
| Integer | |
| Double | |
| Char | |
| Boolean | |

Jadual 1

[4 *markah*]

3. Jadual 2 adalah pernyataan mengenai jenis-jenis pemboleh ubah.

| | |
|---|---|
| **X** | hanya boleh digunakan dalam sub aturcara yang mengandungi pengisytiharan pemboleh ubah. |
| **Y** | boleh digunakan pada keseluruhan aturcara selepas pengisytiharan pemboleh ubah. |

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2, namakan jenis pemboleh ubah :

**X** : ……..……...

**Y** : ……

[2 *markah*]

4. Rajah 2 menunjukkan carta alir bagi sturuktur kawalan ulangan.

Rajah 2




Rajah 2*a*

Kelaskan struktur kawalan ulangan tersebut berdasarkan carta alir pada rajah 2*a* dengan menulis A atau B pada ruang jawapan yang disediakan.

[2 *markah*]

5. Berikut adalah segmen aturcara menggunakan struktur kawalan pilihan yang tidak lengkap yang digunakan untuk menentukan kadar bayaran tiket masuk ke sebuah taman tema. Setiap pengunjung dikenakan bayaran sebanyak RM 10 seorang kecuali kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur 3 tahun dan kebawah.

```
if(warganegara  X  "malaysia"  Y  umur  Z  3)
{
    System.out.println("Percuma");
}
else
{
    System.out.println("Anda dikenakan bayaran sebanyak RM10");
}
```

Lengkapkan segmen aturcara java pada ruangan **X, Y** dan **Z** dengan menulis simbol operator yang betul pada ruang yang disediakan.

**X** : .....

**Y** : .....

**Z** : .....

[3 *markah*]

6. Rajah 3 di bawah menunjukkan kod aturcara dengan menggunakan tatasusunan.

```
/*program ringkas untuk memaparkan jumlah kutipan point daripada senarai
nombor*/

public class tatasusunan{
public static void main (string[] args){

int [] point = {12 , 9 ,  25};
int jumlah = 0;
for (int i=0; i < 3 ; i++)
{
        jumlah = jumlah + point[i];
}
system.out.println("Jumlah point ialah : " + jumlah);
}
```

Rajah 3

Berdasarkan maklumat di atas, berikan output bagi aturcara di atas dan surih output dengan menggunakan kaedah semakan meja.

| | i | i < 3 | point[i] | jumlah | Output |
|---|---|---|---|---|---|
| (i) | | | | | |
| (ii) | | | | | |
| (iii) | | | | | |
| (iv) | | | | | |

[4 *markah*]

7. Pernyataan di jadual 3 adalah suatu pengisytiharan menggunakan bahasa pengaturcaraan JAVA.

| |
|---|
| int [ ] senaraiMarkah; |

Jadual 3

Apakah fungsi pengisytiharan di Jadual 3.

……

[2 *markah*]

8. Rajah 4 di bawah menunjukkan jadual bagi PINJAMAN. Diberi ID Buku dan ID Murid adalah kunci primer bagi jadual tersebut.

PINJAMAN

| ID Buku | Nama Buku | Penulis | ID Murid | Nama Murid | Tel | Tarikh Pinjam | Tarikh Hantar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PPS0021 | Seronok BM | Khai | 125007 | Harris bin Aman | 0176677889 | 27-Sep-2016 | 10-Okt-2016 |
| PPS0034 | Jom Bina Laman Web | Anuar Hasan | 125007 | Harris bin Aman | 0176677889 | 27-Sep-2016 | 10-Okt-2016 |
| PPS2104 | Master Matematik | K.A.H | 125007 | Harris bin Aman | 0176677889 | 27-Sep-2016 | 10-Okt-2016 |
| PPS5542 | Color Of Science | Roseniza | 125096 | Francis Embong | 0121122335 | 28-Sep-2016 | 11-Okt-2016 |
| PPS6735 | World Of Biology | Ismail | 125096 | Francis Embong | 0121122335 | 28-Sep-2016 | 11-Okt-2016 |

Berdasarkan jadual PINJAMAN, jawab soalan berikut

i. Tuliskan atribut yang bergantung sepenuh kepada kedua-dua kunci primer tersebut

……..

[1 *markah*]

ii. Nyatakan kebergantungan fungsi yang berlaku antara atribut Nama Murid dan Tel

……..

[1 *markah*]

iii. Sekiranya atribut ID Murid bukan kunci primer jadual PINJAMAN tersebut, apakah jenis kebergantungan yang wujud antara ID Murid dan Nama Murid

……..

[2 *markah*]

9. Nyatakan maksud pangkalan data.

……..

[1 *markah*]

10. Jadual 4 di bawah merupakan prinsip rekabentuk interaksi sebuah aplikasi.

| Ciri-ciri aplikasi | Prinsip |
|---|---|
| Butang-butang navigasi diletakkan dalam satu kumpulan pada paparan aplikasi. | **P** |
| Petunjuk fungsi butang dan menu dalam aplikasi difahami. | **Q** |
2. Jadual 3 menunjukkan satu bentuk penyataan logik.

| Penggera berbunyi | Syarat |
|---|---|
| F = 1 | Jika ( A = ON ATAU B = ON ) ATAU |
| | Jika ( A = ON DAN B = ON ) ATAU |
| | Jika ( A = OFF DAN B = ON ) |

Jadual 3

(a) Tulis Ungkapan Boolean bagi penyataan Jadual 3.

.....

[1 *markah*]

(b) Lukis rajah litar logik bagi mewakili Ungkapan Boolean yang dihasilkan.

[5 *markah*]

(c) Berdasarkan jawapan (b) bina jadual kebenaran bagi menguji kebenaran output litar get logik yang telah dilukis.

[4 *markah*]

3. Rajah 12 menunjukkan Gambar Rajah Perhubungan Entiti (ERD) bagi sebuah pangkalan data.




Rajah 12

(a) Tuliskan arahan SQL :

(i) Mencipta jadual PEMBEKAL dengan menggunakan jenis data dan saiz medan yang sesuai.

[5 *markah*]

(ii) Menghapuskan medan Alamat dalam jadual PEMBEKAL.

[Lihat halaman sebelah]

[2 *markah*]

(b) Memaparkan nama barang dan harga yang dibekalkan oleh Syarikat ABC.

[4 *markah*]

(c) Memaparkan nama pembekal yang membekalkan barang yang berwarna Merah sahaja dan jumlah barang tersebut.

[4 *markah*]

4. (a) Rajah 13a menunjukkan segmen kod aturcara menambah rekod homestay baru ke pangkalan data bagi Sistem Tempahan Homestay.

.

```
<?php
//sambung ke pangkalan data
require('config.php');
//sambung ke fail header
require('header.php');
//terima rekod yang di post
if (isset($_POST['nama']))
{
    $nama=$_POST['nama'];
    $harga=$_POST['harga'];
    //tambah rekod ke dalam jadual
    $result = mysqli_query($samb, "INSERT INTO jenis (nama,harga)
    VALUES ('$nama', '$harga')");
    echo "<script>alert('penambahan rekod jenis telah berjaya');
    window.location='jenis.php'</script>";
    }
?>
 <html>
<center>
<body>
   <h3>TAMBAH JENIS HOMESTAY BARU</h3>
   <form name="form1" action="tambah_jenis.php" method="POST">
   <fieldset>
   <label>Jenis:</label><input type="text" name="nama" id="nama"/><br><br>
   <label>Harga:</label><input type="text" name="harga" id="harga"  />
   <br><br><input type="submit" name="update" id="submit"
   value="Tambah Jenis" />
   </fieldset>
   </form>
   <a href="jenis.php">Ke senarai jenis Homestay</a><br>
 </body></center>

</html>
```

[Lihat halaman sebelah]

Rajah 13a – tambahjenis.php

(i) Berdasarkan Rajah 13a, tuliskan nama jadual dan medan yang terlibat.

Nama jadual : …….

Medan : ……..

[2 *markah*]

(ii) Nyatakan **satu** amalan terbaik yang terdapat pada kod aturcara di atas. Berikan justifikasi.

…….....

…….....

…….....

…….....

[3 *markah*]

(b) Rajah 13b menunjukkan segmen kod atur cara untuk mengemaskini maklumat jenis homestay.

```
<?php
//sambung ke pangkalan data
require('config.php');
//sambung ke fail header
require('header.php');
//tunggu rekod yang dihantar
if(isset($_POST['update']))
{
   $idjenis = $_POST['idjenis'];
   $nama=$_POST['nama'];
   $harga=$_POST['harga'];
   //KEMASKINI DENGAN REKOD BARU
   $result = mysqli_query($samb,
   "UPDATE jenis SET nama='$nama', harga='$harga'
   WHERE idjenis=$idjenis");
```

A

```
echo "<script>alert('kemaskini rekod jenis telah berjaya');
window.location='jenis.php'</script>";
   }
?>
<?php
//AMBIL ID DARI URL
$idjenis = $_GET['idjenis'];
//PAPAR REKOD LAMA BERDASARKAN ID YANG DIPILIH
$result = mysqli_query($samb, "SELECT * FROM jenis WHERE idjenis=$idjenis"
);
while($res = mysqli_fetch_array($result))
{
    $nama = $res['nama'];
    $harga = $res['harga'];
}
?>
```

sambungan

```
<html>
<center>
<body>
    <h3>KEMASKINI JENIS</h3>
    <form name="form1" action="kemaskini_jenis.php" method="POST">

    <fieldset>
    <label>Jenis:</label><input type="text" name="nama"
    id="nama" value="<?php echo $nama;?>" /><br><br>
    <label>Harga:</label><input type="text" name="harga"
    id="harga" value="<?php echo $harga;?>" />
    <input type="hidden" name="idjenis"
    value=<?php echo $_GET['idjenis'];?>>
    <br><br>
    <input type="submit" name="update" id="submit"
    value="kemaskini"/>
    </fieldset>
  </form>
  <a href="jenis.php">Ke senarai jenis</a><br>
     </center>
</body>
</html>
```

B

Rajah 13b – kemaskinijenis.php

Berdasarkan Rajah 13b,

(i) Terangkan fungsi kod aturcara bagi A

……..

……..

……..

……..

……..

[5 *markah*]

(ii) Lakarkan antara muka bagi kod aturcara B.

[5 *markah*]

---------- KERTAS SOALAN TAMAT----------

**Bahagian A**

Jawab **semua** soalan.

*Masa yang dicadangkan*: 60 minit

1. Rajah 1 menunjukkan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem




Rajah 1

Nyatakan fasa X :

……. [ 1markah ]

2. Nyatakan teknik pemikiran komputasional dalam penyelesaian masalah.

I. ……[1 markah]

II. ……..[1 markah]

II. ……[1 markah]

3. Maklumat berikut adalah jenis-jenis data dalam atur cara.

| | |
|---|---|
| R | Hanya mengandungi dua nilai berbeza |
| S | Terdiri daripada nombor yang mempunyai bahagian pecahan |

Nyatakan nama jenis data :

R :…… [1 markah]

S : …… [1 markah]

4. Tulis pseudokod untuk aturcara yang boleh menerima dua nombor iaitu Nombor1 ialah 7 dan Nombor2 ialah 9 ; dan memaparkan jumlahnya sebagai output. [3 markah ]

```
1. MULA
    2. _____
    3. _____
    4. _____
5. TAMAT
```

5. Rajah 2 menunjukkan contoh struktur kawalan dalam pengaturcaraan.




Rajah 2

a. Jenis struktur kawalan dalam Rajah 2 adalah …….

[1 markah]

b. Namakan simbol yang bertanda X dan fungsinya.

Nama simbol X :…….. [1 markah]

Fungsi :…… [1 markah]

6. Rajah 3 menunjukkan carta alir sesuatu struktur kawalan.




Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3,

a) tuliskan syarat N jika ingin memaparkan Merdeka sebanyak 5 kali

…..…… [1 markah]

b) tuliskan T.

..…… [1 markah]

7. Rajah 4 menunjukkan pengisytiharan tatasusunan dalam pengaturcaraan.

```
String [ ] SenWarna = {"biru laut", "merah saga", "ungu", "kuning lembut", "putih" }
```

Rajah 4

(a) Berapakah saiz tatasusunan SenWarna?

……..[1 markah]

(b) Tulis kod java untuk mencetak elemen "putih".

……[2 markah]

8. Rajah 5 menunjukkan keratan atur cara.

```
int b=50, c=40;

if (b>50 && c<=40)
   System.out.println( " b – c" );
else
   System.out.println(" b + c ");
```

Rajah 5

a) Nyatakan output

…… [1 markah]

b) Operator yang digunakan.

…… [2 markah]

9. Rajah 6 adalah atur cara menggunakan bahasa pengaturcaraan Java.

```
/* Langkah 1: Baca nombor1 dan nombor2
// Langkah 2: Hitung hasil tambah nombor1 + nombor2
// Langkah 3: Papar hasil */
//Program Mengira Hasil Tambah Dua nombor1
public class Tambah_Dua_Nombor {
    public static void main (String[] args) {
    //Pengisytiharan input
    int nombor1 = 35;
    int nombor2 = 25;
    //Pengisytiharan output
    double hasil;

        //Proses menambah nombor1 + nombor2;
        hasil = nombor1 + nombor2;

            //Output yang akan dipaparkan
            System.out.println("Hasil tolak ialah " + hasil);
    }
}
```

Rajah 6

Nyatakan dua amalan terbaik pengaturcaraan yang digunakan dalam atur cara itu.

i) …… [1 markah]

ii) …… [1 markah]

10. Rajah 7 menunjukkan kod aturcara Java.




Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

(a) Nyatakan jenis ralat.

…… [1 markah]

(b) Perbaiki kod yang mengandungi ralat supaya atur cara boleh memaparkan output.

…… [1 markah]

11. Diberikan hubungan-hubungan yang berikut. Lukis gambar rajah terhubung ringkas yang bersesuaian setelah mengenal pasti nama entiti-entiti dan nama hubungan.

- Cikgu Azri mengajar Biologi
- Cikgu Chong mengajar Bahasa Inggeris
- Cikgu Muthu mengajar Matematik

[3 markah

12. Berdasarkan Rajah 8, Kenal pasti kekardinalan bagi set hubungan di bawah. Berikan justifikasi kepada jawapan anda.

Rajah 8

……

……[2 markah

]

13. Berikut adalah kaedah penulisan Bahasa Pertanyaan Berstruktur (SQL) untuk membina Jadual dalam pangkalan data.

```
CREATE TABLE INFO_KERETA
(ID INTEGER PRIMARY KEY,
BANDAR CHAR (20)
NEGERI CHAR (2)
NO_PLAT CHAR (8));
```

(i) Nyatakan nama jadual yang ingin dibina dan kunci primer bagi jadual tersebut.

…….. [2 markah]

(ii) Berikan **DUA** jenis data yang terdapat di dalam jadual yang akan dibina tersebut.

……[2 markah]

14. Jadual 1(a) menunjukkan maklumat murid dalam sistem pangkalan data. Jadual (b) menunjukkan reka bentuk *query* bagi maklumat murid-murid tersebut dalam sistem pengurusan pangkalan data.

| IDPeserta | NamaPeserta | Kelas | NamaAcara |
|---|---|---|---|
| 1010 | Komala | 5 Cergas | 100 m |
| 1100 | Nisrina | 3 Bestari | 200 m |
| 1001 | Jackson | 5 Cergas | 100 m |
| 1004 | Chia Hoon | 4 Dedikasi | 200 m |

Jadual 1(a)

| Field : | IDPeserta | NamaPeserta | Kelas | NamaAcara |
|---|---|---|---|---|
| Table : | PESERTA | PESERTA | PESERTA | ACARA |
| Sort : | | | | |
| Show : | √ | √ | √ | √ |
| Criteria : | | | "5 Cergas" | "100 m" |
| Or : | | | | |

Jadual 1(b)

Berdasarkan jadual (a) dan (b), hasilkan paparan mengikut reka bentuk *query* yang dinyatakan.

[3 markah]

15. Rajah 9 menunjukkan logo-logo media sosial.



Rajah 9

Nyatakan perbezaan undang-undang siber berkaitan kawalan terhadap media sosial bagi negara China dan Arab Saudi dengan Malaysia.

……

……

……[2 markah]

16. Rajah 10 menunjukkan komponen yang terdapat dalam seni bina Von Neuman




Rajah 10

i)Kenalpasti P :

…….. [ 1 Markah ]

ii)Terangkan aktiviti yang berlaku di dalam P

…….

……. [ 2 Markah ]

17. Rajah 11 menunjukkan satu kaedah penyulitan untuk menghantar mesej “MESEJ RAHSIA”




Rajah 11

i) Berdasarkan Rajah 11, nyatakan proses

X : ……

Y : …… [ 2 Markah ]

ii) Apakah mesej yang akan dihasilkan di Z sekiranya proses menggunakan kaedah ceasar cipher dengan anjakan n = 3

…… [ 1 Markah ]

18. Rajah 12 merupakan proses reka bentuk interaksi




Rajah 12

i) Namakan proses X

……..…… [ 1 Markah ]

ii) Nyatakan satu kaedah digunakan semasa proses X.

……..……..……[ 1 Markah ]

19. Rajah 13 menunjukkan kod aturcara yang digunakan dalam pembangunan laman sesawang

```
body {
  background-color: lightblue;
}

h1 {
  color: navy;
  margin-left: 20px;
}
```

Rajah 13

i) Namakan pengaturcaraan tersebut

…… [ 1 Markah ]

ii) Berikan SATU fungsinya dalam membangunkan laman sesawang

…… [ 1 Markah ]

20. Rajah 14 menunjukkan satu kod aturcara dalam pembangunan laman sesawang




Rajah 14

i) Nyatakan fungsi P

…….. [ 1 Markah ]

ii) Nyatakan fungsi Q

…….. [ 1 Markah ]

**Bahagian B**

[50 markah]

Jawab **semua** soalan.

*Masa yang dicadangkan*: **90 minit**

1. Jawab soalan – soalan yang berikut berdasarkan Rajah 15(a) dan Rajah 15(b) di bawah.

| Nama Medan | Jenis Data | Keterangan |
|---|---|---|
| IDBarang | Varchar(6) | Kunci Utama |
| NamaBarang | Varchar(40) | NOT NULL |
| Jenama | Varchar(30) | |
| HargaSeunit | Float(5,2) | |

**Jadual: Barang**

| IDBarang | NamaBarang | Jenama | HargaSeunit |
|---|---|---|---|
| 001 | *Headphone* | Logitech | 25.00 |
| 002 | Monitor | Samsung | 200.00 |
| 003 | *Router* | TP-Link | 170.00 |
| 004 | Kipas Dinding | Sharp | 150.00 |
| 005 | Pencetak | Samsung | 250.00 |

a) Tuliskan arahan SQL untuk:

i. Membina jadual Barang dengan atribut dalam Rajah 15(a).

[3 *markah*]

ii. Menambah medan baru iaitu kuantiti dalam jadual Barang.

[2 *markah*]

b) Berdasarkan arahan SQL dibawah, tuliskan output selepas arahan dimasukkan.

```
select NamaBarang, HargaSeunit
from Barang
order by NamaBarang ASC
```

[2 *markah*]

c) Tuliskan arahan SQL untuk memasukkan rekod barang baru "008, CD-Rom, Sony, 200.00".

[ 2 *markah*]

d) Tuliskan arahan SQL untuk memadamkan semua rekod jenama Samsung.

[1 markah]

2. Sebuah sistem lampu keselamatan dibina menggunakan litar logik dua input, iaitu A dan B. Sistem lampu keselamatan akan menyala, F, jika input bagi A mewakili ON dan input B mewakili ON, atau jika input A mewakili OFF dan input B mewakili OFF.

Berdasarkan situasi yang diberikan,

a) Tulis Ungkapan Boolean bagi litar logik tersebut.

……..[2 markah]

b) Lukis rajah litar get logik bagi mewakili ungkapan Boolean (a).

[5 markah]

c) Bina jadual kebenaran bagi dua pemboleh ubah input tersebut.

| **A** | **B** | | | |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 0 | | | |
| 0 | 1 | | | |
| 1 | 0 | | | |
| 1 | 1 | | | |

[3 markah]

3. Anda diminta untuk membina satu aplikasi sistem pengisian markah bagi satu pertandingan ***Kuiz Sains Komputer***. Aplikasi sistem tersebut dapat memasukkan markah dalam pertandingan dan dapat memaparkan markah serta kedudukan peserta.

   Sebelum aplikasi tersebut dibangunkan, anda perlu membuat lakaran antara muka yang bersesuaian yang mesra pengguna dan mempunyai Prinsip asas reka bentuk laman web.

   a) Lakaran antara muka **Borang Pengisian Markah** [6 markah]

   b) Lakaran antara muka **Laporan Kedudukan Peserta** [6 markah]

b) Berdasarkan lakaran yang dihasilkan,

i) Nyatakan salah satu prinsip asas reka bentuk laman web yang terlibat.

…….[1 markah]

ii) Huraikan prinsip asas reka bentuk laman web tersebut

……
……
……[2 markah]

4. Jadual 2 Menunjukkan jadual rekod pelanggan sebuah syarikat sewa kereta.

| NamaPeminjam | email | NoHp | T_Sewa | T_Hantar | NoKereta | Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hairul | hai@mail.com | 0124444444 | 2/2/21 | 3/2/21 | F107A | 150.00 |
| | | | 5/2/21 | 6/2/21 | | |
| | | | 1/3/21 | 2/3/21 | F108A | 150.00 |
| Zahir | zhir@mail.com | 0189999999 | 2/2/21 | 4/2/21 | F107B | 300.00 |
| | | | 1/3/21 | 2/3/21 | F108B | 150.00 |
| John | john@mail.com | 0191111111 | 2/3/21 | 5/3/21 | F107B | 300.00 |

Jadual 2

(a) Bina jadual penormalan

i) INF

[3 markah]

ii) 2NF

[6 markah]

(b) Berdasarkan jawapan di 4(a)(ii):

(i) Huraikan kebergantungan fungsi 2NF

.....

.....

.....

.....

..... [3 markah]

(ii) Tuliskan skema hubungan ternormal

……

……

……

……

…… [3 markah]

JOHOR 2022

**Bahagian A**

*[50 markah]*

*Jawab **semua** soalan.*

*Masa yang dicadangkan : **60 minit.***

**1** Rajah 1 menunjukkan empat proses awal penyelesaian masalah yang tidak mengikut urutan. Tulis **1**, **2**, **3** atau **4** mengikut urutan yang betul pada ruang yang disediakan.

| | |
|---|---|
| | Tentukan Masalah |
| | Jana Idea(hapus halangan) |
| | Kumpul dan Analisis Data |
| | Jana Penyelesaian |

Rajah 1

[4 markah]

**2** Penyataan 1 menunjukkan syarat kelayakan murid yang ingin mendaftar mata pelajaran Sains Komputer bagi SMK Teratai manakala Rajah 2 merupakan keratan algoritma yang menunjukkan proses penentuan kelayakan tersebut.

Syarat kelayakan mengambil mata pelajaran Sains Komputer:

- Gred A bagi mata pelajaran Matematik
- Gred A bagi mata pelajaran Sains

Dalam Ujian Akhir Tingkatan 3

Penyataan 1

[*Lihat halaman sebelah*

```
1.  MULA
2.  ……(a)……
3.  Jika (GredMA = = ‘A’ && GredSN = = ‘A’) Mula_Jika
4.  ……(b)……
5.  Tamat_Jika
4.  Jika_Tidak Mula_Jika_Tidak
5.  ……(c)……..
6.  Tamat_Jika_Tidak
7.  TAMAT
```

Rajah 2

Berdasarkan Penyataan 1, lengkapkan algoritma tersebut.

(a) ……

(b) ……

(c) ……

[3 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**3** Berikut adalah algoritma untuk mengira nombor.

```
1. Mula
2. Input x = 50
3. x = x * 4
4. x = x / 2
5. x = x + 0.4*x
6. Papar x
7. Tamat
```

Berdasarkan algoritma yang diberikan, nyatakan nilai x pada :

(a) Baris 4

……...

[1 markah]

(b) Baris 6

……...

[1 markah]

**4** Berdasarkan ciri-ciri pemboleh ubah yang dinyatakan dalam jadual di bawah, nyatakan pemboleh ubah bagi A dan B.

| **Pemboleh ubah A** | **Pemboleh ubah B** |
|---|---|
| ▪ Berfungsi dalam aturcara sahaja<br>▪ Boleh diakses di mana-mana fungsi<br>▪ Boleh digunakan hingga ke akhir program | ▪ Berfungsi di alam subatur cara yang diisytihar<br>▪ Tidak boleh diakses di luar fungsi<br>▪ Hanya boleh digunakan untuk fungsi yang di isi. |
| ……. | ……... |

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**5** Rajah 3 menunjukkan keratan atur cara.

```
public class contoh40 {

    public static void main (String [] args) {
        int n = 5 ;
            while ( n > 0 ) {
                System.out.println (n + " , " ) ;
                n = n-1;
        }
    }
}
```

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3,

(a) Nyatakan struktur kawalan ulangan yang digunakan.

……

[1 markah]

(b) Tuliskan output yang terhasil.

……...

[1 markah]

**6** Berdasarkan atur cara di bawah nyatakan jenis amalan baik pengaturcaraan yang digunakan.




```
<?php
//WAJIB FAIL INI
require 'sambung.php';
require 'keselamatan.php';

//DAPATKAN ID dari URL
    $soalan_terpilih= $_GET['idsoalan'];

//HAPUS REKOD SOALAN DAN PILIHAN
$hapusSoalan= mysqli_query($hubung, "DELETE soalan, pilihan FROM soalan
              INNNER JOIN pilihan ON soalan.idsoalan= pilihan.idsoala
              WHERE soalan.idsoalan= '$soalan_terpilih'");

//PAPAR MESEJ JIKA BERJAYA HAPUS
    echo "<script>alert('Hapus soalan berjaya');
    window.location= 'papar_topik.php'</script>";

?>
```

(a) ……...

(b) ……...

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**7** Rajah 4 merupakan fasa-fasa dalam Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (*System Development Life Cycle - SDLC*).




Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan :

(a) Fasa **P**.

……

[1 markah]

(b) Satu (1) tujuan Fasa **P** dilaksanakan.

……

……

[1 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**8** **Q** merupakan salah satu model dalam pangkalan data.




Berdasarkan maklumat, nyatakan **Q**.

…….

[1 markah]

**9** **A, B, C** dan **D** menunjukkan langkah-langkah untuk menyunting *switchboard* menggunakan *Switchboard Manager*. Susun mengikut langkah yang betul.

| | |
|---|---|
| Pilih *switchboard* yang ingin disunting | A |
| Tekan butang *new* untuk menambahkan item baharu | B |
| Tekan butang ikon *switchboard* | C |
| Tekan butang *edit* | D |

Susun semula mengikut urutan yang betul dengan menulis **A, B, C** dan **D** pada ruang yang disediakan

Jawapan **C** dan **B** diberi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| C | | | B |

[2 Markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**10** Lengkapkan rajah proses reka bentuk interaksi di bawah :




(a) P : ……..
[1 markah]

(b) Q : …….
[1 markah]

**11** Rajah 5 berikut adalah proses-proses yang digunakan dalam kaedah *Caesar Cipher*.




Rajah 5

Berdasarkan rajah 5 di atas,

(a) Tukarkan teks biasa KOMPUTER kepada teks sifer, diberi nilai anjakan n=3.

……
[1 markah]

(b) Nyatakan proses,

(i) X : ……...

(ii) Y : ……...

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**12** Berikut adalah antara perbezaan antara pemprosesan Y dan pemprosesan Z dalam pelaksanaan arahan komputer




Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan:

Pemproses Y : ……

Pemproses Z : ……..……...…

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**13** Rajah 6 menunjukkan beberapa gabungan get logik.




Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6, tuliskan ungkapan boolean.

.....

[1 markah]

**14** Rajah 7 menunjukkan jadual rekod penyertaan kejohanan olahraga bagi SMK Lubuk Jaya.

**SMK LUBUK JAYA**

REKOD PENYERTAAN KEJOHANAN OLAHRAGA

| NoPeserta | NamaPeserta | Umur | RumahSukan | Kategori | Keterangan_Kategori | KodAcara | Acara | Tarikh |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B018 | Sakinah Binti Mokhtar | 17 | Biru | P18 | Perempuan 16/17/18 | AI100 | 100m | 5/10/2022 |
| B018 | Sakinah Binti Mokhtar | 17 | Biru | P18 | Perempuan 16/17/18 | AK100 | 4X100m | 5/10/2022 |
| H200 | Alvin Tan | 15 | Hijau | L15 | Lelaki 14/15 | AI100 | 100m | 5/10/2022 |
| K106 | Hakim Bin Tarmizi | 14 | Kuning | L15 | Lelaki 14/15 | AK100 | 4X100m | 5/10/2022 |
| B050 | Tarani A/P Ramesh | 16 | Biru | P18 | Perempuan 16/17/18 | AI100 | 100m | 5/10/2022 |
| B050 | Tarani A/P Ramesh | 16 | Biru | P18 | Perempuan 16/17/18 | AI200 | 200m | 4/10/2022 |
| M032 | Faris Bin Syukri | 16 | Merah | L18 | Lelaki 16/17/18 | AK400 | 4X400m | 5/10/2022 |
| M601 | Yvonne Meria | 18 | Merah | P18 | Perempuan 16/17/18 | AK100 | 4X100m | 5/10/2022 |
| K091 | Mia Zahirah Zulkifli | 14 | Kuning | P15 | Perempuan 14/15 | AI500 | Lompat Tinggi | 3/10/2022 |
| K091 | Mia Zahirah Zulkifli | 14 | Kuning | P15 | Perempuan 14/15 | AI600 | Lompat Jauh | 4/10/2022 |

Rajah 7

[*Lihat halaman sebelah*

Berdasarkan Rajah 7, hasilkan skema hubungan penormalan 1NF.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**15** Rajah 8(a) menunjukkan maklumat yang direkodkan di dalam jadual LAPTOP di dalam sebuah pangkalan data. Manakala Rajah 8(b) merupakan paparan yang terhasil apabila satu penyataan SQL dilaksanakan.

LAPTOP

| KodLaptop | JenisLaptop | Jenama | Harga |
|---|---|---|---|
| LP2000/09 | HUAWEI MateBook 16s | HUAWEI | 6399.00 |
| LP2020/23 | Lenovo IdeaPad Flex | LENOVO | 3199.00 |
| LP2021/30 | Acer Swift Edge 16 | ACER | 5299.00 |
| LP2022/04 | ASUS Vivobook 16X | ASUS | 2759.00 |
| LP2022/08 | MSI GF63 Thin | MSI | 3449.00 |
| LP2022/10 | HP ENVY x360 2-in-1 | HP | 5079.00 |
| LP2022/11 | ASUS TUF Gaming F15 | ASUS | 5399.00 |

Rajah 8(a)

| Jenama | JenisLaptop |
|---|---|
| ACER | Acer Swift Edge 16 |
| ASUS | ASUS TUF Gaming F15 |
| ASUS | ASUS Vivobook 16X |
| HP | HP ENVY x360 2-in-1 |
| HUAWEI | HUAWEI MateBook 16s |
| LENOVO | Lenovo IdeaPad Flex |
| MSI | MSI GF63 Thin |

Rajah 8(b)

Tuliskan penyataan SQL untuk menghasilkan paparan seperti dalam Rajah 8(b).

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**16** Rajah 9(a) menunjukkan sebuah kod aturcara HTML dan Rajah 9(b) merupakan carta alir bagi mencari nilai minimum berat sebuah beg.

```
<html>
<body>
 <script>
   var berat = [3,3,2,5,4,5],
   beratPalingRingan = 999,
   i, bilBerat = berat.length;

   for(i = 0; i < bilBerat; i++)
   {
    if (berat[i]< beratPalingRingan)
     {
      beratPalingRingan = berat[i];
     }
   }
   document.write("Beg paling
   ringan :"+ beratPalingRingan + "
   kg");

 </script>
</body>
</html>
```

Rajah 9(a)




Rajah 9(b)

Berdasarkan Rajah 9(a), tentukan M dan N pada Rajah 9(b).

M : ……

N : ……

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**17** Jadual 1 berikut menunjukkan 2(dua) keratan subatur cara.

| Subatur cara P | Subatur cara Q |
|---|---|
| function toCelcius (fahrenheit)<br>{<br>var celcius;<br>celcius = (5/9)* fahrenheit – 32;<br>document.write<br>(“Suhu adalah” + celcius +”<br>darjah Celcius);<br>} | function toCelcius (fahrenheit)<br>{<br>var celcius;<br>celcius = (5/9)* fahrenheit – 32);<br>return celcius;<br>} |

Jadual 1

(a) Nyatakan subatur cara fungsi.

……

[1 Markah]

(b) Apakah perbezaan antara fungsi dan prosedur?

……...

……...

……...

……...

[1 Markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**18** Rajah 10(a) adalah jadual dalam sebuah pangkalan data manakala Rajah 10(b) ialah data pelajar.

Rajah 10(a)

| | |
|---|---|
| Id_Pelajar | : 1011 |
| Nama_Pelajar | : Alfalah |
| Jantina | : L |
| Darjah | : 3 Cekal |

Rajah 10(b)

Berdasarkan Rajah 10(a), tuliskan arahan SQL untuk memasukkan data-data Rajah 10(b).

……
……
……
……
……
……
…….

[4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**19** Rajah 11 berikut menunjukkan suatu fail 'ProsesDaftar.php'.

ProsesDaftar.php

```
1  <?php
2  $con = mysqli_connect("localhost","root","");
3  if (!$con)
4  {
5    die('Sambungan kepada Pangkalan Data Gagal'.mysqli_connect_error());
6  }
7  mysqli_select_db($con,"dbPelajar");
8  $namapengguna = $_POST['namapengguna'];
9  $katalaluan = $_POST['katalaluan'];
10 $jenis = $_POST['Ahli'];
11 $sql = "  a)  INTO PENGGUNA (NAMAPENGGUNA, KATALALUAN, JENISPENGGUNA)
12 VALUES ('$namapengguna',  b)  , '$Ahli')";
13 print $sql;
14 $result = mysqli_query($con,$sql);
15 header('location:Admin.php');
16 mysqli_close($con);
17 ?>
```

Rajah 11

Berdasarkan Rajah 11,

(i) Lengkapkan kod arahan pada:

(a) ……

(b) ……

[2 Markah]

(ii) Apakah yang berlaku sekiranya:

(a) Sambungan berjaya?

……

……

……

[1 Markah]

[*Lihat halaman sebelah*

(b) Sambungan gagal?

……

……

……

[1 Markah]

**20** Rajah 12 di bawah menunjukkan jenis Bahasa Penskripan.




Rajah 12

Nyatakan :

**X** : ……

**Y** : ……

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

## Bahagian B

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan :* ***90 minit.***

**1** Rajah 13 merupakan slip keputusan peperiksaan bagi Kolej Cenderasari Bestari.

| KOLEJ CENDERASARI BESTARI<br>KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER 1<br>2022 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Nama Pelajar | Nora binti Sahlan | | | |
| No KP Pelajar | 050112-01-7044 | | | |
| Jurusan | SK01 | Sains Komputer | | |
| KEPUTUSAN | | | | |
| SUBJEK | **Kod** Subjek | Jam Kredit | Markah | Gred |
| Java | JV002 | 3 | 88 | A |
| Asas Perakaunan | AK004 | 3 | 74 | B |
| PHP | HP540 | 4 | 90 | A+ |
| Database | DB002 | 4 | 80 | A |
| **ETR** | | | **1.92** | |

Rajah 13

Berdasarkan Rajah 13,

[*Lihat halaman sebelah*

(a) Tuliskan skema hubungan ternormal 3NF.

……
……
……
……
……
……
……
……
……
……
……
……

[7 markah]

(b) Berdasarkan jawapan pada 1(a), berikan perbezaan antara skema hubungan ternormal 2NF dan 3NF.

……
……
……
……
……
……
……
……
……
……

[3 markah]

**2** Rajah 14(a) menunjukkan halaman utama reka bentuk antara muka bagi satu laman web membeli belah.

Rajah 14(b) menunjukkan jadual hasil penilaian ke atas reka bentuk produk terhadap 25 responden.




Rajah 14(a)

| NO | CIRI REKA BENTUK | JUMLAH | | PERATUS % | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | YA | TIDAK | YA | TIDAK |
| 1 | Reka bentuk skrin mudah dan ringkas | 25 | 0 | 100 | 0 |
| 2 | Pemilihan warna dan ikon adalah bersesuaian | 25 | 0 | 100 | 0 |
| 3 | Sistem navigasi yang disediakan mudah dikenalpasti dan mesra pengguna | 15 | 10 | 60 | 40 |
| 4 | Saiz paparan adalah sesuai | 20 | 5 | 80 | 20 |
| 5 | Tidak mengandungi kesalahan ejaan | 25 | 0 | 100 | 0 |
| 6 | Tidak menyebabkan pengguna sesat dalam penerokaan | 25 | 0 | 100 | 0 |
| 7 | Laras Bahasa yang digunakan mudah difahami | 25 | 0 | 100 | 0 |
| 8 | Tiada gangguan teknikal semasa pengguna menggunakan program ini | 25 | 0 | 100 | 0 |
| PURATA | | 23 | 2 | 92.5 | 7.5 |

Rajah 14(b)

[*Lihat halaman sebelah*

(a) (i) Nyatakan 2 prinsip asas reka bentuk laman web yang tidak memuaskan hati pengguna sewaktu proses penilaian dibuat dan berikan justifikasi.

……
……
……
……
……
……
……
……
……
……
……
…….

[4 markah]

(ii) Berdasarkan jawapan di 2(a)(i), cadangkan dua penambahbaikan pada laman web tersebut.

……
……
……
……
……
……
……
……
……
……

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

(b) Terangkan proses mereka bentuk kerangka aplikasi yang digunakan pada rajah 14(a).

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

[4 markah]

**3** Rajah 15 merupakan satu penyataan logik.

| |
|---|
| Sistem Pagar Automatik Kilang Biskut Munchys menggunakan litar logik dua input iaitu A dan B. Pagar akan tertutup, F, jika input bagi A mewakili ON atau input B mewakili ON dan jika input A mewakili OFF atau input B mewakili OFF. |

Rajah 15

Berdasarkan penyataan di atas,

(a) Nyatakan 2 get asas yang terlibat.

……

……

……

……

[2 markah]

(b) Tuliskan ungkapan Boolean.

……

……

……

……

[3 markah]

(c) Lukis litar get logik.

[5 markah]

(d) Bina jadual kebenaran.

[5 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

**4** Rajah 16 ialah butiran tiket feri untuk perjalanan ke Batam, Indonesia. Perjalanan mengambil masa selama 1 jam 30 minit.

Rajah 16

Berdasarkan Rajah 16, lakarkan Gambar Rajah Perhubungan Entiti (ERD).

[*Lihat halaman sebelah*

[15 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

PERAK 2022

**Bahagian A**
[50 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*
*Masa yang dicadangkan* : 60 minit

1. Lengkapkan Jadual 1 dengan menyatakan fungsi pada simbol piawai yang diberikan.

| Simbol Piawai | Fungsi |
|---|---|
| i) | |
| ii)  | |

Jadual 1

[2 *markah*]

2. Rajah 1 menunjukkan sebahagian invois yang harus dibayar oleh Encik Faris.

No. Invois: 40371
Tarikh: 28 Julai 2022

| **Kuantiti** | **Barang** | **Harga seunit** | **Harga** |
|---|---|---|---|
| 2 | Set Sofa | RM3200.50 | RM6401.00 |
| | | | |
| | | **Diskaun 10%** | RM640.10 |
| | | **Jumlah Bayaran** | RM5760.90 |

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1:

i) Nyatakan pemalar yang terdapat dalam invois.

.....

[1 *markah*]

ii) Nyatakan **dua** simbol operator aritmetik yang terdapat dalam pengiraan formula bagi **Jumlah Bayaran**.

.....

[2 *markah*]

3. Rajah 2 menunjukkan carta alir bagi struktur kawalan ulangan.




Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, padankan R, S dan T dalam Jadual 1.

| | |
|---|---|
| | Kawalan Ulangan Do-While |
| | Kawalan Ulangan While |
| | Kawalan Ulangan For |

Jadual 1

[3 *markah*]

4. Berikut adalah rajah blok memori untuk tatasusunan.

| | [0] | [1] | [2] | [3] |
|---|---|---|---|---|
| namaKelas | Ikhlas | Sabar | Dedikasi | Jujur |

Tuliskan pengisytiharan tatasusunan yang lengkap menggunakan bahasa pengaturcaraan yang anda pelajari.

……..

……..

[3 *markah*]

5. Rajah 3 merupakan subatur cara dalam satu aplikasi.

```
public static void luasBilik() {
        System.out.println("Kira luas Bilik Tidur");
}
```

A

```
public static double luasBilik(double panjang, double lebar){
        double luas = panjang * lebar;
        return luas;
}
```

B

Rajah 3

Berdasarkan rajah 3, nyatakan **dua** ciri subatur cara A dan B.

……....

……..……..

……..…..

……..……..

[4 *markah*]

6. Jadual 2 menunjukkan fasa P dan Q beserta dengan fungsinya.

| Fasa | Fungsi |
|---|---|
| **P** | Penulisan penuh bagi setiap fasa projek bertujuan dijadikan sebagai rujukan untuk masa akan datang. |
| **Q** | Membantu pasukan projek membuat dokumentasi dengan mengesan kesilapan oleh pengguna. |

Jadual 2

Nyatakan P dan Q.

P: ……..

Q: ……..

[2 *markah*]

7. Berikut adalah penyataan bagi satu komponen dalam pangkalan data.

> **X** merujuk kepada suatu objek unik dan boleh dikenal pasti dalam sesuatu persekitaran seperti orang, tempat atau benda. **X** mempunyai data deskriptif yang boleh dikutip dan disimpan.

Nyatakan **X**.

……..

[1 *markah*]

8. Berikut adalah situasi tentang prinsip reka bentuk interaksi .

| | |
|---|---|
| P | • Aplikasi ini membuat carian apabila saya memasukkan nama pada ruang ***search***.<br>• Saya tidak boleh melihat gambar rakan yang belum menerima permohonan saya untuk menjadi rakannya. |

i) Nyatakan P ?

……..

ii) Nyatakan satu prinsip reka bentuk interaksi selain dari jawapan (i).

……..……

[2 *Markah*]

9. Rajah 4 menunjukkan satu keratan akhbar.

Kes tipu siber naik 58.6% enam bulan tahun ini berbanding tahun lalu

# Penipu ambil peluang musim PKP

**Oleh MASZUREEN HADZMAN dan NURAINA HANIS ABDUL HALIM**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Trend jenayah penipuan melibatkan medium laman sesawang, media sosial dan panggilan telefon semakin membimbangkan, lebih-lebih ketika negara masih bergelut dengan pandemik Covid-19 sehingga ramai yang terkesan.

Dalam situasi tersebut, ada pula yang menangguk di air keruh dengan pelbagai 'tawaran' sehingga mangsa yang tersepit mudah terpedaya.

Perkara itu terbukti apabila Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 67,552 kes penipuan siber dalam tempoh lima tahun sejak 2017 sehingga 20 Jun lalu dengan kerugian RM2.23 bilion.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, aduan paling tinggi direkodkan membabitkan penipuan belian dalam talian sebanyak 23,011 kes dalam tempoh lima tahun ini.

Ia diikuti pinjaman tidak wujud (21,008 kes), Macau Scam (9,161 kes), African Scam (7,873 kes), penipuan pelaburan (6,273 kes) dan Business Email Compromised (BEC) sebanyak 226 kes.

Menurut beliau, pada 2017, sebanyak 14,212 kes penipuan siber dicatatkan manakala pada 2018 (12,629 kes), 2019 (13,574 kes ) dan sebanyak 17,105 kes untuk tahun lalu.

"Berdasarkan statistik berlaku peningkatan 26 peratus bagi tahun 2019 dan tahun lalu.

"Jenayah penipuan ini terus bermaharajalela apabila enam bulan ini, jumlah direkodkan sebanyak 10,032 kes sejak awal Januari hingga 20 Jun lalu iaitu mencecah 58.6 peratus berbanding jumlah keseluruhan pada tahun lalu," katanya dalam temu bual bersama *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Kamarudin memberitahu, sebanyak 29,583 tangkapan dilakukan dalam tempoh berkenaan.

Jelasnya, jumlah itu melibatkan kira-kira 9,759 tangkapan kes penipuan pelaburan tidak wujud diikuti pembelian dalam talian (7,313 tangkapan) dan African Scam (5,285 tangkapan).

"Selain itu, seramai 3,024 individu ditahan kerana terlibat pelaburan manakala 85 orang untuk kesalahan BEC.

"Daripada jumlah tangkapan, kira- kira 16,698 kes dituduh di mahkamah sepanjang tempoh enam tahun sehingga 20 Jun lalu," ujar beliau.

Kata beliau, peningkatan kes jenayah siber berkait rapat dengan situasi semasa iaitu semakin ramai pengguna menjadikan platform internet untuk melakukan tugasan harian, belibelah dan melakukan transaksi perbankan.

Menurutnya, ini termasuk penggunaan e-mel *phishing* bagi memperdaya pengguna kerana sindiket peka dengan perkembangan terkini ketika orang ramai mahu mendapatkan maklumat berkenaan virus Covid-19.

"Pelbagai helah atau modus operandi digunakan sindiket-sindiket ini untuk memperdaya mangsa termasuk kaedah *layering*; yang mana sindiket menggunakan akaun keldai (*mule account*) bagi melancarkan penipuan.

"Sindiket semakin licik apabila memindahkan wang dari akaun keldai pertama ke akaun lain, seterusnya dipecahkan kepada beberapa lagi akaun. Ia bagi mengelak atau melambatkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa dan institusi perbankan untuk mengenal pasti aliran wang mencurigakan," jelasnya.

**JUMLAH KES SIBER DAN KERUGIAN**
2017 hingga Jun 2021

| | | | |
|---|---|---|---|
| AFRICAN SCAM | 7,873 KES RM370.8 juta | BELIAN DALAM TALIAN | 23,011 KES RM114.5 juta |
| PELABURAN | 6,273 KES RM946 juta | PINJAMAN TIDAK WUJUD | 21,008 KES RM208 juta |
| BUSSINES EMAIL COMPROMISED (BEC) | 226 KES RM91 juta | MACAU SCAM | 9,161 KES RM500 juta |

**JUMLAH KES 67,552 RM2.23 bilion**

MOHD. KAMARUDIN MD. DIN

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

i) Nyatakan contoh jenayah siber yang berlaku.

……..…

[1 *markah*]

ii) Nyatakan Akta undang-undang jenayah siber yang manakah akan digunakan untuk menghukum pesalah.

……..……

[*1 markah*]

iii) Nyatakan satu jenis langkah keselamatan data dan kelebihan.

……

……

……

……

[2 *markah*]

10. Rajah 5 menunjukkan Seni bina Von Neuman dan sistem bas




Rajah 5

Terangkan perkaitan antara **DAFTAR** dengan **INGATAN UTAMA**.

……

……

……

……

[2 *markah*]

11. Rajah 6 menunjukkan pernyataan proses penterjemahan bagi suatu bahasa pengaturcaraan Java.

| | |
|---|---|
| A | Atur cara Java ini mentafsir *bytecode* baris demi baris. |
| B | *Bytecode* ditafsirkan oleh atur cara lain yang dinamakan Java |
| C | Pengkompil *javac* menukarkan atur cara ke bentuk yang dipanggil *bytecode*. |
| D | Kemudian menukarkan kepada bentuk kod mesin untuk dilaksanakan oleh pemproses. |

Rajah 6

Susun turutan langkah dengan betul proses penterjemahan tersebut.

| Langkah 1 | Langkah 2 | Langkah 3 | Langkah 4 |
|---|---|---|---|
| | | | |

[2 *markah*]

12. Rajah 7 menunjukkan set arahan untuk menyelesaikan suatu persamaan menggunakan Bahasa Himpunan (*assembly language*).

```
MOVE Y, M   [ Y ← M;  digerakkan nilai ke dalam daftar Y]
MUL Y, X    [ Y ← Y*X;  nilai M * nilai X hasil simpan di Y]
ADD Y, C    [ Y ← Y+C;  hasil darab M * nilai X + nilai C]
STORE Y     [ Simpan hasil akhir Y ke dalam ingatan]
```

Rajah 7

Apakah persamaan yang dihasilkan?

……..

[2 *markah*]

13. Berikut adalah satu persamaan *Boolean.*

$$\mathbf{X = A\overline{B} + (\overline{A + C})}$$

Berdasarkan persamaan, lakarkan litar logik.

[4 *markah*]

14. Berikut adalah maksud bagi salah satu daripada tiga bahasa arahan SQL

| |
|---|
| Pernyataan SQL yang digunakan untuk memanipulasi data dalam jadual. |

Nyatakan jenis bahasa arahan SQL itu.

……..

[1 *markah*]

15. Jadual 3 menunjukkan jadual BARANG.

| NoBarang | NamaBarang | Kuantiti | HargaSeunit | IDMurid |
|---|---|---|---|---|
| A01 | BOLA SEPAK | 10 | 30.50 | M10001 |
| A02 | BOLA JARING | 5 | 15.30 | M10001 |
| A03 | BOLA HOKI | 12 | 20.00 | M10002 |
| A04 | RAKET | 40 | 10.30 | M10001 |
| A05 | BATON | 30 | 10.30 | M10003 |
| A06 | BULU TANGKIS | 10 | 10.00 | M10001 |
| A07 | GELUNG ROTAN | 5 | 15.30 | M10002 |

Jadual 3

Tuliskan arahan **SQL** bagi memaparkan **semua** rekod **NoBarang** dan **NamaBarang** dalam jadual **BARANG** di mana kuantitinya lebih daripada 10.

……

……

……

[2 *markah*]

16. Berikut adalah penyataan bagi suatu terma dalam konsep pengaturcaraan.

> Ruang ingatan yang digunakan untuk menyimpan nilai sementara sewaktu atur cara diproses. Nilainya boleh berubah-ubah mengikut penggunaan atau arahan.

Nyatakan terma tersebut.

……..

[1 *markah*]

17. Jadual 4 menunjukkan contoh data dalam konsep pengaturcaraan berasaskan web.

| **A** | **B** | **C** | **D** |
|---|---|---|---|
| Aminah | 5305 | 0.7894 | true |
| kiki@lala | 250000 | 548.0 | false |
| L4578 | 23 | 459.785 | |

Jadual 4

Nyatakan jenis data A, B, C dan D.

A : ……

B : ……

C : ……

D : ……

[4 *markah*]

18. Rajah 8 menunjukkan kod segmen sebuah atur cara sebelah pelayan




Rajah 8

Berdasarkan rajah 8, terangkan kod atur cara X.

……

……

……

[2 *markah*]

19. Rajah 9 menunjukkan atur cara sebelah pelayan untuk membuat pertanyaan ke atas pangkalan data bagi tujuan mencapai data.

```
$con = mysqli_connect("localhost","root","");
if (!$con)
{
  die('Sambungan kepada Pangkalan Data Gagal'.mysqli_connect_error());
}
mysqli_select_db($con,"dbPelajar");

$hasil = mysqli_query($con,"SELECT * from MURID");

mysqli_close();
```

Rajah 9

Berdasarkan Rajah 9, lengkapkan jadual 5 dengan menulis **1, 2, 3** atau **4.**

| **Tindakan** | **Langkah** |
|---|---|
| Memilih nama pangkalan data | |
| Menutup sambungan ke pangkalan data | |
| Membuat sambungan ke pangkalan data | |
| Membuat pertanyaan terhadap pangkalan data | |

Jadual 5

[4 *markah*]

20. Rajah 10 menunjukkan elemen yang digunakan dalam CSS.

```
table
{
  background-color: green;
  color: white;
}
```

Rajah 10

Berdasarkan rajah 10, nyatakan fungsi yang dilaksanakan.

……

……

……

……

……

[2 *markah*]

**Bahagian B**

[50 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan* : 90 minit

1. a) Rajah 11 memaparkan output bagi lima nombor kuasa tiga yang pertama ($3^0$, $3^1$, $3^2$, $3^3$, $3^4$). Jadual 6 ialah jadual semakan bagi memaparkan output ini.

5 nombor kuasa 3 yang pertama ialah:
1,3,9,27,81,

Rajah 11

| **i** | **i < 5** | **$3^i$** | **Output** | **i = i + 1** |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 0 < 5 | $3^0$ | 1 | i = 0 + 1 |
| 1 | 1 < 5 | $3^1$ | 3 | i = 1 + 1 |
| 2 | 2 < 5 | $3^2$ | 9 | i = 2 + 1 |
| 3 | 3 < 5 | $3^3$ | 27 | i = 3 + 1 |
| 4 | 4 < 5 | $3^4$ | 81 | i = 4 + 1 |
| 5 | 5 < 5 | - | - | - |

Jadual 6

Berdasarkan Rajah 11 dan Jadual 6

i) lakarkan carta alir bagi memaparkan output itu.

**JAWAPAN:**

[8 *markah*]

b) Berikut adalah situasi yang dihadapi oleh seorang pengaturcara.

> Suraya merupakan seorang pengaturcara yang baru bekerja di Syarikat Global Code Sdn. Bhd. Beliau dikehendaki untuk mengambil alih sebuah projek membangunkan sistem jual beli secara atas talian. Suraya menghadapi kesukaran kerana beliau
>
> i) tidak jelas dengan fungsi kod yang terdapat di dalam kod atur cara projek.
> ii) sukar membaca dan memahami kod atur cara projek.

Kenal pasti dua amalan terbaik pengaturcaraan yang tidak dipenuhi.

i)……..……...

ii)……..…

[2 *markah*]

2. Rajah 12 menunjukkan satu kod atur cara *Javascript*.

```
1  <html>
2   <body>
3   <script>
4       var SenaraiPertama = [2,4,12,77];
5       var SenaraiKedua = [333,222,111];
6       var SenaraiKetiga = [5.1,5.2,5.6,5.0];
7       var jum1, jum2,jum3;
8       jum1 = JumlahNo(SenaraiPertama);
9       jum2 = JumlahNo(SenaraiKedua);
10      jum3 = JumlahNo(SenaraiKetiga);
11      document.write(jum1 + "<br>");
12      document.write(jum2 + "<br>");
13      document.write(jum3 + "<br>");
14
15      function JumlahNo(nombor)
16      {
17         var i, bilNo, jumlah= 0;
18         bilNo = nombor.length;
19         for (i=0; i<bilNo; i++)
20         {
21            jumlah = jumlah + nombor[i];
22         }
23      return jumlah;
24      }
25  </script>
26  </body>
27 </html>
28
```

Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12,

i) Kenal pasti dua pemboleh ubah beserta dengan jenis datanya.

……

……

[2 *markah*]

ii) Terangkan kod atur cara pada baris 7 hingga 10.

……

……

……

……

……

……

[3 *markah*]

iii) Terangkan pelaksanaan yang berlaku dalam baris 15 hingga 24.

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

[5 *markah*]

3. Rajah 13 menunjukkan tiga cadangan arahan SQL untuk membangunkan pangkalan data bagi Sistem Pertandingan.

**CADANGAN A**

```
CREATE TABLE peserta(
IDPeserta varchar (5) NOT NULL,
NamaPeserta varchar (20) NOT NULL,
Jantina varchar (1),
TarikhLahir Date
);

CREATE TABLE penilaian(
IDPeserta VARCHAR (5) NOT NULL,
TarikhPertandingan VARCHAR (20) NOT NULL,
Masa TIME NOT NULL,
MarkahPeroleh INTEGER NOT NULL,
Kedudukan INTEGER,
IDPengurus VARCHAR(5),
NamaPengurus VARCHAR(20)
);
```

**CADANGAN B**

```
CREATE TABLE peserta(
IDPeserta varchar (5) PRIMARY KEY,
NamaPeserta varchar (20) NOT NULL,
Jantina varchar (1),
TarikhLahir Date,
IDPengurus varchar(5),
FOREIGN KEY (IDPengurus) REFERENCES pengurus(IDPengurus)
);


CREATE TABLE penilaian(
IDPenilaian VARCHAR (5) PRIMARY KEY,
IDPeserta varchar(5),
FOREIGN KEY (IDPeserta) REFERENCES peserta(IDPeserta),
TarikhPertandingan DATE,
Masa TIME NOT NULL,
Kedudukan INTEGER,
MarkahPeroleh INTEGER NOT NULL
);


CREATE TABLE pengurus(
IDPengurus varchar (5) PRIMARY KEY,
NamaPengurus varchar (20) NOT NULL
);
```

**CADANGAN C**

```
CREATE TABLE peserta(
IDPeserta varchar (5) PRIMARY KEY,
NamaPeserta varchar (20) NOT NULL,
Jantina varchar (1),
TarikhLahir Date,
MarkahPeroleh INTEGER NOT NULL,
Kedudukan INTEGER
);

CREATE TABLE penilaian(
IDPenilaian varchar (5) PRIMARY KEY,
TarikhPertandingan VARCHAR (20) NOT NULL,
);

CREATE TABLE pengurus(
IDPengurus varchar (5) PRIMARY KEY,
NamaPeserta varchar (20) NOT NULL
);
```

Rajah 13

(a) Berdasarkan Rajah 13, pilih cadangan arahan SQL yang terbaik dan berikan justifikasi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

…….

…….

…….

…….

[7 *markah*]

(b) Berdasarkan jawapan di (a), tuliskan skema hubungan.

…….

…….

…….

…….

…….

…….

…….

…….

…….

…….

…….

[8 *markah*]

4 Rajah 14 menunjukkan resit pembelian buku.

PUSTAKA ILMU SDN BHD
JALAN SATU , 012304 KUALA LUMPUR
#007694 16/9/2022 14:31
01 AZIE (JURUWANG)

1X 45.00 *45.00
Harry Potter
2X 20.00 *40.00
Komik Ben Wong

***TOTAL *85.00
CASH *100.00
CHANGE *15.00

pustaka_ilmu@gmail.com
Tel no: 012-4324963
THANK YOU FOR YOUR PURCHASE

Rajah 14

Berdasarkan Rajah 14,

( a) Cadangkan tiga entiti yang terlibat.

…….

…….

…….

[3 *markah*]

( b) Lakarkan Rajah Hubungan Entiti (ERD) yang menghubungkan semua entiti di(a).

[10 *markah*]

c) Berdasarkan jawapan di (b), terangkan hubungan entiti yang terlibat.

…….

…….

…….

[2 *markah*]

**~~~~~KERTAS SOALAN TAMAT~~~~~**

PERLIS 2022

**Bahagian A**

[50 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

*Masa yang dicadangkan* : **60 minit**.

1. Lakarkan simbol carta alir yang bersesuaian dengan situasi berikut:

| | Situasi | Simbol |
|---|---|---|
| (a) | "Sekiranya baju itu masih elok, kamu lipat dan simpan, jika sudah lusuh kamu asingkan," kata mama kepada Maria. | |
| (b) | Panjang dan lebar bagi sebuah stor ialah 20 meter dan 15 meter. Rumus bagi mengira perimeter ialah Perimeter = (Panjang + lebar + Panjang + lebar) | |

[2 markah]

2. Jadual menunjukkan perbezaan antara pemboleh ubah sejagat dan setempat.

Lengkapkan.

| | Ciri-ciri | Pemboleh ubah sejagat | Pemboleh ubah setempat |
|---|---|---|---|
| (a) | Pengisytiharan | | |
| (b) | Akses | | |

[2 markah]

3. Rajah 1 menunjukkan segmen kod atur cara mengira BMI yang tidak lengkap.

```
public class BodyMassIndex {
    public static void main (String[ ] args){

            P :  ……

            Q :  ……

            double BMI = berat/(tinggi*tinggi);

            System.out.println("BMI saya ialah: "+BMI);
    }
}
```

Rajah 1

Berpandukan maklumat di bawah,

**BORANG MAKLUMAT**

**Nama: Iman Sajidah binti Ibrahim**

**Berat: 56.4 kg**

**Tinggi: 168 cm**

**Body Mass Index: 19.8**

**Output yang terhasil:**

```
> run BodyMassIndex
BMI saya ialah:19.982993197278915
>
```

(a) Lengkapkan segmen kod atur cara tersebut:

**P** : ……

**Q** : ……

[2 markah]

(b) Nyatakan jenis data yang sesuai bagi pembolehubah nama.

.....

[1 markah]

4. Berikut adalah kod aturcara dan outputnya.
Lengkapkan kod itu dengan menulis simbol operator yang betul pada ruang yang disediakan.

| Kod aturcara | Output |
|---|---|
| public class UlanganFor {<br>public static void main(String[ ] args) {<br><br>for(int i = 0; i …….. 3; i …… ){<br>System.out.println(i);<br>}<br>}<br>} | 0<br>1<br>2<br>3 |

[2 markah]

5. Berikut merupakan atur cara Java untuk menghitung luas trapezium.

```
/* Program ringkas untuk mengira Luas Trapezium */
public class LuasTrapezium {

    public static void main (String[] args){

        /**Pengisytiharan pemboleh ubah input dan output*/
        int a = 6;
        int b = 10;
        int Tinggi = 8;
        double Luas;

        //Proses yang terlibat dalam penghitungan trapezium
        Luas = (1.0 / 2) * (a + b) * Tinggi;

        //Paparan output
        System.out.println ("Luas Trapezium ialah : " + Luas);
    }
}
```

R — S

(a) Kenalpasti amalan terbaik pengaturcaraan di:

**R** : .....

**S** : .....

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan amalan terbaik pengaturcaraan di **R**.

.....

.....

[1 markah]

6. Rajah 2 menunjukan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC).




Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2,

(a) Nyatakan fasa :

**P** : .....

**Q** : .....

[2 markah]

(b) Jelaskan aktiviti yang terlibat dalam fasa **Q**.

.....

.....

[1 markah]

7. Rajah 3 menunjukkan set hubungan bagi pelanggan-pelanggan sebuah kedai serbaneka.




Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan kekardinalan set hubungan tersebut.

.....

[1 markah]

8. Rajah 4 menunjukkan jadual pertandingan dan beberapa data di dalamnya.

**PERTANDINGAN**

| **nokp_peserta** | **nama_peserta** | **kodAcara** | **acara** |
|---|---|---|---|
| 980122-09-2413 | Rahmat bin Sufian | L02 | 200m |
| 961028-09-1021 | Lau Jing Xi | L02 | 200m |
| 951212-08-5977 | Harvinder Singh | L03 | 4 x 100m |
| 980616-10-5612 | Hasmah binti Radhi | L04 | 1000m |

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

(a) Kenalpasti peringkat penormalan bagi jadual tersebut.

……

[1 markah]

(b) Terangkan ciri dan kelemahan peringkat penormalan di (a).

……

……

……

[2 markah]

9. Rajah 5 menunjukkan objek yang terdapat dalam sistem pangkalan data.

**R**

Peminjam

| idPeminjam | namaPeminjam | telefonPeminjam |
|---|---|---|
| 1255001 | Azlina Adam | 0108899478 |
| 1255007 | Steve Shiva | 0166688888 |
| 1255088 | Abdul Rahman | 0188888888 |
| 1255096 | Tan Kim Hock | 0101234567 |
| 1255099 | Francis Rejang | 0129579022 |
| 1255888 | Faizah Ghazali | 0101234563 |

**S**

Buku — Tuesday, 9 August, 2022 11:44:04 AM

| no Panggilan Buku | Nama Buku | Pengarang | Subjek |
|---|---|---|---|
| IPB123000 | Semantic Web | Maryana et.al. | Komputer |
| IPB125480 | C++ Programming | M.A.Baker et. | Komputer |
| IPB125780 | Brain-mind Machineray | G.W. Ng | Komputer |
| IPB192280 | Software Engineering | Roger S.T. | Komputer |

**T**




**U**




Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5,

(a) Kenalpasti objek pangkalan data:

**R** : .....

**S** : .....

**T** : .....

[3 markah]

(b) Terangkan fungsi objek **U.**

.....

[1 markah]

